

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 10**

**Selasa**

**3 Mei 2016**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**

**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015

(Halaman 28)

Rang Undang-undang Dadah Berbahaya

(Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 2015

(Halaman 50)

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT PERTAMA**

**Isnin, 3 Mei 2016**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, apa usaha yang akan dilakukan untuk mengurangkan kesesakan jalanraya di sekitar Kuala Lumpur.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan melalui agensinya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi mengurangkan masalah kesesakan di Kuala Lumpur.

Ia dilaksanakan melalui pelbagai langkah seperti mengurus perancangan, menaik taraf infrastruktur jalan raya, dan membina jalan-jalan sambungan. Pengurusan lalu lintas, meningkatkan kemudahan-kemudahan pengangkutan awam, serta pelaksanaan tindakan penguatkuasaan.

Berdasarkan kepada pengalaman yang lepas, langkah-langkah ini hanya dapat mengatasi masalah dalam tempoh masa yang pendek. Ini disebabkan oleh pembangunan pesat yang menjana kadar peningkatan isi padu lalu lintas berbanding dengan peningkatan kapasiti infrastruktur jalan raya yang tidak seimbang khususnya di Kuala Lumpur. Jumlah kenderaan yang didaftarkan di Wilayah Persekutuan meningkat dengan kadar sekitar 7% setahun, manakala kebanyakan jalan utama telah mencapai kapasiti maksimum dan sukar untuk ditingkatkan kapasitinya.

Untuk itu, Kementerian Wilayah Persekutuan berpandangan bahawa tumpuan kepada penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam merupakan langkah terbaik bagi mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar penggunaan pengangkutan awam di Kuala Lumpur adalah sangat rendah iaitu sekitar 20% sedangkan di bandar raya utama dunia yang lain seperti Tokyo dan Singapura telah melebihi 75%. Dalam hal ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menetapkan had laju untuk mensasarkan peratusan penggunaan pengangkutan awam sehingga 60% ke dalam pusat bandar raya dan 40% penggunaan di luar pusat bandar raya menjelang tahun 2020. Langkah utama ke

arah tersebut melalui perancangan yang selari dengan *transit orientated development*, dan *trip demand management*. Kementerian merasakan bahawa meningkatkan penggunaan pengangkutan awam sebagai langkah paling efektif untuk mengatasi masalah kesesakan seperti bandar raya besar yang lain.

Pelbagai inisiatif berbentuk kemudahan serta infrastruktur fizikal telah dibuat untuk menggalakkan penggunaan sistem pengangkutan awam di Kuala Lumpur. Antaranya, ialah penyediaan hentian akhir bandar iaitu *park and ride*; rangkaian siar pejalan kaki yang selesa, dan selamat; *building to building linkage*, dengan izin; informasi perkhidmatan bas; perkhidmatan batu terakhir iaitu *last miles service*, dengan izin; penyusunan semula sistem koridor perkhidmatan bas bandar; laluan pejalan kaki berbumbung; dan sebagainya. Selain daripada usaha-usaha secara *push factor* kepada mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian sedang dalam perancangan, seperti meningkatkan kadar bayaran tempat letak kereta, caj kesesakan iaitu *congestion charge*, dan penetapan *car free zone* atau zon bebas kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui inisiatif-inisiatif di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), pengangkutan awam bandar dan juga Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) *Greater Kuala Lumpur-Klang Valley* sedang memperluaskan liputan perkhidmatan pengangkutan awam di Lembah Klang khususnya sistem rel. Antaranya, perluasan perkhidmatan sistem rel melalui projek MRT laluan Sungai Buloh-Kajang yang dijangka siap pada tahun 2017 mampu menampung sekitar 400,000 orang penumpang sehari dan kerja-kerja MRT2 laluan Sungai Buloh-Putrajaya telah pun dimulakan. Apabila siap, dijangka peratus pengguna pengangkutan awam akan meningkat, dan secara tidak langsung kesesakan jalan raya di Kuala Lumpur akan berkurangan. Dalam hal ini, rakyat perlu bersedia untuk mengubah gaya hidup terutamanya dalam aspek mobiliti dengan menjadikan pengangkutan awam mode yang utama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik bila Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa tak ramai rakyat di Malaysia menggunakan kenderaan awam.

Saya hendak merujuk kepada kajian yang dibuat oleh Profesor Sullivan dalam tahun 2014, di mana dalam kajian tersebut, seramai 1,225 orang responden diambil dan dibuat kajian. Profesor Sullivan mendapati 79% - pengguna di KL ini, menggunakan kenderaan sendiri, dan hanya 8% menggunakan kenderaan awam dan diteruskan lagi kajian tersebut dan didapati bahawa 41% orang rakyat kita ini kecewa. Makna kata kekecewaan nombor satu ini adalah *traffic jam* di Kuala Lumpur. Dan kalau kita tengok, 35% di Asia Pasifik, dan secara globalnya hanya 29%.

#### ■1010

Makna kata di Malaysia ini, rakyat Malaysia, kekecewaan *traffic jam* ini 41%. Cukup tinggi. Dan ini disebabkan oleh sebab perkhidmatan awam tadi itu tidak *upper standard*, tidak ada *feeder service* yang mencukupi. Saya hendak ucap tahniah kepada kawasan Sri Hartamas di mana disediakan bas yang sentiasa bergerak di dalam kawasan tersebut, sama ada ke *mall* ataupun ke *bus station* dan juga ke *LRT station*. Kalau kita lihat *feeder service* pula, kalau kita merujuk kepada Yang Berhormat kata tadi, di luar negara memang berjaya. Berjaya kerana kos tambangnya kadang-kadang *disubsidize* oleh *Council-*

Dewan Bandaraya bagi secara percuma hasil daripada kutipan cukai kita dan kalau kita lihat di Australia contohnya, kalau kita naik *underground* itu bila sampai ke sesuatu tempat, bas sudah ada. Ini kadang-kadang kita hendak kena tunggu teksi sahaja dekat sejam dari stesen itu hendak pergi ke destinasi-destinasi lain.

Kajian juga dibuat oleh *Star Online* pada 6 Julai 2015, yang dikatakan bahawa impak psikologi yang cukup tinggi kepada rakyat Malaysia ini. Makna kata 2 jam, *traffic jam* ini 2 jam dan dikira hasil produktiviti yang kita rugi sebanyak 5.51 bilion. Dua jam, dibuat kajian ini. 5.51 bilion yang kita rugi hasil daripada *traffic jam* ini. Profesor Dr. Rozmi daripada UKM juga buat kajian, rupa-rupanya di Malaysia ini, 8 daripada 10 orang pengguna jalan raya di Kuala Lumpur ini bersikap agresif.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, soalan pertama saya. Saya ada dua soalan minta Tuan Yang di-Pertua tambah sikit. Adakah ada rancangan Yang Berhormat Menteri untuk mengubahsuai rancangan pembangunan fizikal seperti bangunan dan jalinan jalan raya agar lebih sistematik pada masa hadapan dan seterusnya mengurangkan kesesakan jalan raya.

Makna kata fizikal, *the thinking of public*, dengan izin, dapat dibuat kajian oleh Yang Berhormat Menteri. Soalan saya kedua, ini diminta oleh rakan Tuan Yang di-Pertua. Tidak apalah di luar itu sesak, tapi dalam Dewan ini pun sesak juga Tuan Yang di-Pertua. Kata dia orang sekarang ini yang tidak pakai *driver*, susah hendak *park* kereta sebelah *cafe* tidak dapat. Jadi masing-masing merungut tadi ini di sebelah Dewan, jadi dia minta saya oleh kerana soalan saya kesesakan jalan raya, jadi dia orang kata sebelah *cafe* itu pun sesak. Jadi mintalah supaya pengurusan Dewan membenarkan, khusus kepada Yang Berhormat Senator-senator saja yang tidak ada *driver*. Dia orang kata *insya-Allah*. Ada seorang Datuk tadi kata, kenapa tidak dipakai macam hotel itu, *check* bawah-bawah tayar kot-kot ada bom kah, apa kah, sebelum *parking* di situ?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Jadi saya rasa saya hendak cadangkan kepada Tuan Yang di-Pertua supaya kita beli 'binatang itu', supaya kita *check* tengok siapa yang masuk. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri untuk soalan pertama jawablah. Yang soalan kedua, saya akan bincang dengan Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, telah saya jelaskan tadi, kita telah mengambil banyak langkah untuk pertamanya mengurangkan kesesakan lalu lintas. Keduanya, masalah yang terjadi disebabkan oleh kesesakan lalu lintas seperti impak fizikal, impak produktiviti dan sebagainya. Akan tetapi, kalau kita bandingkan angka-angka yang telah Yang Berhormat bagi tadi, angka-angka ini memang akan sesuai dengan penggunaan. Kalau kita lihat ia akan selaras dengan penggunaan pengangkutan awam di Kuala Lumpur kerana rakyat tidak mahu gunakan pengangkutan awam. Mereka cuma hendak gunakan perkataan-perkataan sebagai tidak ada *feeder bus*, tidak ada *feeder service*, tidak ada perhentian. Kalau boleh mereka hendak perhentian di tiap-tiap rumah.

Ini *mind set*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *mind set* rakyat. Kita ada stesen, kita tidak boleh buat satu pengangkutan awam ada stesen di semua tempat. Dia akan tertumpulah kepada kawasan-kawasan. Dari situ, dia boleh menggunakan kenderaan-kenderaan sendiri untuk bergerak. Macam *park and ride*, kita ada *park and ride* tetapi mereka tidak akan gunakan *park and ride*. Mereka mahu juga masuk dalam bandar, mahu juga gunakan kenderaan sendiri.

Kalau lihat pada pagi di *Federal Highway*, saya tiap-tiap hari menggunakan *Federal Highway*, tiap-tiap kereta ada satu orang. So, ini tidak boleh diatasi secara kerajaan sahaja. Ia perlukan kerjasama rakyat. Kita perlu *do it*. Rakyat kena tahu bahawa kesesakan ini merupakan satu kesesakan. Masalah kesesakan merupakan satu masalah yang kita mesti mengatasi bersama. Kalau rakyat bekerjasama, orang-orang yang boleh gunakan pengangkutan awam ke tempat-tempat kerja mereka, orang-orang yang hendak pergi ke *mall*, kebanyakan *mall* ada *connectivity* dengan pengangkutan awam, LRT ada, bas ada tetapi mereka masih mahu menggunakan kereta sendiri. Ini masalah Yang Berhormat. Soalan kedua akan dijawab oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, silakan.

**Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B):** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya perhatikan kesesakan jalan raya ini selalunya terjadi pada hari Jumaat. Apabila menjelang tengah hari saja, mulalah kesesakan di jalan raya. Ini sudah kita perhatikan dan juga masa yang kedua semasa hujan. Saya hendak tanya kementerian, apabila kita sudah lihat ini, fenomena hari Jumaat ini, kesesakan luar biasa, apa tindakan yang kita ambil untuk menyuraikan atau menangani kesesakan hari Jumaat ini kerana tiap-tiap hari Jumaat apabila kita hendak pergi ke fungsi ataupun, dengan izin, *official function*, kita kena banci, kita kena tambah satu jam sebelum kita sampai ke destinasi.

Jadi, apakah tindakan. Saya rasa kalau kita sudah melihat perkara ini terjadi tiap-tiap hari Jumaat, seharusnya kita ada kesungguhan, *authority*, dengan izin, yang akan cuba menyuraikan kesesakan itu di dengan izin, *check point-check point* yang telah kita melihat atau membuat *study*, membuat kajian tiap-tiap minggu. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, khusus pada hari Jumaat.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya telah dalam jawapan saya tadi menyebutkan bahawa kementerian melalui agensi DBKL telah pun mengadakan rancangan *orientiated development* dalam perancangan dan juga kita memperkenalkan *traffic demand management*, merupakan dua kaedah yang kita gunakan untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas pada khususnya pada petang pada waktu lepas pulang kerja dan juga pada *peak hour* yang telah disebut. Walaupun kita adakan rancangan-rancangan ini, tetapi kapasiti lalu lintas ataupun jalan raya-jalan raya kita ini memang adalah jalan raya-jalan raya yang telah pun kapasitinya sudah maksimum. Tidak boleh lagi ditingkatkan.

Ini juga menjadi satu sebab kenapa satu masalah walaupun kita ada *traffic demand management*, kita ada *orientiated development* perancangan, tetapi masih kita mengalami kesesakan jalan raya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**2. Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman** minta Perdana Menteri menyatakan, jumlah kutipan zakat setiap tahun dan bagaimanakah wang kutipan ini dibelanjakan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]:**

Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum di bawah Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, hal ehwal agama Islam termasuklah urusan zakat, terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

■1020

Justeru persoalan mengenai hasil kutipan zakat dan juga pelaksanaan aktiviti agihan zakat perlu dirujuk kepada majlis pihak berkuasa agama negeri yang berkaitan. Bagi peringkat-peringkat persekutuan iaitu Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan berdasarkan laporan belum diaudit kutipan zakat sebanyak RM563 juta pada tahun 2015.

Mengenai agihan kutipan zakat tersebut diagihkan melalui dua bentuk iaitu secara langsung dan secara tidak langsung. Mengikut agihan secara langsung golongan asnaf akan menerima bantuan menerusi skim-skim bantuan yang merangkumi aspek keperluan asasi, pendidikan berdikari, kebajikan dan dakwah. Sehingga kini di Wilayah Persekutuan terdapat 28 skim bantuan yang disediakan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan iaitu:

- (i) bantuan kewangan bulanan;
- (ii) bantuan deposit sewa rumah dan sewa rumah bulanan;
- (iii) bantuan membina dan/ataupun membaiki ataupun deposit untuk pembelian rumah;
- (iv) bantuan perubatan;
- (v) bantuan menyelesaikan hutang *al-gharimin*;
- (vi) bantuan perniagaan;
- (vii) bantuan deposit untuk sewa beli teksis;
- (viii) bantuan deposit van ataupun bas sekolah;
- (ix) bantuan pertanian;
- (x) bantuan persekolahan;
- (xi) bantuan am pelajaran IPT;
- (xii) bantuan peralatan dan kecemasan persekolahan;

- (xiii) bantuan biasiswa ataupun insentif khas pelajar cemerlang dalam dan juga luar negara;
- (xiv) bantuan persediaan IPT;
- (xv) bantuan tuisyen;
- (xvi) bantuan pelajar Kolej Antarabangsa Sains Perubatan Pusrawi (PICOMS);
- (xvii) bantuan pelajar Institut Profesional Baitulmal (IPB);
- (xviii) bantuan galakan hafaz Al-Quran;
- (xix) bantuan musibah;
- (xx) bantuan agensi-agensi kebajikan NGO dan institusi pendidikan;
- (xxi) bantuan perkahwinan;
- (xxii) bantuan deposit membeli motosikal OKU;
- (xxiii) bantuan guaman syarie;
- (xxiv) bantuan *ibni sabil*;
- (xxv) bantuan Ramadan;
- (xxvi) bantuan kecemasan;
- (xxvii) bantuan takaful asnaf; dan
- (xxviii) bantuan *riqab*.

Agihan secara tidak langsung pula dilaksanakan MAIWP melalui penubuhan dan pembangunan infrastruktur dan prasarana yang boleh dimanfaatkan untuk jangka masa panjang antaranya dalam bidang pendidikan MAIWP telah membangunkan Institut Kemahiran Baitulmal, Institut Profesional Baitulmal, Sekolah Menengah Agama MAIWP, Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA) dan Kolej Antarabangsa Sains Perubatan Pusrawi. Dalam bidang perlindungan dan juga kebajikan wang zakat juga telah digunakan untuk membangunkan beberapa buah kompleks seperti Darul Kifayah untuk anak-anak yatim daripada asnaf, fakir dan miskin dan Darus Saadah untuk wanita yang terjebak dalam gejala sosial. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang datang menjawab sendiri dengan begitu terperinci. Soalan tambahan saya selain daripada bantuan dan juga peruntukan infrastruktur, adakah kita memberi peruntukan- saya tengok saya cukup risau dengan keadaan tapak-tapak perkuburan orang Islam yang saya fikir tidak dijaga dengan sempurna. Adakah peruntukan dibuat untuk menjaga perkuburan? Saya tahulah Yang Berhormat Menteri kata ini kuasa kerajaan-kerajaan negeri, saya dapati istimewa pula di kampung-kampung, tapak perkuburan orang Islam tidak terjaga. Terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator yang membangkitkan berkaitan urusan masalah pengurusan perkuburan dan sebenarnya saya bersetuju amat bahawa pengurusan-pengurusan perkuburan terutamanya di kawasan-kawasan yang daripada bukan setakat luar bandar sebenarnya, dalam bandar pun sama juga, kita

menghadapi selain daripada kekangan tempat untuk pengurusan dan juga pengebumian jenazah, dalam masa yang sama juga ada masalah dari sudut penjagaan.

Oleh sebab dimomokkan, bukan dimomokkan sebenarnya tetapi sudah menjadi kefahaman selain daripada memang semua orang takut untuk mati, takut pula tengok orang mati, bukan setakat tengok menguruskan orang mati pun takut, mengusung orang mati pun takut dan apatah lagi hendak pergi ke kubur pun jadi takut. Akhirnya kita melihat penjagaan kubur ini *alhamdulillah* kalau sekiranya sekali raya orang anjurkan untuk majlis bersama-sama mencuci kubur dan sebagainya. Masyarakat Cina saya ingat dia ada satu hari *Cheng Beng*, hari dia pergi ke kubur. Hari itu ramai orang datang dan cuci elok. Akan tetapi dalam masyarakat Melayu ini dia hari untuk cuci kubur ini tidak ada. Dia bergantung pada keluarga masing-masing ataupun pihak pengurusan masjid.

Berbalik kepada Yang Berhormat Senator sebutkan sebentar tadi saya bersetuju amat. Memang sebenarnya sebagaimana sebab itu saya jawab soalan tiap-tiap kali di mana soalan kaitan agama ini saya sering menyebut tentang Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, Islam di bawah agama negeri masing-masing. Sebab yang demikianlah Wilayah Persekutuan mengambil satu contoh dan pendekatan boleh Yang Berhormat tengok, ada di satu kawasan perkuburan, Perkuburan Karak. Kita ada seluas lebih kurang dalam satu keluasan yang agak besar boleh menampung puluhan ribu jenazah yang kita kebumikan dan hari ini kita sudah jadikan dia sebagai satu kuburan yang menjadi *benchmark* kepada masyarakat umum iaitu namanya Raudhatus Sakinah yang mana kita susunkan plot yang lelaki untuk lelaki, yang perempuan untuk perempuan, kanak-kanak untuk kanak-kanak.

Kita letakkan tempat-tempat kemudahan termasuk gazebo untuk orang yang hendak pergi ziarah, dia sempat rehat di situ. Dia ada sistem untuk kalau hendak diuruskan jenazah pada waktu malam pun boleh termasuk juga nilai-nilai tambah yang lain. Di sudut landskap, rumput ditanam dengan begitu baik. Hari ini di Wilayah Persekutuan kita sudah kembangkan ada tiga sebenarnya yang sedang kita bangunkan satu dekat dengan Kiara dekat dengan ini tanah di kawasan itu memang mahal tetapi saya hendak berterima kasih kepada kerajaan yang terdahulu telah memberikan dan membenarkan satu plot tanah sekitar empat ekar lebih yang berdekatan dengan KLGCC. Kalau KLGCC ini nilai tanah pada hari ini sekaki hampir mungkin- barangkali RM600 tetapi sudah ada plot kawasan itu yang sedang kita bangunkan termasuk juga dekat dengan MRR2 yang kita bina untuk membina kawasan perkuburan.

Cumanya berbalik kepada soalan tadi Yang Berhormat Senator, kita sering memperingatkan kepada umat Islam dan satu lagi tambahan ini ada di kubur yang kita buat dekat Karak itu dia ada e-Pusara, ini lupa saya hendak sebutkan. Terima kasih kepada yang telah memperingatkan. e-Pusara ini Ahli-ahli Yang Berhormat maknanya kalau kita masuk dalam sistem di bawah pengurusan MAIWP dan kemudian kita tekan e-Pusara kita boleh tahu oleh sebab keluasan tanah itu begitu luas, jadi hendak pergi cari di mana perkuburan keluarga kita yang meninggal yang tak sempat kita ziarah, kita datang hari lain, masuk dalam e-Pusara dia akan keluar nama-nama yang telah kita cari dan plot kawasan.

Akan tetapi dahulu ada sebelum itu ada tohmah sedikit, dia kata sudah siap orang *booking* dah. Tidak ada. Siapa yang meninggal boleh masuk di situ. Yang tidak meninggal sahaja yang tidak boleh



masuk dalam tu sebab yang tidak meninggal tidak boleh masuklah dalam kubur. Ziarah kubur itu boleh tetapi ada timbul tohmahan dalam media-media sosial *online*, dia sebut kata ini dah dibuat sudah ada kroni-kroni yang sudah *booking*. Jadi sebenarnya tiada siapa yang berani *booking* kubur sebab dia takut kerana kalau boleh dia mahu hidup 1,000 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan sentiasa memberikan dorongan dan semangat dan *alhamdulillah* hari ini dan banyak bukan setakat kerajaan negeri yang turun untuk melawat di kawasan Raudhatul Sakinah kita ini termasuk juga rakan-rakan negara MABIM termasuk daripada *Singapore*, Indonesia, Thailand dan juga Brunei yang datang melawat ini dan mereka menjadikan ini sebagai model untuk kawasan perkuburan untuk masyarakat umum tanpa bayaran tetapi diuruskan dengan sebaik mungkin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah datang menjawab. Saya tertarik dengan Yang Berhormat Menteri tadi yang menyatakan bahawa ramai orang takut hendak pergi kubur oleh sebab itu kubur kita berselerak dan sebenarnya yang lebih takutnya hendak masuk kubur itu. Hendak mati itu yang paling takut daripada hendak pergi ke kubur.

■1030

Tidak mengapalah Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya ada dua sini. Pertama, saya dapat maklumat bahawa ada di kalangan jabatan atau pandangan yang telah diberi bahawa wang zakat ini tidak boleh dibuat bangunan dan sebagainya. Sehingga perkara ini ada sedikit terencat dalam pengagihan dan juga pelaksanaan daripada segi pembangunan umat. Mereka mengatakan bahawa duit zakat itu perlu dihabiskan pada tahun itu juga. Perkara-perkara seperti bangunan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi semacam tidak boleh dibuat. Itu saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri.

Kedua ialah saya sering kedengaran bahawa ada mereka yang meninggal di Kuala Lumpur agak sukar untuk mendapat pengurusan dan juga pengebumian di sekitar Kuala Lumpur ini dan terpaksa membawa mayat itu balik ke kampung sendiri. Sejauh mana dakwaan ini benar? Apakah prosedur yang perlu mereka lalui- sehingga mereka rasa susah untuk mengebumikan mayat di Kuala Lumpur? Terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan yang saya rasa cukup memberangsangkan untuk pasal kubur sebab semua kena mati Tuan Yang di-Pertua. Jadi, baik Melayu, baik India, baik Cina, semua akan meninggal tetapi nampak prihatin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kaum Cina ini mereka boleh *booking*.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom:** Pasal itu dia kena bayar, dia kena bayar sebab itu kena *booking*, kalau tidak dia tidak dapat plot yang terbaik untuk *feng shui*. Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Senator Dato' Dr. Johari bin Mat, Yang Berhormat Senator guru saya dahulu semasa di universiti. Dia guru, kita kena akuilah.

Saya suka hendak tarik perhatian bahawa berkaitan dengan penggunaan duit untuk membina bangunan-bangunan, prasarana untuk tujuan kepentingan masyarakat ummah sebagaimana membina sekolah ataupun membina IPT yang bersifat IPTS untuk membantu anak-anak asnaf. Sebenarnya Yang Berhormat, saya setuju bahawa ada kekangan di sana, cumanya mungkin jawapan itu agak tidak menepati. Oleh sebab wang kutipan zakat ini bergantung kepada negeri-negeri masing-masing.

Di Malaysia ini ada dua buah negeri sahaja yang boleh dibanggakan dalam konteks kutipan dan ada di sana kalau saya katakan sebagai semacam bukan *surplus* tetapi ada ruang untuk kita hendak membangunkan prasarana yang lain. Sedangkan asnaf yang lapan tadi ini, terutamanya asnaf yang paling utama, fakir miskin dan juga termasuk muafak dan juga termasuk *fii sabilillah*. Asnaf ini terlampau memerlukan kepada jumlah dana yang agak besar. Maka, dalam keadaan yang sedemikian, mungkin di negeri-negeri kutipan yang tidak menjangkau melepasi membayar fakir dan miskin ini, sudah menjadi bebanan untuk hendak melaksanakan projek-projek yang lain, termasuk pembinaan kemudahan pendidikan ataupun untuk rumah anak-anak yatim dan sebagainya.

Jadi, mungkin atas sifat itulah jawapan diberikan kerana duit tidak cukup dan perlu dihabiskan tahun itu. Bukan sifatnya begitu di Wilayah Persekutuan, duit-duit kita yang masih lagi terhimpun dan terkumpul yang belum cukup, maka kita di sana ada ialah wang-wang tersebut yang disimpan untuk tahun terakhir atau tahun berikutnya. Untuk makluman rakan-rakan Senator sekalian bahawa sebenarnya dalam kutipan wang, ada dua musim kutip yang begitu laju.

Satu, nanti Ramadan yang tidak beberapa hari lagi, *insya-Allah* pada 6 Jun, kalau kita mulakan, atau 7 Jun kita mulakan Ramadan, mulai daripada itu atas sifat motivasi bersedekah, membelanjakan wang dan sebagainya, bayar zakat dan sebagainya, pada bulan Ramadan pahalanya berganda, jadi ia akan meningkat cukup drastik dalam bulan Ramadan. Paling drastik pada bulan Disember dan bulan Disember yang paling banyak kutipan ialah hari terakhir iaitulah pada 31 Disember.

Jadi, ini *trend*. Maknanya, kalau kutip 31 Disember, kita tidak boleh hendak agih pada hari tersebut untuk dihabiskan. Tentu kena dibawa esok dan esok atarikh dan tahun yang baru. Jadi, itu mungkin Yang Berhormat, maksud jawapan kerana hendak habiskan itu kerana sebenarnya mereka tidak banyak kutipan yang dapat dibuat dan hendak dibelanjakan daripada kelompok yang menjadi tradisi iaitu fakir miskin dan *fii sabilillah* dan berapa yang lain.

Selain daripada itu juga, yang berkaitan dengan meninggal di Kuala Lumpur ini sukar untuk tujuannya untuk dikebumikan. Sebenarnya tidak begitu tetapi mungkin faktor-faktor tidak memahami. Oleh sebab dalam keadaan kalau yang bukan dia itu menetap dalam satu-satu mukim atau pun dalam satu-satu kariah, contohnya katakan dia duduk dekat dengan kawasan Keramat yang sebelah Wilayah Persekutuan. Kawasan kuburnya amat terhad dan sudah dikatakan penuh dan terpaksa duduk di celah-celah. Macam itu juga orang yang duduk di beberapa buah tempat yang ada di Kuala Lumpur ini yang masjidnya ada tetapi tidak ada kawasan kubur. Dia menumpang di tempat lain. Ini lebih dikhususkan. Sebab itu ditanyakan dia asal duduk di mana, alamat rumah di mana, dia menetap di sini tak, apatah lagi dia sebenarnya dari kampung, datang rumah anaknya tiba-tiba sakit dan meninggal.

Jadi, itu yang mungkin faktor dibawa pulang. Akan tetapi apa sekalipun untuk maklumat, Wilayah Persekutuan kubur yang saya sebutkan tadi Raudhatul Sakinah, kita menempatkan sebuah tempat yang boleh kita tampung untuk beberapa tahun yang akan datang walaupun ada kekangan di tempat-tempat lain. Akan tetapi mereka kena menghubungi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan ataupun JAWI, Jabatan Agama Islam Wilayah dan mohon ditempatkan di kawasan Raudhatul Sakinah. Cuma satu lagi tempat yang agak popular orang minta tetapi yang ini memang sukar kerana sudah hampir-hampir, boleh dikatakan penuh cuma dicari celah kuburan dekat dengan Kiara.

Jadi, yang ini menjadi permohonan dan permintaan yang tinggi sebab kebetulan dengan kawasan yang berkembar. Perumahan berkembar itu di bawah Selangor tetapi dia sudah duduk menetap sudah begitu lama dan kawasan kubur keluarganya ialah di Kiara. Kiara di Wilayah, Persekutuan. Jadi, yang meninggal dari Selangor tadi pun hendak dibawa juga ke situ. Jadi kawasan ini menjadi kawasan yang agak padat. Jadi, mungkin Ahli Yang Berhormat kerana ketidakfahaman tentang kawasan dan juga prosedur permohonan untuk tujuan pengebumian tersebut.

Saya tambah sedikit tadi daripada maklumat apa-apa yang berkaitan dengan penggunaan wang zakat, kita ada jawatankuasa yang dipanggil Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak diketuai Mufti Wilayah Persekutuan dalam menentukan. Sebab ini maklumat juga kita perlu berikan kepada pengetahuan umum bahawa kalau apa-apa penggunaan wang yang berkaitan dengan pembinaan bangunan dan sebagainya, sebelum diluluskan pembinaan itu, Jawatankuasa Hukum Syarak diketuai oleh Mufti Wilayah Persekutuan sendiri akan bersidang dan melihat kepada kepentingan. Kalau sekiranya diluluskan, barulah wang tersebut digunakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sebentar tadi telah membentangkan dengan agak terperinci. Saya ucapkan tahniah di atas beberapa kemajuan daripada segi pelaksanaan zakat di Malaysia. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah adakah Yang Berhormat Menteri berpuas hati terhadap prestasi ataupun kewajipan mengeluarkan zakat di kalangan peniaga-peniaga di Wilayah Persekutuan. Khususnya di bawah kawal selia Yang Berhormat Menteri yang selama ini dalam seminar-seminar zakat kita mendengar bahawa kumpulan peniaga-peniaga masih belum mencapai status yang memuaskan daripada segi kesedaran kewajipan mengeluarkan zakat. Sekian, terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan Yang Berhormat Prof. Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty yang berkaitan adakah kita berpuas hati. Sebenarnya, saya suka hendak mengucapkan tahniah kepada penyumbang-penyumbang zakat yang tertinggi dan banyak sekarang di Wilayah Persekutuan dan juga termasuk di negeri-negeri adalah daripada rakan-rakan peniaga.

Cumanya perlu kita perkemaskan lagi, perlu lagi ada hubungan yang begitu dekat dan rapat, makluman dan juga *engagement*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kepada mereka yang menjadi pengeluar zakat.

**■1040**

Ini kerana daripada pemerhatian yang dapat kita buat, zakat individu ataupun zakat peribadi ataupun zakat persendirian adalah pada jumlah yang agak kecil di mana zakat berdasarkan kepada-walaupun sebenarnya potongan gaji pekerja ini ramai tetapi jumlah kutipan itu tidak sebanyak yang daripada agensi-agensi peniaga-peniaga dan sebagainya.

Namun, di Wilayah Persekutuan dan sebagainya, kita mengambil pelbagai pendekatan termasuk kita ambil pendekatan yang bukan sekadar satu hala, menunggu di *office*, mendapat orang datang untuk bayar zakat tetapi juga kita keluar. Dulu mungkin kita keluar hanya ke pejabat-pejabat kerajaan bagi taklimat tentang zakat pendapatan dan sebagainya tetapi hari ini langkah yang diambil melalui- kalau di Wilayah Pusat Pungutan Zakat (PPZ), mereka turun ke pejabat-pejabat dan turun ke GLC-GLC termasuk turun kepada syarikat-syarikat, peniaga-peniaga untuk memaklumkan kepada mereka.

Saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan terima kasih kepada sokongan yang berterusan. Namun, masih ada ruang lagi untuk kita mempertingkatkan untuk menambah lagi jumlah kutipan dan juga jumlah orang yang turut menyumbang di sudut pemberian dan pembayaran zakat mereka. Terima kasih.

**3. Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, mengapa masih berlaku kelemahan prosedur dan proses kewangan di peringkat kementerian sehingga menyebabkan ketirisan, penyelewengan atau salah guna kuasa seperti kes terbaru membabitkan seorang pegawai kanan kerajaan di Kementerian Belia dan Sukan.

**Menteri Belia dan Sukan [Tuan Khairy Jamaluddin]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti mana yang semua sedia maklum, seorang pegawai Kementerian Belia dan Sukan telah dituduh di mahkamah berhubung kes penyelewengan dana kerajaan berjumlah RM38.4 juta. Kenyataan akhbar telah saya buat pada 21 Mac 2016 dan telah dijelaskan dalam sesi penggulungan perbahasan Titah Diraja di Dewan Rakyat baru-baru ini mengenai tiga perkara penting berkaitan dengan isu ini iaitu seperti berikut.

Pertama, siasatan kes oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang telah menghasilkan dua pertuduhan di mahkamah.

Kedua, Kementerian Belia dan Sukan dan agensi di bawahnya telah dan akan terus memberikan kerjasama yang penuh kepada SPRM.

Ketiga, saya sendiri telah memohon agar pasukan petugas siasatan bebas di bawah Ketua Setiausaha Negara dibentuk untuk melihat kelemahan proses yang sedia ada. Ini tidak diperlukan tetapi saya telah mohon agar Tan Sri Ketua Setiausaha Negara membentuk satu pasukan siasatan bebas yang tidak melibatkan mana-mana pegawai Kementerian Belia dan Sukan.

Salah satu kenyataan yang telah dibuat oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa, iaitu Audit Forensik yang dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara telah pun ditubuhkan, sedang menjalankan tugas dan saya difahamkan hampir selesai terhadap Kementerian saya dan agensi di bawah KBS termasuklah Majlis Sukan Negara untuk mengenal pasti dan meneliti sejauh mana peraturan dan prosedur kewangan yang dilaksanakan dipatuhi. Satu laporan rasmi daripada pasukan audit ini akan dibuat bagi melaporkan sebarang kelemahan yang mengakibatkan perkara ini berlaku dan seterusnya mencadangkan tindakan pembetulan.

Saya tidak mahu mendahului hasil siasatan daripada pasukan petugas bebas ini. Tujuan kita minta Ketua Setiausaha Negara untuk tubuhkan pasukan petugas ini adalah untuk memastikan bahawa segala dapatan berkenaan dengan kelemahan prosedur itu disahkan oleh badan bebas dan bukannya diberitahu oleh Menteri ataupun Kementerian sendiri.

Tinggal lagi, saya boleh memberi rumusan kepada Dewan pada hari ini bahawa apa yang menjadi masalah dalam kes ini proses agihan bajet yang telah dimanipulasikan. Amalan di mana sebuah agensi membuat bayaran dengan hanya berdasarkan kepada arahan seorang pegawai kanan tanpa sebarang persoalan menyebabkan penyalahgunaan ini berlarutan hingga bertahun-tahun.

Itu yang sebenarnya menjadi masalah di sini tetapi soal kelemahan prosedur dan sebagainya, biarlah laporan daripada pasukan petugas bebas ini yang dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, selesai dan kemukakan laporan yang akan dibentangkan secara awam untuk diperhalusi oleh semua. Terima kasih.

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bagaimanakah Kementerian Belia dan Sukan dan Pesuruhjaya Sukan Malaysia mengurus dan mengawal selia wang tajaan dari sektor swasta dan individu atau Geran Pembangunan Sukan Persekutuan yang diselenggara oleh persatuan-persatuan sukan agar tata amalan dan tatacara prosedur kewangan mengikut arahan Perbendaharaan Malaysia dipatuhi dan tidak timbul pertikaian antara penyumbang tajaan dengan jawatankuasa pimpinan persatuan sukan demi memastikan kesinambungan tajaan sukan dan *event* besar kejohanan sukan negara mendapat manfaat sebenar penajaan pihak berkepentingan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Melalui Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia (PJS), kita syaratkan supaya segala akaun termasuklah akaun penajaan yang didapati oleh persatuan-persatuan sukan itu diaudit secara berterusan.

Selain daripada proses pengauditan yang perlu dihantar dan dimaklumkan kepada Pesuruhjaya Sukan dan disemak oleh Pesuruhjaya Sukan, kita juga mengambil langkah-langkah awal, antaranya kursus-kursus pentadbiran, kursus-kursus meningkatkan kapasiti iaitu *capacity building*, supaya persatuan-persatuan ini meningkatkan tahap pengurusan kewangan mereka. Kursus ini sangat penting kerana duit penajaan ini kadangkala melibatkan jutaan Ringgit. Apabila melibatkan jutaan Ringgit dan diserahkan kepada persatuan sukan yang tidak ada kapasiti, tidak ada keupayaan untuk mengurus dana

yang besar, maka berlakulah masalah-masalah ketirisan, masalah-masalah pengurusan kewangan dan sebagainya.

Kita juga mengambil tindakan selanjutnya sekiranya ada aduan yang berlaku. Sebagai contoh, pada tahun lepas, saya telah mengarahkan Pesuruhjaya Sukan untuk siasat dan akhirnya Pesuruhjaya Sukan telah menggantung sebuah persatuan sukan kebangsaan iaitu Persatuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia iaitu berhubung kait dengan pengurusan kewangan yang lemah yang ada kaitan dengan tajaan bagi acara-acara besar termasuklah geran yang diberikan melalui Kementerian Belia dan Sukan. Jadi, boleh disimpulkan tiga perkara iaitu, pertama, pemantauan yang berterusan yang dibuat melalui maklumat yang hendak diberikan kepada PJS iaitu akaun yang diaudit dan sebagainya.

Kedua, langkah-langkah *capacity building* melalui kursus dan juga melalui amalan terbaik yang kita sampaikan kepada pegawai-pegawai terutamanya mereka yang mengurus kewangan dalam persatuan sukan.

Ketiga, tindakan punitif apabila kita menerima aduan iaitu penggantungan dan penyusunan semula persatuan-persatuan sukan apabila didapati berlakunya penyelewengan ataupun pengurusan kewangan yang lemah seperti mana yang berlaku di PKBM pada tahun lepas.

**Dato' Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu, saya ucapkan selamat datang kepada JKK Kampung Bayai yang hadir ke Dewan pada hari ini [Tepuk]

Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab hari ini. Saya memang terasa bahawa hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Rakyat hari ini menyatakan bahawa Kementerian Belia dan Sukan ini dianggap bahawa berbagai-bagai perkara itu berlaku. Ketirisannya berlaku, kebocoran dan lain-lain ini berlaku.

#### ■1050

Jadi, adakah Menteri diasak hari ini bertalu-talu dan Menteri *maintain* bahawa Menteri juga tegas kerana perkara ini berlaku oleh pegawai yang tidak bertanggungjawab. Jadi soalan saya apakah peranan KSU di kementerian? Kedua apakah peranan TKSU di kementerian? Apakah peranan kewangan dan yang paling saya rasa tidak patut berlaku apakah peranan audit dalam? Sekian lama ia berlaku, Menteri bertukar-tukar akhirnya dikesan RM3.84 juta telah hilang ataupun telah pun diselewengkan dengan kadar yang banyak. RM3.84 juta ini untuk rakyat cukup besar. Boleh bina jalan, boleh bina surau, boleh bina masjid dan sebagainya. Jadi dapat kepada pegawai yang tidak bertanggungjawab dan pegawai ini bermewah-mewahan, baru dapat dikesan.

Pegawai boleh pergi ke luar negara, pergi London, pergi Paris baru dapat kesan, lama sudah. Sudah belanja lama sudah. Di manakah mata-mata ini? Mata-mata audit ini patut audit pun kena ambil tindakan, audit dalam ini. Kalau dia tidak boleh duduk dalam, dudukkan dia di luar kerana tanggungjawab ini sangat penting, jadi amanah dan tanggungjawab kerajaan untuk menjaga. Akhirnya Menteri dipersalahkan, kerajaan dipersalahkan oleh sebab si polan yang tidak bertanggungjawab.

Jadi, apa peranan, tindakan Menteri untuk mengekang perkara ini agar tidak berlaku di mana-mana kementerian? Ini berlaku di kementerian KBS, mungkin berlaku di Kementerian Kerja Raya,

bangunan tidak siap tetapi *claimnya* dapat. Barang tidak hantar perolehan jalan dan pegawai yang tidak berintegriti inilah patut diambil tindakan dan ditukar. Jangan Menteri ini tahan, kalau tahan ini tidak boleh bagus ini kerana jaga Menteri, bodek kuat, simpan ini. Sampai akhirnya duit sudah habis, baru sedar dan *standard operating procedure* (SOP) ini perlu ditekankan apa prosedur hendak keluar duit ini.

Kadang-kadang kita hendak keluar duit RM1 pun kita lalu pelbagai proses yang ada. Hari ini berjuta keluar duit pun pegawai yang tukang *sign* yang tukang apa itu, siap *brother* semua sudah siap sudah. Ini mungkin ada sedikit *brother* hendak pergi mana hendak makan. Mereka *sign*, *sign* akhirnya panel lulus, bila panel lulus akhirnya RM3.84 juta. Jadi apa komen Menteri? Terima kasih.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat, RM3.84 juta. Saya ingin mengambil kesempatan ini berdasarkan kepada komen dan juga soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi.

Untuk menjelaskan sedikit berkenaan dengan pengurusan kewangan dalam pentadbiran kerajaan. Dalam pentadbiran kerajaan, pengurusan kewangan ini adalah satu bidang yang dikeluarkan daripada bidang kuasa mutlak Menteri dan ini disengajakan. Ini disengajakan disebabkan kita tidak mahu Menteri yang ada kelulusan mutlak berkenaan dengan apa-apa keputusan tender dan juga keputusan pemberian kewangan. Oleh sebab itu Pengerusi Jawatankuasa Tender, Pengerusi Jawatankuasa Kewangan hatta Pengerusi Jawatankuasa Audit dalam mana-mana kementerian pegawai kerajaan dan bukannya Menteri.

Pegawai Pengawal Kewangan bagi setiap kementerian Ketua Setiausaha dan bukannya Menteri. Kita pisahkan bidang tugas ini atas sebab kita tidak mahu Menteri berada dalam kedudukan kuasa mutlak yang boleh menentukan dasar dan yang boleh menentukan kelulusan kewangan, sebab itu kita pisahkan kuasa tersebut. Dalam keadaan tersebut, maka berlakulah pelbagai perkara seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Namun demikian, saya sebagai Menteri yang bertanggungjawab, saya pun tidak boleh serahkan 100% kepada pegawai tanpa melihat kepada sistem yang sedia wujud ataupun struktur yang sedia wujud. Juga cadangkan bagaimana kita dapat meningkatkan pemantauan terhadap struktur, SOP dan segala peraturan yang telah menyebabkan perkara ini berlaku.

Oleh yang demikian saya telah mencadangkan kepada Ketua Setiausaha Negara bahawa satu kawalan dalaman perlu ditambah untuk membantu Menteri di setiap kementerian. Kalau sekiranya cadangan tersebut diambil dan diguna pakai di kementerian-kementerian yang lain, bagi pemantauan kewangan itu dapat dibuat dengan lebih rapi oleh Menteri sendiri dan dibantu oleh pegawai-pegawai kanan. Saya telah cadangkan supaya Jawatankuasa Tertinggi Pengurusan Kewangan yang sekarang ini tidak wujud ya, sebab Jawatankuasa Kewangan sekarang ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha kementerian.

Saya cadangkan supaya Jawatankuasa Tertinggi Pengurusan Kewangan di kementerian saya dahulu ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Menteri sendiri. Ini tidak pernah, berlaku sebab selama ini apabila Menteri hendak tanya soal kewangan dia tanya KSU, KSU jawab itu sahaja. Akan tetapi tidak ada

satu jawatankuasa tetap yang boleh buat pemantauan secara berterusan berkenaan dengan perbelanjaan dan juga berkenaan dengan segala transaksi kewangan dalam kementerian yang dipengerusikan oleh Menteri.

Jadi saya cadangkan Jawatankuasa Tertinggi Pengurusan Kewangan dipengerusikan oleh Menteri memantau pengurusan kewangan kementerian termasuk agensi-agensi di bawah kementerian. Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun. Mesti lapor kepada Menteri segala transaksi kewangan dan bukannya diberikan secara lisan sahaja.

Apabila Menteri meminta, barulah diberikan secara lisan. Mesti ada perubahan daripada, dengan izin, *standard over side* dalam setiap kementerian. Selain itu Mesyuarat Pemantauan dan Penyelarasan Pengurusan Kewangan yang dipengerusikan oleh KSU juga diminta untuk ditubuhkan bagi memantau dan menyelaraskan pengurusan kewangan di Kementerian Belia dan Sukan dan mesyuarat ini diadakan pada setiap bulan. Ini merupakan satu penambahbaikan di samping kaedah pemantauan sedia ada iaitu Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun yang perlu bermesyuarat pada setiap suku tahun.

Selain daripada itu untuk Kumpulan Wang Amanah yang dalam kes ini disalahgunakan, saya telah cadangkan supaya kita menambah wakil daripada Kementerian Kewangan serta wakil Pejabat Belanjawan Negara dan Ketua Akauntan Kementerian Belia dan Sukan sebagai Ahli Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara. Memastikan setiap pnaluran peruntukan Kumpulan Wang Amanah Sukan kepada agensi di bawah KBS mendapat kelulusan pegawai pengawal terlebih dahulu.

Ini penting sebab apa yang berlaku di sini peruntukan itu dilulus di peringkat jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Negara. Jadi keputusan peruntukan itu dilulus tetapi penyelewengan itu berlaku apabila duit itu disalurkan kepada Majlis Sukan Negara. *Approval process* okey, dengan izin, tetapi manipulasi berlaku pada *transfer process* sebab pegawai pengawal iaitu KSU tidak dimaklumkan berkenaan dengan pnaluran tersebut dan juga lampiran yang minta supaya pembayaran tertentu dibuat oleh pegawai yang telah didakwa di mahkamah.

Jadi sekarang ini kita minta supaya kelulusan pegawai pengawal bukan hanya untuk kelulusan peruntukan, *not just approval of the budget*, dengan izin. Akan tetapi *when the money are transferred to the agencies*, apabila duit itu disalurkan kepada agensi juga perlu dirujuk dan salinan diberikan kepada pegawai pengawal kementerian. Setiap agensi yang menerima peruntukan Kumpulan Wang Amanah diminta untuk membuat perakuan penerimaan peruntukan dan perlu membentangkan prestasi perbelanjaan kepada setiap kali Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah bermesyuarat. Mewujudkan garis panduan pengurusan dan prosedur operasi standard Kumpulan Wang Amanah Sukan dan melaksanakan *Integrity Pacts* di kalangan Ahli Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara.

Jadi saya hendak simpulkan di sini Tuan Yang di-Pertua bahawa bukan hanya kita ambil tindakan di mahkamah telah pun didakwa. Bukan hanya kita minta supaya pasukan siasatan bebas masuk buat audit forensik tanpa gangguan daripada saya. Akan tetapi juga kita juga mewujudkan satu SOP baru supaya ada pemantauan daripada Menteri sendiri berkenaan dengan soal kewangan. Selama ini mungkin Menteri dikatakan Menteri jangan campur sebab ini bukan hal dasar, ini hal kewangan. Akan



tetapi dalam kes ini menunjukkan mesti ada pemantauan daripada, dengan izin, *political master* dalam soal masalah ataupun pengurusan kewangan dalam kementerian. Ini sebab nyata dibuktikan dalam kes ini bahawa penyelewengan itu boleh berlaku di peringkat pegawai dan penyelewengan besar telah pun berlaku di peringkat pegawai. Terima kasih.

**4. Dato' Chai Kim Sen** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, sudahkah kerajaan telah menggariskan langkah-langkah pencegahan untuk menangani masalah-masalah institusi kekeluargaan di mana kebimbangan perkahwinan terlalu awal sering menjejaskan kesempurnaan sesebuah keluarga dan mencetuskan masalah sosial.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara telah melaksanakan program dengan kerjasama NGO swasta dan agensi kerajaan. Bagi menangani masalah-masalah dalam institusi kekeluargaan terutama kepada pasangan yang berkahwin awal.

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh LPPKN dalam menangani isu perkahwinan awal ialah untuk mengadakan kursus-kursus kekeluargaan termasuk:

- (i) Program Pra Perkahwinan Smart Start;
- (ii) Keluarga@Kerja iaitu Parenting@Work;
- (iii) Jelajah keluarga bahagia;
- (iv) Program Ilmu Keluarga@LPPKN; dan
- (v) SMARTbelanja@LPPKN.

#### ■1100

Selain daripada itu, bagi memantapkan institusi perkahwinan dan kekeluargaan, KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara ada menyediakan perkhidmatan kaunseling kekeluargaan yang diselia oleh Unit Kaunseling LPPKN. Perkhidmatan kaunseling kekeluargaan ini merupakan salah satu usaha bagi membantu pasangan suami isteri dalam menguruskan tekanan, konflik dan masalah-masalah yang wujud dalam perkahwinan. Perkhidmatan ini boleh diperoleh di setiap pejabat LPPKN negeri yang berada di seluruh negara. Terdapat 15 buah pejabat LPPKN termasuk empat buah pusat keluarga iaitu Bertam di Pulau Pinang, Seremban di Negeri Sembilan, Shah Alam di Selangor dan Anak Bukit di Kedah, di seluruh negara yang dikendalikan oleh 17 orang kaunselor dan 61 orang kaunselor panel.

Laporan perkhidmatan kaunseling oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara bagi tahun 2015 - 5,413 sesi iaitu seramai 15,747 orang klien yang mendapatkan khidmat kaunseling. Antara pendekatan menerusi aktiviti kaunseling yang dilaksanakan oleh LPPKN adalah:

- (i) Program Kembara Kaunseling yang berkonsepkan turun padang merupakan satu pendekatan LPPKN untuk mendekati komuniti. Menerusi program ini, masyarakat berpeluang untuk mendapatkan maklumat berkenaan perkahwinan, kemahiran

keibubapaan serta khidmat nasihat daripada pegawai psikologi LPPKN di sepanjang program berlangsung; dan

- (ii) penyediaan perkhidmatan kaunseling kekeluargaan oleh Unit Kaunseling LPPKN dilihat sebagai usaha membantu ibu bapa kini untuk menguruskan tekanan dan masalah yang wujud dalam institusi keluarga. Perkhidmatan ini boleh diperolehi di setiap pejabat LPKKN negeri yang berada di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**Dato' Chai Kim Sen:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri atas jawapan tadi. Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati bahawa perkahwinan awal, perkahwinan yang tidak sah dan perkahwinan mengikut adat tradisi ini lebih senang bercerai kalau dibandingkan dengan perkahwinan yang sah. Apa bantuan yang dapat diberikan oleh kementerian, khas untuk golongan ini? Ikut statistik kementerian, adakah *percentage* perceraian ini majoriti terdiri daripada golongan muda ini ataupun kumpulan umur yang lain? Sekian, terima kasih.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Chai. Sebenarnya kalau perkahwinan yang tidak berdaftar itu tidak boleh dianggap sebagai perkahwinan yang sah. Untuk maklumat Yang Berhormat, walaupun pendaftaran perkahwinan ini bukanlah di bawah tanggungjawab kementerian kami ini, namun demikian, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah pun bekerjasama dengan agensi yang bertanggungjawab dalam urusan pendaftaran perkahwinan iaitu termasuk Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Kemajuan Agama Islam (JAKIM) dan jabatan agama Islam di peringkat negeri sekiranya diperlukan.

Inisiatif ini selaras dengan urusan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam membantu urusan pendaftaran kanak-kanak yang memerlukan perlindungan apabila mendapati kanak-kanak berkenaan tiada mempunyai dokumen berkenaan ini. Usaha ini adalah perlu bagi memastikan pasangan muda yang tidak mendaftarkan perkahwinan untuk menguruskan dokumen pendaftaran anak hasil hubungan ini. Hal ini juga bagi memastikan anak yang bakal dilahirkan tidak menghadapi sebarang kesukaran dalam urusan persekolahan, perubatan dan lain-lain.

Seperti apa yang tadi saya telah pun maklumkan, kalau mereka tidak mendaftarkan perkahwinan mereka, maka itu tidak boleh dikira sebagai perkahwinan yang sah. Oleh itu, statistik yang kami ada di sini adalah ikut apa yang telah pun berdaftar dengan secara sah. Dapatan banci tahun 2010 menunjukkan bilangan kanak-kanak yang berkahwin dan bercerai adalah sebanyak 425 orang atau 0.44% daripada bilangan kanak-kanak yang berkahwin iaitu dengan sejumlah 95,865. Tafsiran atau definisi kanak-kanak itu adalah yang berumur 18 tahun ke bawah. Bilangan ini bersamaan dengan 0.26% daripada bilangan pasangan yang bercerai iaitu orang dewasa 99.74% iaitu sebanyak 164,555 orang. Sekian, terima kasih.

**Dato' Goonasakaren A/L Raman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kahwin terlalu awal, sedar atau tidak banyak membawa masalah kekeluargaan khususnya di kalangan wanita. Ramai wanita menjadi ibu tunggal di umur yang terlalu muda dengan mempunyai seorang anak atau dua orang anak

sehinggakan kelab-kelab ibu tunggal sudah banyak kita kedengaran. Bantuan kepada anak-anak daripada kebajikan, kalau seorang anak RM100, kalau dua orang anak RM200, belum menjamin keluarga yang sempurna. Soalan saya kepada Menteri, apakah perancangan yang ada di kementerian khusus bagi ibu tunggal yang muda yang hidup dalam kegawatan ekonomi agar mereka dapat meneruskan kehidupan yang sempurna dan menjaga anak-anak dengan baik? Terima kasih.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Sebab wanita jadi ibu tunggal ada banyak, bukan sahaja kerana mereka kahwin muda dan kahwin muda tidak semestinya dia akan jadi ibu tunggal [*Ketawa*] Akan tetapi untuk jawab soalan Yang Berhormat, untuk bantu ibu tunggal, sebenarnya kami ada pelan tindakan untuk kita beri bantuan kepada ibu tunggal yang mana kita telah mewujudkan kursus-kursus kemahiran dan juga kita bersama dengan JKM, Jabatan Pembangunan Wanita, kami telah pun bekerjasama dengan NGO untuk kita beri kemahiran kepada mereka. Ini kerana kami percaya dengan adanya kemahiran, lebih senang untuk mereka berdikari dan bantuan kewangan dari JKM ini bukan semata-matanya untuk sepanjang hayat. Oleh itu, kita lebih tumpu kepada *productive welfare*. Sekian, terima kasih.

5. **Datuk Zali bin Mat Yasin** minta Menteri Kewangan menyatakan, apa tindakan kerajaan untuk mengukuhkan nilai mata wang Ringgit Malaysia.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, izin saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar bertarikh 3 Mei 2016 memandangkan soalan-soalan tersebut menyentuh isu yang hampir sama iaitu mengenai langkah-langkah pengukuhan nilai mata wang Ringgit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2015, Ringgit menyusut nilai sebanyak 18.6% berbanding Dolar Amerika Syarikat dan turut menyusut nilai sebanyak antara 8.4% hingga 14.7% berbanding mata wang serantau. Penyusutan nilai Ringgit dipengaruhi oleh faktor-faktor dalam dan luar negeri:

- (i) jangkaan dan susulan kenaikan kadar dasar Amerika Syarikat telah menyebabkan pengimbangan semula aset portfolio daripada pasaran sedang pesat membangun kepada aset kewangan Amerika Syarikat. Ini menyebabkan pertambahan nilai Dolar Amerika Syarikat yang ketara berbanding dengan kebanyakan mata wang dalam pasaran sedang pesat membangun;
- (ii) kebimbangan yang semakin meningkat khususnya terhadap prospek ekonomi global, termasuk negara China iaitu perdagangan dengan negara kita telah menyebabkan meningkatnya penghindaran risiko oleh pelabur dan aliran keluar pelaburan portfolio yang lebih tinggi daripada pasaran sedang pesat membangun;

- (iii) Ringgit dan kebanyakan mata wang negara-negara pengeksport komoditi yang lain juga turut terjejas akibat kebimbangan terhadap kesan harga minyak mentah dan harga komoditi lain seperti getah dan kelapa sawit yang lebih rendah ke atas kedudukan ekonomi negara masing-masing termasuk Malaysia. Ketidakpastian yang disebabkan oleh perkembangan domestik juga telah memberikan kesan sentimen yang negatif terhadap Ringgit.

Kerajaan juga telah berusaha untuk membantu mengurangkan kesan aliran keluar ke atas nilai Ringgit. Ini termasuklah melaksanakan langkah-langkah yang menggalakkan Syarikat Berkaitan Kerajaan untuk membawa balik hasil eksport dalam mata wang asing dan jika perlu mengehendkan aliran keluar dana.

Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Ekonomi (JKE) pada 20 Ogos 2015 yang akan melapor terus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. JKE akan mempertimbangkan perancangan serta-merta dan jangka sederhana bagi mengukuhkan lagi asas ekonomi Malaysia. Ini termasuk isu semasa seperti nilai Ringgit, mengekalkan kestabilan pasaran kewangan, serta mengukuhkan keyakinan dalam pasaran modal.

Selain itu, kerajaan juga menyegerakan pelaksanaan cadangan daripada Majlis Eksport Negara. Komunikasi dan pertemuan dengan penganalisis, pelabur dan Agensi Penarafan Antarabangsa juga telah dipertingkatkan untuk mengukuhkan keyakinan pelabur terhadap Malaysia. Pada mulanya terdapat salah tanggapan bahawa Malaysia sangat terdedah kepada kesan penurunan harga komoditi. Melalui perbincangan dan interaksi yang aktif, kerajaan telah menjelaskan bahawa ekonomi Malaysia telah ditransformasikan untuk menjadi lebih pelbagai dan tidak terlalu bergantung pada sektor komoditi. Sektor komoditi kini hanya menyumbang sebanyak 18% kepada KDNK Malaysia, manakala hasil minyak pula hanya menyumbang kira-kira 22% daripada sumber hasil kerajaan pada tahun 2015.

Disebabkan oleh sumber pertumbuhan dan hasil kerajaan yang lebih pelbagai, Malaysia masih terus dapat menikmati pertumbuhan ekonomi yang positif antara tertinggi di rantau ini sementara defisit fizikal terus kekal di landasan konsolidasi. Ini telah membantu dalam mengukuhkan keyakinan pelabur terhadap Malaysia, dan mengelakkan aliran keluar dana. Sebagai contoh, susulan pengumuman oleh kerajaan yang menegaskan komitmen untuk mengekalkan sasaran defisit fizikal dalam pengubahsuaian Bajet 2016, ia telah menyebabkan reaksi pasaran yang positif pada ketika itu.

Berdasarkan perkembangan mata wang terkini, Ringgit telah menambah nilai sebanyak 9.9% berbanding Dolar Amerika Syarikat kepada RM3.90 pada 29 April 2016, berbanding dengan RM4.29 pada 31 Disember 2015.

Nilai mata wang juga turut mencatat prestasi terbaik berbanding mata wang utama dan serantau iaitu antara 4.5% hingga 10.1%. Penambahan nilai Ringgit disebabkan oleh sentimen pelabur yang lebih baik yang didorong oleh faktor luaran dan domestik. Faktor-faktor utama yang menyokong kekuatan Ringgit termasuk kelemahan Dolar Amerika Syarikat berbanding mata wang lain dan pemulihan harga minyak mentah dunia daripada paras terendah pada tahun 2015.

Di dalam negeri petunjuk data-data ekonomi yang lebih baik daripada jangkaan juga turut membantu meningkatkan sentimen pelabur dan menyumbang kepada peningkatan minat pelabur terhadap aset kewangan Ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun sebagai sebuah ekonomi terbuka, ketidaktentuan yang berlarutan dalam persekitaran ekonomi global menyebabkan sentimen pelabur boleh beralih arah pada masa hadapan, dan ini akan menyebabkan turun naik dalam kadar pertukaran Ringgit. Sungguh pun demikian, kesan ini dijangka memberi impak yang tidak ketara kepada negara kita memandangkan struktur ekonomi yang kini lebih pelbagai, serta disokong oleh asas ekonomi yang meluas, kekukuhan daya tahan, dan peningkatan daya saing. Dalam jangka masa yang panjang, prestasi nilai Ringgit didorong terutamanya oleh kekuatan asas ekonomi negara yang terus mapan.

Sehubungan itu, kerajaan sentiasa mengambil langkah pengurusan mikro ekonomi yang pragmatik bagi mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi negara. Dalam hal ini, usaha untuk mentransformasikan ekonomi terus mempelbagaikan sumber pertumbuhan, pembaharuan fizikal dan langkah untuk memastikan sistem kewangan yang kukuh dan stabil akan dapat memberi sokongan ke arah pengukuhan nilai Ringgit. Sekian, terima kasih.

**Datuk Zali bin Mat Yasin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Datuk Mohd. Ibrahim selaku Gabenor Bank Negara yang baru.

Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi. Soalan tambahan saya ialah adakah kejatuhan nilai Ringgit Malaysia di pasaran, adakah ia juga ada kaitan dengan spekulasi, khabar angin dan juga berita buruk yang boleh menjejaskan nilai Ringgit kerana pengeluaran modal oleh pemilik asing daripada pasaran bon dan juga sukuk Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan. Seperti yang telah saya ulaskan, daripada segi kadar pertukaran sebarang nilai terutamanya mata wang, ia adalah berasaskan pada: satu, daripada fundamental ekonominya, sama ada negara itu daripada segi domestik atau boleh dikatakan *financial indicator* menunjukkan keadaan yang baik; kedua, sentimen juga merupakan sesuatu yang sebenarnya tidak boleh diukur secara saintifik, yang boleh juga memberi impak kepada pertukaran kadar nilai mata wang.

Sebagai contoh, kalau terdapat sentimen-sentimen buruk, ia tentu akan memberi impak yang negatif, dan ini akan menyebabkan khususnya aliran dana yang berjangka masa pendek, dan ini tentu akan menyebabkan kenaikan atau penurunan sesuatu nilai mata wang Ringgit. Sebagai contoh, kalau kita lihat tahun lepas, apabila terdapat pelbagai sentimen dan juga faktor-faktor luaran yang menyebabkan daripada segi ekuiti, daripada segi pelabur asing, terdapat keluaran sebanyak RM19.5 bilion, tetapi tahun ini, ia mendapat aliran dana masuk dalam tiga suku pertama sahaja dah RM6.1 bilion. Maka ia boleh dikatakan aliran yang boleh mengikut sentimen daripada segi khususnya jangka masa pendek. Sekian, terima kasih.

**6. Dr. Mohd. Nor bin Haji Monutty** minta Menteri Pendidikan menyatakan, mengapa dasar DLP terus dilaksanakan di sekolah-sekolah walaupun ia akan menyebabkan polarisasi antara pendidik di bandar dan luar bandar kerana pengajaran dan pembelajaran menggunakan bahasa yang berlainan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Dual Language Program* (DLP) bukan dasar baru tetapi merupakan satu program pengukuhan bahasa Inggeris berasaskan pilihan sekolah di bawah dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Objektif DLP adalah untuk meningkatkan penguasaan kemahiran Bahasa Inggeris di kalangan murid melalui peningkatan masa pendedahan kepada bahasa Inggeris dalam pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dalam bahasa Inggeris.

Kementerian amat prihatin untuk merapatkan jurang pencapaian antara bandar dan luar bandar dan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan pencapaian luar bandar. Antaranya pelaksanaan Program Transformasi Daerah di mana Pejabat Pendidikan Daerah diupayakan untuk memberi sokongan, intervensi terbeza kepada sekolah. Sejak pelaksanaan inisiatif ini, jurang pencapaian bandar dan luar bandar telah merapat sebanyak 32% pada peringkat rendah, dan 18% pada peringkat menengah berbanding tahun 2012. Kementerian sedar bahawa ibu bapa dan murid mempunyai keperluan yang berbeza. Maka program DLP dilaksanakan secara pilihan dan bersyarat untuk memastikan semua murid menerima pendidikan berkualiti berdasarkan kemahuan mereka. Terima kasih.

**Dr. Mohd. Nor bin Haji Monutty:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kita dapat merasakan bahawa kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa yang diperakukan dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, sebagai bahasa rasmi negara, Bahasa Kebangsaan, bahasa ilmiah, bahasa kepenggunaan dalam semua tulisan rasmi pemerintah, dijamin.

■1120

Akan tetapi yang mengkhawatirkan saya ialah sejak mutakhir ini, penurunan martabat bahasa Melayu dalam banyak sektor termasuk antaranya ialah fungsi Dewan Bahasa dan Pustaka yang semakin hari semakin merosot. Jadi, dengan dasar DLP ini walaupun ada pilihan, saya bimbang takut berlaku satu fenomena cacamerba. Pohon izin saya gunakan bahasa yang kurang standard, cacamerba di kalangan rakyat terutamanya boleh memberikan *confusion*, dengan izin, keraguan kepada guru-guru dan pelajar-pelajar dan juga masyarakat.

Jadi, apakah jaminan yang boleh diberikan oleh Yang Berhormat Menteri terhadap masa depan Bahasa Melayu yang telah pun dikanunkan sebagai bahasa rasmi negara dalam Perkara 152? Terima kasih.

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih atas soalan tambahan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membuat penjelasan sekali lagi bahawa DLP itu bukanlah dasar seperti mana PPSMI sebelum ini tetapi hanyalah satu program di bawah Dasar MBMMBI. Keduanya, pelaksanaan

penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran STEM, subjek-subjek STEM ini tidak menggugat status Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan.

Dari segala penulisan rasmi di negara kita masih lagi menggunakan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan dan subjek Bahasa Malaysia itu perlu mendapat kredit di SPM supaya seseorang pelajar itu dapat melanjutkan pembelajaran dan itu tidak tergugat langsung. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya ingin meminta kerajaan memberi jaminan bahawasanya pelaksanaan DLP ini tidak akan mengulang sejarah PPSMI di mana mengikut kajian yang dibuat oleh Profesor Emeritus Dato' Dr. Isahak Haron, Felo Penyelidik Kanan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, beliau menyebut kesan yang parah adalah merosotnya bilangan dan peratus pelajar yang memilih Aliran Sains Tingkatan 4 menjadi hanya antara 26% hingga 28% pada tahun 2012 hingga 2013, berbanding dengan lebih 40% sebelum PPSMI.

Jadi, kalau sekiranya dahulu dengan pelaksanaan PPSMI, merosot penglibatan pelajar dalam Aliran Sains sedemikian rupa di seluruh sekolah, kali ini 300 buah sekolah terlibat dengan DLP. Apa jaminan kerajaan, penglibatan pelajar dalam Aliran Sains tidak merosot. Terima kasih.

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi ingin saya jelaskan PPSMI sesuatu dasar yang berbeza dengan DLP. PPSMI adalah dasar di mana semua sekolah dikehendaki untuk melakukan pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Inggeris, dengan izin, wajib-*compulsory*. Akan tetapi DLP ini satu program pilihan oleh sekolah. Sekolah yang ingin melakukan pembelajaran dalam bahasa Inggeris itu perlu terlebih dahulu memenuhi empat syarat iaitu:

- (i) sumber yang mencukupi;
- (ii) kesediaan pengetua atau guru besar dan guru untuk melaksanakan DLP;
- (iii) permintaan dan sokongan ibu bapa. Mana-mana anak yang perlu atau pun yang meminta untuk mengikuti DLP itu perlu ada tulisan surat secara rasmi meminta anaknya mengikuti DLP; dan
- (iv) pencapaian sekolah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Sekolah yang tidak mencapai pencapaian yang lebih daripada pencapaian purata kebangsaan Bahasa Melayu itu tidak dibenarkan untuk melaksanakan DLP.

Jadi, kita boleh memberi jaminan bahawa tidak akan berlaku apa yang telah berlaku di bawah PPSMI iaitu berlakunya kurang murid untuk mengambil subjek Sains sebab ini pilihan sekolah, ini pilihan anak-anak dengan sokongan, persetujuan ibu bapa. Sangat berbeza dengan PPSMI yang dilaksanakan dahulu. Sekian, terima kasih.

**7. Datin Rahimah binti Haji Mahamad** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) langkah-langkah dan polisi kerajaan dalam mengelak pegawai kerajaan terdedah kepada penyalahgunaan kuasa dan rasuah; dan
- (b) adakah langkah sedia ada iaitu mengehendkan tempoh perkhidmatan dalam satu-satu jabatan mampu menangani kes-kes seumpama ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam 1Malaysia.*

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Program Transformasi Kerajaan atau lebih dikenali sebagai GTP telah mengenal pasti pelbagai inisiatif untuk dilaksanakan bagi meningkatkan tahap ketelusan dan *accountability* dalam jentera pentadbiran kerajaan. Antara inisiatif yang dijalankan penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam, sama ada di peringkat Persekutuan mahupun negeri yang berkuat kuasa 1 Ogos 2013 melalui Pekeliling Perkhidmatan, Bil. 6, Tahun 2013.

Objektif utama penubuhannya adalah untuk menyatupadukan semua pengurusan hal-hal berkaitan dengan tadbir urus di bawah satu unit khusus. Ia bagi membolehkan inisiatif-inisiatif penginstitutionan integriti dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan berdasarkan enam fungsi teras iaitu tadbir urus, pengukuhan integriti, pengesanan dan pengesahan, pengurusan aduan, pematuhan dan tatatertib.

Unit-unit integriti tersebut dikelaskan melalui risiko yang mana kementerian dan agensi berisiko tinggi diketuai oleh seorang pegawai siasatan secara kader daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Manakala bagi kementerian atau agensi berisiko sederhana dan rendah, ia diketuai oleh seorang pegawai kementerian dan agensi masing-masing yang telah dipilih, selepas menjalani program pegawai integriti bertauliah yang dilaksanakan oleh Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia serta selepas ditauliahkan sebagai Pegawai Integriti Bertauliah.

Di samping itu, sebuah Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) juga telah ditubuhkan selaras dengan arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri nombor satu tahun 2014 pada 3 Jun 2014. Pelaksanaan JITU melibatkan semua peringkat kementerian, kerajaan negeri, kerajaan tempatan dan juga agensi-agensi penguatkuasaan bermula dari peringkat daerah sehingga ke peringkat negeri dan seterusnya di peringkat kebangsaan.

Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus memberi fokus kepada sasaran dan juga pencapaian, bukan sahaja sekadar mencadangkan penambahbaikan tetapi organisasi perlu memikirkan apakah mekanisme yang terbaik bagi menyelesaikan permasalahan yang wujud dalam organisasi mereka.

Bagi menjawab bahagian (b) pula. Menjadi dasar kerajaan bagi mana-mana kementerian dan agensi untuk mematuhi Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3, Tahun 2004 sebagai panduan pertukaran pegawai awam. Pekeliling ini bertujuan untuk memperkaya dan memperluaskan tugas *enrichment and job enlargement*, dengan izin, kepada seseorang pegawai awam dan diharapkan ia dapat menyumbang ke arah peningkatan produktiviti seseorang pegawai. Ia juga boleh memberi peluang untuk pegawai diselia oleh penyelia yang berbeza supaya penilaian prestasi mereka dapat dibuat dengan lebih saksama.

Di samping itu, ia membolehkan pegawai berkenaan untuk melihat organisasi di mana mereka ditempatkan daripada perspektif yang berbeza dan dengan cara itu mereka diharap dapat mencuba pendekatan baru yang boleh mempertingkatkan lagi keberkesanan organisasi berkenaan. Pendekatan *hot job rotation*, dengan izin, ini jika dilaksanakan secara menyeluruh dan efektif, ia dapat membantu



usaha menutup dan meminimumkan ruang dan peluang kemungkinan berlakunya penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan jenayah rasuah. Sekali gus ia akan dapat mempertingkatkan tadbir urus baik serta dapat mengelak berlakunya ketirisan. Terima kasih.

**Datin Hajah Rahimah binti Haji Mahamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri kerana menjawab dengan begitu terperinci sekali. Saya mencadangkan agar dipupuk nilai integriti dan nilai takwa bagi yang beragama Islam diperbanyakkan dalam program yang berbentuk keagamaan. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Saya setuju kerana perkara yang kita buat ini bukan untuk menghukum tetapi untuk mendidik supaya perkara yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator Datin Rahimah tadi menjadi satu budaya kepada semua penjawat awam, soal tentang ketakwaan dan amanah atas perkara tanggungjawab tugas yang diberikan. Terima kasih Yang Berhormat.

#### ■1130

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Selepas daripada kejadian seorang Setiausaha Bahagian di satu kementerian melakukan penyelewengan dan kemudian kerajaan bertindak mengheretnya ke mahkamah, apa langkah-langkah yang telah diambil oleh Jabatan Perdana Menteri bagi memastikan perkara sebegini yang memalukan dan menunjukkan bahawa pegawai-pegawai kerajaan tidak mengurus dengan betul, telah dilakukan supaya perkara seperti ini tidak berulang lagi. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Adam. Satu perkara yang mengecewakan, malahan kita amat kesal dengan insiden yang disebut oleh Yang Berhormat Senator. Saya perlu berhati-hati kerana kes ini sedang dibicarakan di mahkamah. Namun begitu, ia merupakan satu pengajaran. Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan tadi pun telah memberikan penjelasan tentang satu Jawatankuasa ditubuhkan bagi mengenal pasti prosedur yang paling baik.

Ini kerana garis panduan yang kita berikan ini bukan berbentuk satu kewajipan bagi dipatuhi. Ia hanyalah satu garis panduan bagi pertukaran seseorang pegawai. Oleh sebab itu Yang Berhormat Senator nyatakan semenjak insiden tersebut, seramai 80 orang pegawai awam telah pun kita membuat pertukaran yang mana 55 orang pegawai ditukarkan merentasi kementerian, 25 orang pegawai ditukarkan secara dalaman.

Bagi seseorang pegawai duduk terlalu lama di satu-satu tempat itu seperti yang saya nyatakan tadi, ia boleh menyumbang kepada ruang, peluang berlaku atau kemungkinannya berlaku perlakuan yang dinyatakan. Namun begitu, satu pengumuman tertakluk kepada jawatankuasa yang sedang menyiasat atau mengkaji apakah kaedah yang paling baik.

Ini kerana saya percaya berkait dengan soalan ataupun pandangan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah tadi, soal amanah ini tidak hanya kepada orang yang beragama Islam. Mana-mana agama sebenarnya menyeru untuk kita yang diberi tanggungjawab amanah kepada sesuatu perkara untuk melaksanakan sebaik mungkin kerana ia melibatkan dana orang ramai dan harapan orang ramai untuk kita menjalankan tugas dan tanggungjawab secara terbaik.

Namun begitu, satu kejadian yang telah membuka mata ramai bahawa dalam apa juga sistem tadbir urus yang kita sediakan akan ada mereka yang mengambil kesempatan dan kita akan perkukuh dan perketatkan lagi agar perkara itu dapat kita kurangkan atau kalau boleh dapat kita elakkan pada masa-masa akan datang. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

**8. Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, berapa jumlah belia yang dilatih dalam sektor teknikal dan mekanikal bagi tempoh 2010 hingga kini. Berikan jumlah pelatih yang telah dipasarkan mengikut industri, kaum dan jantina.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:**

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) bertanggungjawab melaksanakan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM). Berdasarkan statistik Rancangan Malaysia Kesepuluh dari tahun 2010 hingga 2015, sebanyak 526,433 buah sijil kemahiran meliputi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga Tahap 3, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4 dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5 telah dianugerahkan kepada pelatih-pelatih yang berkelayakan. Pelatih-pelatih ini juga melibatkan 1,189 buah pusat bertauliah, kerajaan – 541; dan swasta – 648 yang melibatkan kementerian-kementerian seperti berikut:

Kementerian	Pusat Bertauliah
Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Penjara	Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar
Kementerian Belia dan Sukan	IKBN
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	GiatMARA dan MARA
Kementerian Pertahanan	Institut Kejuruteraan Tentera Darat (IJED)
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	Jabatan Kebajikan
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	Institut Latihan Pertanian
Kementerian Pendidikan	Sekolah Teknik
Kementerian Kerja Raya	CIDB, Akademi Binaan Malaysia (ABM)

Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah tersebut, sebanyak 40,596 buah sijil kemahiran melalui SKM Tahap 1 hingga Tahap 3, DKM dan DLKM dipersijilkan kepada graduan Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia. Ini di bawah Kementerian Sumber Manusia, Yang Berhormat Senator.

Melalui Kajian Pengesanan Kebolehpasaran Graduan daripada institut di bawah Jabatan Tenaga Manusia pada tahun 2013, daripada 5,570 orang graduan tamat latihan pada tahun tersebut, seramai

4,599 iaitu 83% - graduan telah berjaya mendapatkan pekerjaan dan menyambung pelajaran dalam tempoh tiga bulan hingga sembilan bulan selepas tamat latihan.

Pada tahun 2014 pula, penemuan daripada Kajian Pengesanan Kebolehpekerjaan Graduan JTM melanjutkan pelajaran telah meningkat sebanyak 94% iaitu seramai 4,890 daripada jumlah respondennya, seramai 5,221. Manakala daripada jumlah responden tersebut, graduan berbangsa Melayu seramai 4,116 atau 79%, bangsa Cina seramai 113 orang, atau 3% bangsa India seramai 290 orang atau 6% dan lain-lain bangsa 7%, dua orang – 13%. Jumlah responden lelaki pula 4,128 orang, lebih ramai daripada responden perempuan iaitu 1,063 orang.

Mengikut Kajian Pengesanan Graduan bagi tahun 2015 pula, seramai 5,739 orang graduan iaitu sebanyak 92% mendapatkan pekerjaan dan melanjutkan pelajaran daripada jumlah responden seramai 6,332. Daripada jumlah responden ini:

<b>Graduan (bangsa)</b>	<b>Bilangan (orang)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Melayu	4,888	77
Cina	133	2
India	387	6

Jumlah responden lelaki seramai 5,059 orang atau 80% dan 127orang ataupun 20% - wanita. Secara keseluruhannya, dari tahun 2010 hingga 2015 yang melibatkan seramai 32,676 orang graduan yang menjadi responden Kajian Pengesanan Graduan, daripada jumlah tersebut seramai 27,650 ataupun 85% telah mendapat pekerjaan dan melanjutkan pelajaran iaitu seramai 21,290 ataupun 77% orang graduan lelaki dan 6,360 ataupun 23% - wanita. Daripada jumlah tersebut, pecahan mengikut kaum:

<b>Kaum</b>	<b>Bilangan (orang)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Melayu	22,123	80
Cina	932	3
India	1,417	5
Lain-lain	3,178	12
<b>Jumlah</b>	<b>27,650</b>	<b>100</b>

Daripada segi kebolehpasaran mengikut industri:

<b>Sektor</b>	<b>Bilangan (orang)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Mekanikal	10,735	38.8
Elektrikal dan Elektronik	9,992	36.1
ICT	4,898	17.7
Teknikal dan lain-lain	2,025	7.4
<b>Jumlah</b>	<b>27,650</b>	<b>100</b>

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Timbalan Menteri atas jawapan yang disampaikan. Soalan tambahan saya adalah, apa pasaran tenaga

kerja tempatan ini dapat menampung permintaan masa depan terutama dalam industri mekanikal dan teknikal memandangkan industri sedemikian dilihat masih dalam persepsi 3D iaitu *dangerous*, *dirty* dan *difficult*, dengan izin, yang manakah ia jelas tidak menarik minat belia-belia kita?

■1140

Soalan kedua, bagaimana kerajaan dapat mengesan sektor-sektor kritikal yang memerlukan pekerjaan, pihak kementerian memastikan penawaran tenaga kerja menaiki permintaan industri? Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua, kita bertuah kerana sektor awam dan swasta secara kolaborasi, secara bersama melibatkan diri dalam usaha kita meningkatkan pekerja mahir ini. Daripada 1,189 buah pusat bertauliah, 541 daripada kerajaan, 648 daripada swasta telah menawarkan program-program dalam kemahiran ini sebanyak 5,924 bentuk program iaitu 3,396 program bagi sektor kerajaan dan sektor awam dan 2,598 program, yang *detailnya* ada daripada kita, Tuan Yang di-Pertua, daripada swasta.

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, kita memang berhasrat, kerajaan berhasrat untuk memastikan supaya tenaga mahir ini dapat memenuhi keperluan industri. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) pernah membuat satu kajian yang dibangunkan oleh *Boston Consulting Group* (BCG) terhadap resolusi pelaksanaan pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Melalui kajian tersebut antara sektor kritikal sektor pelancongan yang memerlukan sejumlah 446,000 orang, tenaga kerja, sektor peruncitan memerlukan 209,000 orang, tenaga kerja, pembangunan *Greater Kuala Lumpur* memerlukan 203,000 orang, tenaga kerja, sektor kesihatan memerlukan 130,000 orang, tenaga kerja dan sektor pendidikan memerlukan 101,000 tenaga kerja.

Mengambil kira sektor tertentu yang sangat memerlukan tenaga kerja di bawah RMKe-11, program latihan kemahiran yang bertindan ataupun *overlapping* ataupun *redundant* dalam kalangan institut TVET awam akan dikurangkan dengan menggalakkan pengkhususan melalui pewujudan pusat kecemerlangan dalam bidang khusus bagi mengoptimumkan sumber dan menghasilkan keluaran graduan yang lebih berkualiti dalam sektor pekerjaan yang mempunyai permintaan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita memastikan supaya pelatih-pelatih ini sesuai dengan keperluan industri, pihak kementerian juga melaksanakan program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dengan penekanan diberikan kepada praktikal dalam industri. Makna, 70% kita minta pelatih-pelatih kita ini menjalani praktikal dan industri-industri yang mereka ceburi dalam latihan. Manakala 30% bersifat teori di bilik-bilik kelas. Dengan cara ini kita dapat memastikan supaya pelatih-pelatih ini dapat menyesuaikan diri dengan keperluan tenaga kerja di industri-industri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat.]**

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG SKIM KEPENTINGAN 2015****Bacaan Kali yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri tolong beri huraian.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang bernama suatu akta untuk pendaftaran pentadbiran dan pembubaran skim-skim berkaitan kepentingan serta untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin** Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini penawaran skim kepentingan adalah dikawal di bawah bahagian lima, perenggan 4, Akta Syarikat 1965. Skim Kepentingan adalah aktiviti pengumpulan modal oleh pemegang kepentingan bagi membiayai suatu erti perusahaan pelaburan atau kemudahan dengan tujuan untuk mendapatkan pulangan kewangan atau hak menggunakan kemudahan yang disediakan.

Antara skim kepentingan yang ditawarkan pada masa ini skim kepentingan berasaskan pertanian seperti perladangan, kelapa sawit dan perikanan, skim kepentingan berasaskan rekreasi seperti golf dan marina dan kongsi masa ataupun *time share*, rumah dan hotel percutian. Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan mencadangkan supaya kerangka perundangan yang berasingan diperkenalkan untuk mengawal selia penawaran skim kepentingan kepada orang ramai secara lebih komprehensif dan telus serta memberikan perlindungan yang sewajarnya kepada pelabur.

Cadangan pengenalan kerangka perundangan skim kepentingan yang berasingan ini adalah tepat pada masanya dan selaras dengan pendekatan supaya Rang Undang-undang Skim Kepentingan yang dicadangkan ini memperuntukkan perundangan spesifik yang mengawal selia keperluan dan tatacara penajaan ataupun pengumpulan dana secara alternatif selain daripada penawaran saham melalui kerangka pasaran modal sedia ada ataupun pinjaman dari institusi kewangan.

Pembaharuan yang dicadangkan di bawah rang undang-undang ini menjurus ke arah pengawalseliaan yang lebih sistematik melalui proses pendaftaran yang lebih jelas dan mudah, menambah baik mekanisme perlindungan pelabur dengan mengkanunkan tugas dan tanggungjawab syarikat pengurusan dan pemegang amanah, pelaburan yang lebih telus serta hak untuk menggulung skim yang ditawarkan dalam keadaan yang tertentu.

Secara keseluruhannya, pengenalan Rang Undang-undang Skim Kepentingan ini dapat memperkasakan industri kecil dan sederhana (IKS) yang berdaya saing sebagai pemangkin untuk mendapatkan suntikan modal melalui pengumpulan modal pelabur yang berkeyakinan dengan modal perniagaan yang diketengahkan. Di antara ciri-ciri penting yang terkandung di dalam Rang Undang-undang Skim Kepentingan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (a) memperkenalkan kerangka perundangan yang baru bagi mengawal selia penawaran Skim Kepentingan kepada pihak awam;
- (b) menyediakan prosedur pendaftaran Skim Kepentingan yang lebih sistematik;
- (c) memberikan akses kepada IKS yang berdaya saing untuk mendapatkan suntikan modal, termasuk membenarkan syarikat persendirian menawarkan skim kepentingan dengan syarat-syarat yang tertentu;
- (d) mempertingkatkan amalan tadbir urus korporat dengan mengkanunkan tugas-tugas dan tanggungjawab syarikat pengurusan dan pemegang amanah;
- (e) memperkenalkan mekanisme penguatkuasaan yang lebih efektif untuk melindungi hak pemegang kepentingan, termasuk kuasa Pendaftar untuk campur tangan dalam keadaan tertentu serta untuk mengarahkan pemberhentian skim yang tidak berdaftar; serta
- (f) menjelaskan prosedur penggulungan skim kepentingan, termasuk memberikan hak kepada pemegang kepentingan untuk mengarahkan penggulungan skim tersebut.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang Skim Kepentingan yang dibentangkan ini mencadangkan tujuh bahagian yang dipecahkan kepada 92 seksyen serta dua jadual seperti berikut:

Bahagian I, menerangkan secara ringkas permulaan kuat kuasa dan tafsiran;

Bahagian II, menerangkan perkara-perkara berkenaan pendaftaran suatu Skim Kepentingan seperti berikut:

Fasal 3 melarang keluaran sebarang kepentingan dalam satu skim sekiranya tidak didaftarkan di bawah akta yang dicadangkan. Fasal ini juga menerangkan bahawa penawaran sebarang kepentingan dalam sesuatu skim hanya boleh dibuat oleh syarikat pengurusan;

Fasal 4 menerangkan ciri-ciri skim kepentingan iaitu Skim Pelaburan, Skim Keahlian Rekreasi dan Skim Kongsi Masa;

Fasal 5 pula menerangkan pengelasan skim yang boleh didaftarkan di bawah akta yang dicadangkan yang terdiri daripada Skim Premium, Skim Kecil atau Skim Asing;

Fasal 6, fasal 7, fasal 8, fasal 9 dan fasal 10 masing-masing bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai syarat-syarat dan prosedur bagi pendaftaran sesebuah Skim Kepentingan, Skim Premium atau Skim Asing. Ini termasuk tatacara dan kehendak permohonan, kuasa tambahan yang diberikan kepada Pendaftar untuk mengarahkan syarikat pengurusan untuk membayar pampasan

kepada mana-mana orang yang telah membeli apa-apa kepentingan sebelum pendaftaran dan untuk menyekat syarikat pengurusan daripada menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan penawaran atau pelawaan untuk melanggan atau membeli kepentingan sebelum permohonan diluluskan serta pengeluaran perakuan kebenaran setelah permohonan diluluskan;

Fasal 11 dan fasal 12 menerangkan kuasa Pendaftar untuk menggantung atau mendaftarkan pendaftaran skim jika terdapat tindakan untuk menentukan pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah akta yang dicadangkan atau Akta Syarikat 2015 yang dicadangkan ataupun terma dan syarat berhubung dengan kelulusan.

#### ■1150

Fasal 13, 14 dan 15 masing-masing memperuntukkan tatacara rayuan kepada Menteri atas perintah pembatalan yang dibuat oleh pendaftar serta mengenai perkiraan bersaling atau *reciprocity* berkenaan dengan skim asing yang didaftarkan di bawah akta yang dicadangkan jika skim itu telah digantung di negara asal, hilang kelayakan atau operasinya disekat.

Fasal 16, 17 dan 18 memperkatakan perkara berkaitan penukaran skim kecil kepada skim premium dan syarat-syarat yang berkaitan serta kesan penukaran tersebut terhadap aset dan liabiliti skim kepentingan itu.

Bahagian III. Bahagian ini menerangkan surat ikatan amanah, pemegang amanah serta prospektus dan terbahagi kepada bab-bab berikut.

Bab 1 yang merangkumi fasal 19, 20 dan 21 menyatakan perkara berkaitan keperluan dan tatacara kelulusan surat ikatan amanah dan perjanjian kontrak, kandungan serta keperluan yang perlu dipatuhi sekiranya terdapat pindaan.

Bab 2 yang merangkumi fasal 22, 23, 24, 25, dan 26 memperkatakan perkara yang berhubung dengan pelantikan, syarat dan kelayakan, tanggungjawab serta liabiliti pemegang amanah bagi suatu skim kepentingan. Selanjutnya, bab ini juga memperkatakan tatacara berhubung peletakan jawatan atau pemecatan pemegang amanah.

Bab 3 yang merangkumi fasal 27 sehingga 43 memperkatakan perkara berkaitan prospektus dan perjanjian kontrak. Bab ini menyatakan larangan berhubung penawaran kepentingan dalam sesuatu skim tanpa prospektus atau perjanjian kontrak yang diluluskan dan didaftarkan di bawah akta yang dicadangkan.

Seterusnya, bab ini juga menerangkan kandungan yang perlu dimuatkan ke dalam prospektus atau perjanjian kontrak tersebut, dokumen berkaitan yang perlu disimpan, dokumen yang dianggap sebagai prospektus serta liabiliti sivil atau jenayah berkaitan pengeluaran sesuatu prospektus atau perjanjian kontrak.

Bab ini juga memperuntukkan kuasa pendaftar untuk mengeluarkan perintah henti supaya penawaran kepentingan dihentikan sekiranya prospektus atau perjanjian kontrak itu tidak mematuhi keperluan akta yang dicadangkan.

Bagi menggalakkan pelaburan berasaskan syariah, bab ini juga membolehkan suatu prospektus atau perjanjian kontrak disediakan mengikut prinsip-prinsip syariah atau melalui garis panduan yang diluluskan oleh SSM.

Bahagian IV. Secara umumnya, bahagian ini menjelaskan perkara-perkara berhubung pengurusan audit dan mesyuarat berkaitan sesuatu skim kepentingan dan terbahagi kepada tiga bab seperti berikut.

Bab 1 yang merangkumi fasal-fasal 44 hingga 50 menjelaskan perkara berhubung syarikat pengurusan. Ini termasuk keperluan untuk mempunyai pejabat berdaftar di Malaysia, tugas am dan obligasi sesebuah syarikat pengurusan, obligasi syarikat pengurusan kepada pemegang amanah, tanggungjawab untuk membeli semula unit kepentingan sekiranya dimohon oleh pemegang kepentingan, keperluan untuk mengasingkan akaun bagi setiap skim. Bab ini memberikan kuasa kepada pendaftar untuk menentukan tugas, obligasi dan perlakuan syarikat pengurusan bagi setiap jenis atau kelas skim yang diuruskan.

Bab 2 yang merangkumi fasal-fasal 51 hingga 54 menyatakan perkara yang berkaitan akaun dan audit. Bab ini menjelaskan keperluan syarikat pengurusan untuk menyimpan rekod perakaunan, menyedia dan mengaudit penyata kewangan berkaitan sesuatu skim yang diuruskan. Bab ini juga menerangkan kewajipan untuk melantik juruaudit serta tugas dan tanggungjawab juruaudit tersebut.

Bab 3 yang merangkumi fasal-fasal 55 hingga 61 memperkatakan perkara yang berhubung mesyuarat sesuatu skim kepentingan. Bab ini menjelaskan hak pemegang kepentingan untuk memanggil mesyuarat, tatacara bagaimana mesyuarat tersebut diadakan serta kewajipan untuk menyimpan rekod resolusi mesyuarat yang berkaitan.

Bahagian V memperuntukkan perkara-perkara berhubung penggulungan skim kepentingan.

Fasal 62, 63, 64 dan 65 masing-masingnya menyatakan jenis-jenis penggulungan skim iaitu penggulungan seperti yang disebut di dalam surat ikatan amanah atau perjanjian kontrak, penggulungan melalui kelulusan resolusi pemegang kepentingan, penggulungan yang disebabkan tujuan skim telah dicapai atau sebaliknya serta penggulungan yang diarahkan oleh mahkamah.

Fasal 66, 67 dan 68 menjelaskan tanggungjawab syarikat pengurusan untuk memastikan penggulungan skim dibuat mengikut peruntukan di dalam surat ikatan amanah atau perjanjian kontrak atau sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah. Selanjutnya, peruntukan berkaitan wang yang tidak dituntut juga terpakai bagi mana-mana aset atau harta berkaitan skim kepentingan yang telah digulung itu.

Fasal 69 pula menjelaskan perkara berhubung permohonan untuk pembatalan pendaftaran sesuatu skim secara sukarela yang boleh dibuat kepada pendaftar bersama keperluan-keperluan yang hendaklah dipatuhi.

Bahagian VI. Bahagian ini memperuntukkan perkara-perkara berhubung dengan penguatkuasaan akta yang dicadangkan.



Fasal 70 memperuntukkan kuasa kepada pendaftar untuk memohon injuksi sekiranya terdapat pelanggaran atau cubaan untuk melanggar peruntukan di bawah akta yang dicadangkan.

Fasal 71 menjelaskan kuasa pendaftar untuk campur tangan dalam pengurusan sesuatu skim kepentingan sekiranya pendaftar berpuas hati bahawa skim itu tidak dapat memenuhi syarat yang ditetapkan, pengurusan skim tersebut tidak mengikut peruntukan surat ikatan amanah atau perjanjian kontrak atau sekiranya terma dan syarat perakuan pendaftaran telah dilanggar.

Fasal 72 memberikan kuasa kepada Pendaftar untuk menghentikan mana-mana skim kepentingan yang tidak berdaftar di bawah akta yang dicadangkan termasuk kuasa untuk memaksa bayaran pampasan dibuat kepada pelabur yang telah membeli mana-mana unit kepentingan.

Fasal 73 memberikan kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan pemakaian mana-mana peruntukan akta yang dicadangkan ini serta mengenakan syarat-syarat yang bersesuaian.

Fasal 74 pula memberikan perlindungan kepada mana-mana pegawai syarikat pengurusan yang membuat laporan berhubung apa-apa perkara yang boleh atau akan menjadi pelanggaran akta yang dicadangkan atau kesalahan serius akan dilakukan pegawai lain syarikat pengurusan. Mana-mana pegawai yang membuat penzahiran sedemikian tidak boleh didiskriminasikan termasuk dipecat, diturunkan pangkat atau tertakluk kepada apa-apa tindakan tatatertib.

Fasal 75 menjelaskan peruntukan penalti am bagi mana-mana kesalahan yang mana penalti tidak diberikan secara spesifik.

Bahagian VII. Bahagian ini memperuntukkan perkara-perkara berhubung pentadbiran akta yang dicadangkan.

Fasal 76 hingga 80 menjelaskan keperluan syarikat pengurusan untuk menyenggara daftar pemegang kepentingan serta keperluan untuk menyerah simpan penyata tahunan dan penyata kewangan skim kepentingan dengan Pendaftar. Seterusnya, syarikat pengurusan juga diwajibkan menyimpan dokumen yang tertentu di Pejabat Pendaftar serta penggunaan alat-alat elektronik dalam menyimpan dokumen dan daftar tersebut dan perlu memberikan akses kepada pihak-pihak tertentu untuk memeriksa dan meminta salinan daripada daftar atau dokumen yang disimpan oleh syarikat pengurusan.

Fasal 81 menyatakan keperluan pendaftar untuk menyelenggarakan daftar yang berkaitan di bawah akta yang dicadangkan serta membolehkan pihak awam diberi akses untuk memeriksa daftar atau mendapatkan salinan daripada daftar tersebut.

Fasal 82 hingga 85 menjelaskan kesalahan mana-mana orang yang memberikan maklumat palsu dan mengelirukan, standard nilai keterangan berkaitan dokumen yang diserahkan simpan dengan pendaftar serta pembetulan terhadap daftar yang diselenggarakan oleh Pendaftar.

Fasal 86 hingga 88 memperuntukkan kuasa Pendaftar untuk menyediakan perkhidmatan penyerah simpanan secara atas talian serta perkara berkaitan.

Fasal 89 dan 90 memperuntukkan kuasa Menteri untuk meminda jadual-jadual kepada akta yang dicadangkan serta kuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi perjalanan yang lebih baik tujuan dan maksud akta yang dicadangkan.

Fasal 91 pula memperuntukkan kuasa Menteri untuk membuat pengisytiharan dan peraturan-peraturan berhubung kepentingan atau kelas kepentingan tertentu yang lebih wajar dikawal selia di bawah undang-undang sekuriti atau atas permintaan Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan.

Fasal 92 pula memperuntukkan perkara yang berhubung kecualian dan peralihan.

Jadual. Jadual Pertama akta ini memperuntukkan waad yang perlu dimasukkan di dalam surat ikatan amanah atau perjanjian *contractual* bagi sesuatu skim.

Jadual Kedua akta ini memberi peruntukan berhubung kandungan Prospektus dan pernyataan penzahiran produk yang berhubungan dengan sesuatu skim.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

#### ■1200

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Saya amat senang hati jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi dan sekarang saya beri peluang kepada kita punya sahabat iaitu pertama sekali itu, dan saya sebelum itu saya hendak tanya juga, ada siapa yang menyokong.

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pentadbiran dan pembubaran skim yang berhubung dengan kepentingan dan bagi perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Pertama kali saya ingin minta Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat.

#### 12.01 tgh.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...* [Membaca sepotong ayat *al-Quran*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri KPDNKK yang telah membentangkan akta yang baru kepada kita iaitu Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015.

*Alhamdulillah* kita bersyukur kepada Allah SWT, skim ini telah diperkenalkan dan telah dibahas dan telah dibentangkan pada hari ini. Saya lihat skim ini mempunyai kaitan dengan skim-Rang Undang-undang Syarikat 2015 yang telah dibentangkan pada hari Khamis baru ini dan dia ada mempunyai kaitan apabila saya baca antara satu sama lain. Saya lihat ini merupakan satu anjakan kepada mereka yang berkecimpung di dalam urus niaga dan juga pembangunan negara. Pada saya akta ini dibentangkan adalah untuk mengatur uruskan masyarakat dalam kepentingan masing-masing sama ada pertanian, perniagaan atau sebagainya. Kita melihat pihak kementerian memandang serius tentang

perkara yang telah dibentangkan itu dan ia juga untuk menjaga kepentingan kepada pihak-pihak yang terlibat, sama ada syarikat pelabur atau orang yang mempunyai kongsi di dalam syarikat tersebut.

Apa yang saya hendak sebut di sini sedikit sahaja. Apabila sebut kewangan, perniagaan dan keuntungan maka sudah pasti ramai orang akan mahu dan teruja. Kita selalu dengar ada orang yang dapat wang apabila diberitahu kepada mereka, mereka akan dapat untung besar, mereka akan melabur dalam sekejap sahaja kalau mereka dapat diyakinkan. Ini sering terjadi dalam kalangan masyarakat kita dan dalam apa keadaan apa pun walaupun masyarakat kita sering diperingatkan dengan pihak-pihak yang mengambil kesempatan namun dia terus terjadi. Saya melihat dalam laporan-laporan akhbar, ramai orang yang mempunyai- ramai orang tertipu terutamanya skim cepat kaya.

Skim cepat kaya ini telah berkembang dalam negara kita sama ada secara sah atau tidak dan saya mengharapkan dengan adanya skim ini, hal-hal tersebut dapat dibanteras. Skim ini, mereka telah gunakan dalam aset pertanian, aset perniagaan dan berbagai-bagai lagi sehingga apabila disebut keuntungan akan dapat mereka tidak ragu-ragu untuk melabur dalam skim-skim itu. Saya lihat banyak dalam internet dan juga *WhatsApp* ia datang.

Kalau orang tengok teruja memang orang hendak kaya dan tidak ada siapa orang hendak jadi miskin. Itu satu fenomena tabiat dalam diri manusia. Sehingga Rasulullah SAW kata kalau sebuah hadis, kalau sekiranya seseorang itu ada dua 'lembah emas', dia akan cari tiga. Kalau sekarang ini kita kata tiga lombong emas, dia akan cari empat, dan dia tidak akan berhenti untuk mencari kerana setiap orang ingin memiliki sebanyak mungkin kemewahan, harta, kekuasaan dan sebagainya. Dia tidak akan berhenti sehinggalah dia sampai ajal.

Jadi daripada titik tolak dari sinilah ada pihak yang mengambil kesempatan untuk memberi gambaran-gambaran yang menarik sehingga kita melihat ramai orang terpengaruh. Ada saya jumpa orang yang menawarkan keuntungan pembelian perniagaan emas. Emasnya tiada.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator boleh tidak kita katakan skim cepat kaya ini katakan skim burung terbang dipipiskan lada.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Itu istilah yang sangat cantik Tuan Yang di-Pertua, istilah orang berpengalaman. Jadi apa yang hendak dikejar tidak dapat yang ada tercicir. Memang betul dan saya menemui ramai orang terlibat, akhirnya mereka gagal, akhirnya gagal. Kalau ada yang untung pun tidak seberapa. Ada seorang teman yang memberitahu saya apabila dia pergi ke *supermarket*, dia berjumpa dengan orang yang bawa gores ini. Kononnya, dialah orang yang bertuah dalam dunia ini seribu dalam satu dan diberi tawaran yang cukup lumayan sehingga sampai 10 kilo emas.

Saya bayangkan kalau 10 kilo emas ini sudah jadi kaya raya. Dia kata kalau hendak 10 kilo ini maka perlu berjumpa dengan bos saya dan dia pun pergi jumpa. Apa yang dia ditawarkan tadi dia kata untuk mendapat 10 kilo ini kena bayar sekian banyak, ribu-ribu juga. Akhirnya, orang ini dia kata saya tidak ada duit hendak bayar.

Walau bagaimanapun, saya lihat di sini tawaran itu sangat lumayan dan mempengaruhi seseorang. Dalam akhbar yang saya baca ini pun ada disebut, "*Gores dan menang tiga orang warga*

*emas rugi RM350,000*". Ada juga orang yang menawarkan khidmat ini seperti yang tertipu seperti "*love scheme*", "skim cinta" yang berlaku dalam masyarakat kita yang ramainya terpedaya ialah kalangan wanita. Dengan gayanya, dengan penampilannya sehingga mereka menawarkan di samping itu menawarkan skim sehingga skim itu akhirnya tidak ada apa kecuali mereka ditipu sahaja.

Begitu juga caranya sebagaimana yang saya dengar ialah apabila seseorang itu dapat pesanan ringkas daripada pihak tertentu katanya menggunakan nama-nama yang hebat seperti SHELL kata, "*Simkad anda telah menangi RM30,000. Sila berhubung dengan kami*" dan apa yang telah diminta akan diarah daripada satu tahap ke satu tahap sehingga ada yang kerugian seluruh wangnya yang ada dalam simpanan bank dan sebagainya. Begitulah juga, ada orang yang datang kepada seseorang untuk memberitahu bahawa dagangannya, wangnya tersekat dalam di kastam, di pihak kastam. Dia hanya memerlukan bantuan sedikit dan pulangnya daripada tujuan itu akan diberi pulangan yang lumayan.

Jadi semua fenomena ini, ialah menggarap kepada kita bahawa skim-skim ini telah tersebar di dalam masyarakat kita dan ada skim-skim ini yang telah dikaitkan dengan nama orang-orang yang mempunyai kedudukan terkenal dalam negara. Itu yang menyebabkan skim ini atau apa-apa skim yang ditawarkan mendapat sambutan yang hebat.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat skim ini harapannya dapat membendung apa-apa kegiatan yang telah dilakukan sebelum ini dan kalau boleh dibanteras sampai ke akar umbi.

#### ■1210

Oleh kerana itulah, saya melihat kuasa yang diberikan kepada pendaftar sangat besar dalam skim ini. Pendaftar mempunyai kuasa yang begitu luas untuk menentukan bahawa mana-mana pihak yang telah mempunyai, mengadakan perniagaan atau sebagainya menentukan atau membatalkan atau mengenakan mana-mana penalti. Kalau mereka tidak berpuas hati, mereka boleh mengajukan kepada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah apa yang saya ingin bangkitkan di dalam rang undang-undang ini dan saya mohon menyokong. Terima kasih

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya panggil pula kepada Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin bin ES Samad.

#### 12.11 tgh.

**Dato' Sri Khairudin bin ES Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim... [Berucap dalam bahasa Arab] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi terima kasih kerana telah memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, Dato' Seri Hamzah. Saya sebenarnya kesian kepada beliau Tuan Yang di-Pertua. Seorang Yang Berhormat Menteri yang tidak mempunyai Timbalan. Rang undang-undang itu baru, ini Akta Syarikat beliau datang, beliau yang bentang dan beliau gulung. Sekarang ini Rang Undang-undang Skim Kepentingan pula, kesian.

Saya minta kalau boleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pertimbangkanlah secepat mungkin untuk melantik seorang Timbalan Menteri membantu beliau, kerana kementerian ini agak besar. Beliau berlari ke sana sini, saya kesian. Ini sahabat lama ini. Kita tengok-tengoklah apa yang kita boleh bantu beliau, kita bantu. Oleh sebab itu, saya ambil dua *point* sahaja hendak bercakap kerana kesian dekat Yang Berhormat Menteri. Kalau beliau ada timbalan, saya akan bahas panjang lebar.

Walau bagaimanapun... [*Disampuk*] Bukan takut, sahabat kita mesti jaga. Kalau *you* bagi banyak soalan, beliau lagi sekarang rambut sudah semua putih. Jadi kita kena jagalah, kawan-kawan kita ini ya Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, "*Balik Pulau Bayan Selepas, saya pun tidak mahu kalah ini. Balik Pulau Bayan Lepas, sana terpelahau sini terlepas*". Ini pun skim juga ini, skim terpelahau terlepas.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Johari tadi, saya melihat yang pertama dahulu waktu Pak Man Telo. Seminggu dapat balik modal, tetapi duit yang kita tanam modal itu masih lagi hidup. Jadi ia menarik minat ramai orang, itu yang ramai datang. Akhirnya, semua habis hancur lebur. Ada yang naik basikal pergi Petronas hendak isi minyak, sebab sudah biul. Dia sebelum itu bawa kereta, tetapi bila habis tanah semua tergadai, habis harta benda tergadai, dia jadi *stress*, jadi biul. Naik basikal sampai Petronas suruh isi minyak. Itu Yang Berhormat Dato' Johari, ia berlaku. So, kita hendak kena-untunglah kita ada Menteri yang prihatin, yang nampak ini untuk membela rakyat.

Cuma saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, kita ada banyak yang kita ini, di antaranya, *Vacation Club*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *Vacation Club*, dia buka *Vacation Club*, dia tarik semua orang untuk menjadi ahli. Kemudian dia bagi lah kita peluang-peluang untuk menginap di sana sini, *club* yang dia telah ada *vacation-vacation club* ini yang muflis ataupun mereka ini bila kita hendak berhenti menjadi ahli, hendak berhenti menjadi keahlian *vacation club* ini, mereka akan menentukan berapa yang dia hendak bayar balik kepada kita. Katalah misalnya kita sudah tanam modal RM100,000 di situ, bila kita hendak berhenti, dia yang hendak menentukan berapa. Ini pun saya rasa kementerian harus memberi perhatian, memantau sedikit supaya mereka ini tidak boleh. Dia sekurang-kurangnya kalau dia tidak bagi untung kepada kita, bagi balik modal kita daripada dia yang menentukan segala-segalanya.

Ini juga termasuk bukan sahaja *Vacation Club* sudah ini, kelab-kelab golf. Contohnya mereka hari ini buka kelab golf, selepas tu dia ada pula hendak ambil tanah yang ada baki di situ untuk membangunkan *resort*, rumah banglo dan sebagainya, pecah-pecah lot. Dia mendapat keuntungan tetapi pulangan kepada ahli-ahli kelab ini tidak dapat, tidak ada. Jadi dia sahaja yang hendak buat duit. Mereka ini mencari kesempatan untuk buat duit dengan duit keahlian. Kita pun tidak tahu berapa banyak duit yang terkumpul. Akan tetapi dengan adanya rang undang-undang ini, *insya-Allah* saya rasa kita boleh memantau dan kementerian sudah tentulah memikirkan apa yang harus dibuat selepas ini.

Kemudian *point* saya yang kedua Yang Berhormat Menteri, saya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya juga kepada kementerian, adakah kita memikirkan kalau ada peminat-peminat yang hendak memelihara ikan keli umpama, ataupun yang sedang ada sekarang ini ikan Arowana di Bukit

Merah. Dahulu dia panggil skim ni dia panggil Skim Pawah, di mana kita tanam modal di situ, dia memelihara ikan kita, kemudian bila dia jual anak-anak ikan itu, kita dapat keuntungan.

Akan tetapi kalau kita tidak pantau, yang pertama ikan-ikan ini, ikan Arowana ini kalau kita datang, dia kata ikan itu sudah mati, pun kita hancurlah pelaburan kita, *wassalam* ataupun kita minta Yang Berhormat Menteri kalau boleh kementerian, melihat supaya kita adakan juga pemantauan terhadap ini, jadi IKS ini. Jadi kita boleh melihat supaya kepentingan rakyat itu dipelihara, itu yang penting Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana kepentingan rakyat inilah, kerana mereka ini mengambil kesempatan untuk membuat sebaran-sebaran yang seperti ini menarik minat rakyat jelata, kemudian apa pun tiada.

Saya difahamkan yang di Bukit Merah itu hendak daftar pun tidak boleh sebab tanah di situ adalah tanah pertanian dan asalnya dahulu sawah. Kemudian kalau kita hendak jadikan satu skim di situ, mengambil masa yang panjang kerana penukaran hak milik tanah dan sebagainya. Saya pun hairan juga kenapa Arowana ini boleh hidup di air Bukit Merah sahaja. Kalau tanam, kalau kita memelihara ikan di Perlis tidak jadi, di Kedah tidak jadi, di Pulau Pinang lagi tidak jadi, air dia air masin. Akan tetapi di Bukit Merah ini menjadi dan banyak orang telah pun menanam modal di situ. Saya difahamkan banyak juga yang hilang modal. Jadi saya mohon Yang Berhormat Menteri kalau boleh, perkara-perkara ini juga diberi perhatian.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja supaya saya tidak menyibukkan Yang Berhormat Menteri yang sibuk, jadi kita ucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang kepada saya. Saya dengan ini turut menyokong Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015. Sekian. *Wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin bin ES Samad. Nampak cara dia cakap tadi, susah orang hendak kelentong dia, orang berpengalaman. Baik, sekarang saya jemput Yang Berhormat Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit. Silakan.

■1220

**Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas keizinan untuk saya mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015.

Pertama, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri KPDNKK kerana terus komited dalam menangani kepentingan pengguna dan orang awam. Dalam mewujudkan satu siri baru sistem perlindungan pengguna awam, dalam urusan menyertai dan memperoleh apa-apa tawaran terbitan dan produk-produk skim pelaburan atau skim perkongsian masa atau apa-apa kelab keahlian rekreasi yang amat popular di kalangan rakyat kita.

Saya juga menyokong apa yang telah dibahaskan oleh Yang Berhormat sebelum saya dan saya juga ingin menyatakan perkara yang dekat-dekat sama tetapi cara berbeza dan malang sekali apa yang berlaku sejak tiga dekad lalu pelbagai skim, yang paling mudah disebut skim cepat kaya atau piramid

berterusan wujud walaupun ramai yang telah tertipu dan dengan skim keliru, muslihat yang ditawarkan oleh pihak berkepentingan yang tidak jujur.

Ini juga telah menjadi satu warisan sosial masyarakat Malaysia tidak kira bangsa Melayu, Cina atau India dan kaum-kaum lain amat fanatik dan cenderung untuk melabur dalam skim-skim sebegini. Walaupun Kerajaan Malaysia telah mewujudkan skim Amanah Saham PNB, skim Amanah Hartanah, Bumiputera yang memberi pulangan amat baik dan terbukti prestasi mengurus dana pelaburannya yang cemerlang dan jaminan pengurusan risiko yang maksimum.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada fasal 2 berkaitan dengan tafsiran dan juga makna perincian skim-skim kepentingan. Saya berpandangan KPDNKK perlu membuat penyelarasan bagi dengan izin, *setting out demarcation line* untuk memberi dan menyenaraikan jenis-jenis skim kepentingan yang dikawal selia oleh KPDNKK. Ini untuk mengelak kekeliruan dan juga tipu muslihat atau ruang yang digunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mencampuradukkan produk-produk pelaburan yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia bagi apa-apa produk yang digariskan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Kewangan Islam 2013 dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia bagi Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Februari 2016, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan satu *public alert*, dengan izin, tentang terdapatnya 18 skim *rolling money* seperti *Highway the Rainbow FX* dengan modus operandi mengambil deposit tunai orang awam bagi menjalankan transaksi dagangan *rolling money*. Ini yang jelas melanggar Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

Dengan adanya rang undang-undang ini, tadbir urus bagi mengawal selia pendaftaran dan operasi sesuatu skim kepentingan lebih efektif dan penguatkuasaan serta perlindungan peserta lebih terjamin. Kita menerima hakikat kecanggihan aplikasi media sosial dan transaksi perbankan dalam talian serta pelbagai mekanisme sistem pembayaran dagangan iaitu enam *banking merchant acquiring system* telah memudahkan tipu muslihat skim *rolling money* berleluasa di pasaran kita.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai kewajipan penyedia skim untuk menzahirkan prospektus produk dan surat ikatan amanah dan janji kontraktor perlu diperhalusi secara total. Hendaknya apabila rang undang-undang ini diluluskan dan diwartakan, suatu peruntukan yang lebih terangkum mengenai pernyataan pelan pelaburan, pengurusan risiko, analisis kuantitatif dan kualitatif unjuran pendapatan dan keuntungan skim, komisen dan fi pengurusan diisytiharkan dengan jelas tanpa sebarang kekeliruan atau niat tipu muslihat oleh syarikat penyedia skim.

Kebimbangan saya lebih kepada skim-skim yang melibatkan *biological asset* seperti pawah ladang sawit, pawah ikan keli, pawah burung walet dan *seaweed*. Pemerhatian saya juga skim pelaburan *biological* ini amat tinggi risikonya. Satu platform perundangan bersepadu bagi mengurus skim-skim pawah *biological* ini dengan merangkumkan penglibatan beberapa agensi dan jabatan teknikal yang boleh menyumbang dalam menasihati dan memberi garis panduan kepada KPDNKK apabila membuat

sesuatu ketetapan dan kelulusan pendaftaran skim dan prospektus terbitan skim kepentingan *biological asset*.

Saya ingin mengambil contoh pada tahun 2007 dan 2008 terdapat syarikat perladangan *public listed company*, dengan izin, menawarkan lot-lot pelaburan dalam penanaman semula kelapa sawit dengan jaminan disandarkan kepada *land bank* ladang yang dimiliki oleh mereka. Janji kontrak dan pulangan dibuat selama 10 tahun dengan kadar pulang secara konsisten antara 6% hingga 7% setahun.

Malang sekali disebabkan faktor iklim pemanasan global dan kesan banjir di negeri-negeri lokasi ladang mereka, *capacity yield*, dengan izin kelapa sawit yang dipungut oleh nilai *oil extraction rate*, dengan izin tidak menepati unjuran pendapatan yang direncanakan. Akhirnya skim ini terpaksa ditamatkan lebih awal dan satu resolusi dibuat bagi penamatan dan pampasan. Apabila pampasan dan penamatan skim lebih awal dibuat, maka keputusan penyedia pelaburan tidak menggembirakan pelabur dan menimbulkan *public uproar*, dengan izin.

Justeru itu, saya memohon agar KPDNKK melihat beberapa contoh kes yang terlibat kan *biological asset* dan industri perladangan agar episod eksploitasi peserta tidak lagi berlaku. Dalam episod pawah kelapa sawit ini keuntungan jangka panjang dinikmati oleh penyedia skim kepentingan tetapi apabila penamatan awal berlaku, maka unjuran keuntungan direncanakan peserta telah terjejas.

Oleh itu, KPDNKK perlu memastikan apa-apa urusan berkaitan jualan balik unit skim kepentingan sebagai mana yang diperuntukkan dalam fasal 47 bagi kewajipan untuk membeli semula unit kepentingan diperincikan segera mengikut ketetapan;

- (i) tempoh bertenang minimum yang diperakukan dan disahkan;
- (ii) apa-apa bayaran, fi pengurusan dan penalti yang berpadanan; dan
- (iii) apa-apa bayaran *benefit*, dividen atau manfaat mengikut purata tempoh masa terlabur yang disertai oleh peserta.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bahagian V berkenaan dengan penggulungan skim, sama ada penggulungan dibuat sebagaimana ikatan amanah atau janji kontraktor dalam fasal 62. Saya juga ingin mohon agar ketetapan yang sama dibuat dalam perkara ini iaitu tempoh bertenang minimum yang diperakukan dan disahkan, kedua, apa-apa bayaran, fi pengurusan dan penalti yang berpadanan, ketiga, apa-apa bayaran *benefit*, dividen atau manfaat mengikut purata tempoh masa terlabur yang disertai oleh peserta juga dimasukkan sebagai satu pematuhan mandatori.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya memohon agar isu integriti dan akauntabiliti syarikat penyedia skim kepentingan ditetapkan dengan mengenakan keperluan liabiliti awam dan liabiliti jenayah yang termaktub dalam fasal 39 dan 40 dijadikan mandatori. Sejarah telah terbukti, telah terdapat banyak tipu muslihat dan keliru perdaya berkaitan dengan penerbitan sesuatu skim kepentingan. Jumlah pelaburan membabitkan berbilion-bilion Ringgit daripada dana orang awam.

Justeru itu saya mencadangkan agar denda berserta dengan hukuman penjara dijadikan hukuman mandatori. Ini akan memberi isyarat bahawa kerajaan serius dalam memerangi skim



kepentingan haram. Saya mengucapkan tahniah sekali lagi kepada Yang Berhormat Menteri dan KPDNKK dan saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Mariany dan saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Seri Boon Som A/L Inong. Sila.

#### 12.29 tgh.

**Datuk Seri Boon Som A/L Inong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Saya tidak berhasrat untuk berbahas panjang mengenai Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015 ini kerana Yang Berhormat Menteri tadi telah memberikan penerangan yang jelas tentang tujuan rang undang-undang ini digubal.

Saya setuju bahawa kita perlu undang-undang yang berasingan untuk mengawal selia penawaran skim kepentingan kepada orang ramai secara lebih komprehensif. Dengan itu ia akan telus serta dapat melindungi pelabur.

#### ■1230

Ia juga merupakan kaedah alternatif yang memberi tambahan pilihan untuk usahawan terutama syarikat kecil dan sederhana mendapatkan dana bagi mengembangkan perniagaan mereka sehingga kepada kaedah sedia ada seperti pinjaman bank, kemudahan kredit, dana, geran, bantuan kerajaan atau kumpul dana daripada pasaran modal terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada penampilan Yang Berhormat Menteri ketika membentangkan Rang Undang-undang Syarikat 2015 minggu lalu, saya percaya kepada kebijaksanaan beliau. Begitu juga ketika menggulung perbahasan, nampaknya kewibawaan beliau. Cara Yang Berhormat Menteri menunjukkan beliau memang arif dengan rang undang-undang yang dibentangkan dan arif dengan bidang tugas dan tanggungjawab beliau. Jawapan yang diberikan pun kemas, memuaskan dan jelas. Saya rasa Yang Berhormat Senator lain pun setuju dengan saya [*Tepuk*]

Inilah yang kita hendak menteri yang berkualiti Yang Berhormat Menteri. Saya percaya memang sudah teruji boleh ditolak di mana-mana sahaja. Tidak ada Timbalan Menteri pun okey, tetapi saya setujulah tetapi kalau dilantik Timbalan Menteri nanti, Timbalan Menteri yang menjawab. Kita minta Menteri juga datang menjawab sebab dengan jelas jawapan beliau itu. Saya ucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri. Saya percaya langkah menggubal rang undang-undang yang berasing untuk menguruskan skim kepentingan amat sesuai, tepat dan telus.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Datuk Seri Boon Som, terima kasih banyak. Saya panggil pula Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin.

#### 12.31 tgh.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam sehati sejiwa.*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas ruang dan peluang yang diberikan untuk saya mengambil bahagian berbahas berkaitan Rang undang-undang Skim Kepentingan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Datuk Seri Menteri yang telah dilantik menjadi Menteri Perdagangan Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Saya rasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pilih Yang Berhormat Dato' Seri Hamzah menjadi Menteri ini adalah tepat dan kena pada orang dan masanya.

Saya berkata demikian kerana Yang Berhormat Menteri ini sebelum menjadi menteri Tuan Yang di-Pertua, ialah seorang ahli korporat yang berjaya dalam perniagaan dan sudah pasti pada hari ini diberi tanggungjawab dan kepercayaan untuk menjaga orang-orang yang berniaga, ahli-ahli perniagaan, syarikat-syarikat perniagaan yang mereka ini sering kali mengambil peluang atas sesuatu isu bagi kepentingan mereka. Jadi saya harap, dengan Yang Berhormat menteri ini, peniaga-peniaga tak boleh buat main-main sebab beliau tahu dan beliau faham selok-belok dan tipu muslihat perniagaan.

Beliau juga pegawai-pegawai tidak boleh buat lebih kurang dengan Menteri ini. Tidak boleh kelentong, tidak boleh maknanya, buat main-main ya dengan Menteri. Sebab itu ramai pegawai yang datang pada hari ini bersama-sama dengan Menteri bagi melihat sendiri apa yang Yang Berhormat Menteri terangkan, apa yang Yang Berhormat Menteri bentangkan dalam rang undang-undang ini dan juga dalam Rang Undang-undang Syarikat 2015 pada minggu yang lepas. *Alhamdulillah*, saya sebenarnya takut hendak berbahas dengan Yang Berhormat Menteri ini sebab dalam Dewan Rakyat yang lepas, sedang-sedang berbahas, tumbang seorang daripada Ahli-ahli Parlimen yang turut sama berbahas dalam Rang Undang-undang Syarikat ini.

Pada hari ini, dalam Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015 ini Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukan pendaftaran pentadbiran dan penggulungan syarikat bagi skim yang berhubungan dengan kepentingan dan perkara-perkara yang berkaitan. Saya sempat juga buat sedikit *research* berkaitan rang undang-undang ini dan saya dapati beberapa pindaan di bawah Rang Undang-undang Skim Kepentingan telah mengambil kira beberapa aspek untuk mengukuhkan struktur kawal selia seperti mengadakan mesyuarat agung tahunan antara pelabur dan pihak pengurusan untuk melindungi para pelabur.

Dalam aspek ini saya berharap, saya klausa memperoleh akan dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015 ini bagi membenarkan para pelabur untuk memegang atau pemegang amanah untuk mengubah pihak pengurusan jika perlu.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 4 bertujuan untuk memerihalkan ciri-ciri skim pelaburan, skim keahlian rekreasi dan skim kongsi masa. Ciri skim ini sebenarnya telah disenaraikan dalam laman web Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) termasuk memperuntukkan secara jelas ciri-ciri pelaburan dan syarat-syarat pendaftaran termasuk juga syarat-syarat sah beroperasi yang mesti dipatuhi sepanjang menjalankan operasi mereka. Ini bagi mengelak timbulnya sebarang penipuan dalam keghairahan

pelabur melabur dan mendapat untung atas angin dengan kadar yang tinggi dalam jangka masa pendek tanpa bersusah payah.

Juga sudah acap kali pihak kementerian, kerajaan dan SSM mendidik dan menasihatkan orang ramai untuk lebih berhati-hati sebelum menyertai sebarang skim pelaburan yang menjanjikan kadar pulangan yang tinggi dalam tempoh masa yang singkat. Biasanya orang-orang yang melabur ini, dia melabur peringkat awal dapat untung. Akan tetapi orang yang masuk kemudian itu, lima ke-enam bulan kemudian selepas daripada pelaburan itu, mereka inilah yang berisiko tinggi kena tipu.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pihak kementerian dan SSM memandang serius tentang perkara ini dan berterusan mengingatkan orang ramai agar tidak mudah terpedaya apabila ditawarkan untuk melabur dalam skim pelaburan yang menjanjikan pulang tinggi bagi mengelak ditipu dan mengalami kerugian. Sekiranya pelaburan tersebut bersifat skim kepentingan, pelabur perlu memastikan skim tersebut didaftar dahulu dan diluluskan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 6, 7 dan 8 masing-masing bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi syarat-syarat pendaftaran skim premium, skim kecil atau skim asing. Di sini saya ingin mengajukan beberapa persoalan kepada pihak kementerian, SSM dan juga Bank Negara. Berapakah jumlah terkini senarai syarikat pelaburan yang tidak diiktiraf oleh Bank Negara Malaysia?

Kedua, bagaimanakah kementerian dan SSM memantau syarikat ini agar tidak terus beroperasi mengutip wang dan berterusan memberi maklumat mengelirukan kepada pelabur?

Ketiga, bagaimanakah pihak kementerian mendidik masyarakat bahawa tiada skim yang mampu memberi pulangan tinggi dalam jangka waktu pendek tanpa perlu bersusah payah? Semua ini hanya gimik dan propaganda dengan menggunakan tokoh dan personaliti untuk mengaburi di mata pelabur.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 13 pula bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tatacara rayuan kepada Menteri atas perintah pembatalan yang dibuat oleh Pendaftar. Isunya ialah sejauh manakah kuasa mempertimbangkan rayuan oleh pihak Menteri atas perintah pembatalan ini. Saya mencadangkan agar hanya kes-kes tertentu yang ringan sahaja yang dibenarkan merayu manakala kes berat ditolak tanpa rayuan. Saya juga terpanggil jika dalam kes ini perayu menggunakan nama Yang Berhormat Menteri, kononnya kenalan rapat Menteri, menggunakan surat sokongan dan pelbagai lagi kabel untuk mempengaruhi keputusan yang dibuat, seperti Datuk Seri Nalla dan sebagainya. *[Ketawa]*

#### ■1240

Tuan Yang di-Pertua, fasal 16 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pertukaran skim kecil kepada skim premium jika syarikat pengurusan memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan di bawah fasal 6. Fasal ini selanjutnya mengadakan peruntukan bagi tatacara penukaran. Soalnya ialah saya memohon penerangan lebih lanjut berhubung peruntukan penukaran skim kecil kepada skim premium ini. Apakah konsep dan tatacaranya?

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya menyokong langkah proaktif kementerian dan pihak SSM untuk mengekang skim tidak diiktiraf ini dan terus menipu para pelabur. Jelas, tindakan menyerbu premis dan pengurusan skim ini sebenarnya untuk melindungi kepentingan orang ramai, khususnya para pelabur

daripada melabur lebih banyak wang dalam skim yang berisiko dan juga untuk melindungi kepentingan rakyat. Syarikat yang terbabit sedang dalam siasatan kerana disyaki melakukan kesalahan, termasuk mengambil deposit secara haram, mengubah wang haram, mengelakkan cukai, memberikan maklumat palsu, termasuk pernyataan yang salah, melantik ejen tanpa lesen dan gagal mengemukakan dokumen berkenaan.

Kebimbangan ini timbul kerana syarikat-syarikat tersebut dipercayai menjalankan skim yang tidak dapat bertahan lama. Syarikat-syarikat tersebut menjanjikan pelabur pulangan bulanan yang lumayan dan jaminan belian balik emas. Skim tersebut bukan dibiayai oleh jual beli emas yang sebenar, sebaliknya dibiayai dengan menggunakan wang yang baru dilaburkan dalam skim ini. Jumlah aset dan wang yang ada pada syarikat-syarikat ini biasanya tidak sepadan dengan jumlah yang dikumpulkan daripada para pelabur. Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat menyokong usaha untuk membekukan segala aset yang dirampas. Jika ada aset di luar negara, kalau boleh kita bekukan sekali. Cuma dalam kes ini saya ingin mengemukakan persoalan, bolehkah pelabur yang terbabit menuntut kembali wang atau emas mereka daripada aset yang dirampas?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memohon penerangan berkaitan dengan perkara-perkara berikut. Kepentingan surat ikatan amanah, kewajipan pemegang amanah dan kepentingan prospektus agar pelabur sedar dan meneliti sebelum melabur. Di akhirnya, saya ingin memberikan sedikit pandangan dan nasihat kepada para pelabur agar sentiasa berhati-hati terhadap skim pelaburan yang menjanjikan pulangan yang tinggi dengan risiko yang kelihatan rendah dengan memberikan jaminan bahawa jumlah pokok dilaburkan, akan dipulangkan.

Orang ramai juga dinasihatkan supaya merujuk kepada agensi yang berkenaan apabila berurusan dengan syarikat atau individu yang menawarkan peluang perniagaan atau perkhidmatan kewangan yang kelihatan menarik tetapi tidak diberikan lesen oleh pihak berkuasa. Sebagai panduan, orang ramai hendaklah merujuk terlebih dahulu kepada pihak kementerian, SSM serta Bank Negara dan sebagainya sebelum melabur. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin. *Last* sekali dan tolong ringkaskan, Yang Berhormat Puan Shanim binti Mohamad Yusoff. Sila.

**12.44 tgh.**

**Puan Shanim binti Mohamad Yusoff:** *Bismillahir Rahmanir Rahim... [Membaca sepotong doa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan ke atas KPDNKK kerana menggubal satu Akta Skim Kepentingan 2015 bagi kawal urus dan kuat kuasa perjalanan sesuatu skim kepentingan dan memuktamadkan kebimbangan awam mengenai kewujudan skim-skim kepentingan yang sering kali dikelirukan secara gabung jalin atau *hybrid* bagi apa-apa pelaburan ataupun kutipan deposit perkongsian yang pada akhirnya merugikan peserta atau orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini terdapat pelbagai skim-skim pelaburan yang di *hybrid* kan sama ada dengan jualan langsung dan juga skim piramid. Amat sukar untuk orang awam membezakan suatu skim pelaburan atau skim perkongsian masa atau skim kelab rekreasi yang benar-benar *reliable* iaitu mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Hatta, sebelum ini terdapat skim-skim pelaburan unit amanah atau jualan *medium term notes* (MTM), dengan izin, sektor korporat pun mengalami kerugian dan deposit pelaburan pokok orang awam hilang begitu sahaja. Episod suka duka seperti Unit Amanah Dana Johor oleh JCorp yang baru saja ditamatkan pada 16 Februari 2016. Kerugian pelaburan orang ramai dalam skim pelaburan pawah burung walid, skim pawah ikan keli, skim pawah seaweed sehingga pelaburan emas pun mengalami kerugian.

Melalui pengalaman dan pemerhatian saya, terdapat berpuluh-puluh skim pelaburan yang menyebabkan pesertanya terpaksa berputih mata iaitu pelaburan pasaran mata wang asing - *Swiss Cash*; pelaburan berasaskan pawah ternakan usaha tani - burung walid; seaweed, lintah, ikan keli, kelapa sawit, bio trail, skim pelaburan pasaran hadapan komoditi seperti sawit dan minyak mentah; pelaburan-pelaburan logam berharga - emas, perak dan platinum; skim tawaran pakej pelancongan dan kelab rekreasi; skim pelaburan bilik-bilik hotel di Mekah dan di Madinah, iaitu di Tanah Suci.

Terbaru, terkini, skim pelaburan *top up* kredit telefon yang di*hybrid*kan dengan kemudahan pembayaran bil *utilities* atau Astro atau TM.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat lagi, sudah lama sudah, sudah berbelas-belas tahun, satu ketika ada sebuah syarikat datang ke kampung saya menyatakan siapa mana-mana orang kampung yang hendak masuk saham untuk burung walid. Jadi, satu kampung semua masuklah sebab dijanjikan dengan keuntungan yang banyak. Namun pada hari ini, saya tengok burungnya ke mana, rumah burung pun sudah tidak endah tetapi terbengkalai dan duitnya entah ke mana. Saat ini apabila skim kepentingan ini kita bahaskan, saya hendak ucap terima kasih sekali lagi kerana bagi saya skim ini, rang undang-undang ini akan menjaga kepentingan rakyat.

Ke semua skim-skim pelaburan ini tidak ada satu pun yang benar-benar memberi jaminan sama ada dengan kaedah ikatan amanah atau jaminan tanggungan *bank guarantee* bagi menaja jamin sesuatu skim kepentingan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang pelaburan emas, di mana skim pelaburan ini banyak menyebabkan orang awam kerugian. Modus operandi skim-skim kepentingan yang tidak ada satu mekanisme kawalan perundangan menyebabkan hak dan jaminan pelaburan peserta tidak dilindungi.

Untuk itu, saya memohon agar KPDNKK memastikan bahawa akta yang bakal diluluskan oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini disebarkan kepada orang awam agar tiada lagi skim kepentingan haram wujud dalam pasaran awam Malaysia. Dari takrifan ini saya rasakan orang ramai sukar untuk fahami. Justeru, saya memohon agar KPDNKK menggunakan saluran *public service announcement* (PSA) bagi mewartakan apa-apa skim perkongsian secara jelas dan terperinci.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kandungan dan pernyataan penzahiran produk sebagaimana jadual kedua rang undang-undang ini, saya ingin mendapatkan kepastian KPDNKK

bagaimanakah cara sekiranya beberapa perkara berikut kita persoalkan. Integriti dan akreditasi penzahiran produk serta bagaimanakah KPDNKK menentukan suatu prosedur atau ketetapan, *legitimate the procedure* bagi menentu sahkan nilai sesuatu pelaburan dalam skim kepentingan yang berasaskan logam berharga atau emas mempunyai rujukan nilai tara harga pasaran pada ketika harga jualan ditetapkan.

Saya ingin mengambil contoh pelaburan emas.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, banyak lagi?

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Sikit lagi. Saya ingin mengambil contoh pelaburan emas. Terdapat banyak pemain industri dalam pelaburan skim kepentingan ini. Ini termasuk institusi perbankan dan Bank Negara sendiri yang mengeluarkan pelaburan Kijang Emas yang mana senarai harga jualan dan belian dipaparkan dalam laman *web* Bank Negara Malaysia. Pelaburan ini boleh dibuat sama ada melalui ejen perbankan dan terdapat opsyen yang jelas dan tatacara dagangan yang teratur apabila seseorang peserta mula membuat pelaburan emas. Akan tetapi kita juga tengok pula pelaburan dinar emas, *Kelantan Gold Trade*. Kalau kita lihat laman *web Kelantan Gold Trade*, hanya 3 produk dinyatakan, hanya nilai semasa harian, jualan dan belian. Tidak ada senarai analisis turun naik harga emas secara harian dan tidak dinyatakan secara jelas komposisi sebenar ketulenan emas yang dijual berbanding Kijang Emas Bank Negara.

#### ■1250

Tuan Yang di-Pertua, dalam permasalahan penentuan ketulenan emas di mana perihalan perundangan mengenai badan kuasa memeriksa dan membuat akreditasi teknikal mengenai status sebenar ketulenan emas atau logam berharga masih tidak lagi dibuat secara *legitimate* dalam siri perundangan negara. Kita mempunyai Jabatan Standard dan makmal-makmal akreditasi yang ditauliahkan oleh Jabatan Standard Malaysia dan SIRIM Berhad yang boleh digunakan bagi platform untuk menentu-sahkan ketulenan logam berharga tetapi malangnya, tidak ada satu pun inisiatif yang diambil oleh KPDNKK yang membuat formulasi untuk menjadikan penjualan, pengedaran dan peruncitan emas logam berharga dikawal selia.

Justeru, melalui Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015 ini, kerajaan melalui KPDNKK mengambil inisiatif yang lebih efektif untuk menggubal satu peraturan di bawah akta yang bakal diwartakan ini untuk, pertama, menentu-sahkan dan menjamin sesuatu logam emas atau berharga mendapat pengesahan teknikal mengenai komposisi dan parameter logam berharga daripada pihak berkuasa memeriksa, *third party inspecting authorities* seperti SIRIM Berhad atau Llyod's Register atau Det Norske Veritas atau Bureau Veritas sebelum jualan dan peruncitan yang skim kepentingan ini dijalankan.

Kedua, formulasi taja jamin sesuatu produk yang mana setiap skim yang ditawarkan perlu mendapat pengesahan apa-apa badan teknikal dan pihak berkuasa yang berkaitan dengan produk kepentingan yang ditawarkan. Contohnya, pelaburan pawah kelapa sawit ataupun komoditi pertanian. Saya mengesyorkan agar kandungan prospektus diwajibkan mempunyai ulasan teknikal daripada MPOB

atau jabatan teknikal berkaitan agar jangka hayat pokok, unjuran harga komoditi, unjuran pengeluaran hasil dan kos tanggungan operasi perladangan dapat ditentukan oleh bakal peserta untuk menilai dan menjangka risiko pelaburan mereka dalam sesuatu skim kepentingan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai komitmen saya sebagai Ahli Dewan Negara dan mengambil pengalaman saya sebagai *bankers* yang terlibat dalam pemasaran produk unit amanah saham dan pelaburan perbankan, saya ingin menyentuh mengenai fasal 39, liabiliti sivil, dan fasal 40, liabiliti jenayah, yang akan dikenakan sekiranya berlaku *fraud* atau kecuiaan dalam pembikinan Prospektus dan penzahiran produk.

Saya ingin mencadangkan agar satu mekanisme secara perundangan dibuat dengan memperkenalkan pewartaan dalam suatu peruntukan undang-undang bagi menaja jamin skim-skim kepentingan sebagaimana skim insurans deposit produk perkhidmatan kewangan atau kewangan Islam seperti mana yang dibuat oleh Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) bagi menjamin deposit pemegang akaun di bawah peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Taja jamin ini penting untuk melindungi pengguna daripada sebarang kecuiaan atau silap kekeliruan semasa penyedia skim membuat deklarasi dan penzahiran produk kepentingan kepada orang awam.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan KPDNKK yang telah berjaya menggubal Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015. Mudah-mudahan dengan adanya platform perundangan ini, tidak ada lagi ribuan mangsa penipuan di kalangan rakyat Malaysia. Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Shahanim. Saya nampak Yang Berhormat Dato' Seri Hamzah tekun menulis, mendengar nampaknya, dan dengan hormatnya saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Silakan.

#### 12.54 tgh.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainuddin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu berkenaan dengan rang undang-undang yang saya cadangkan ini.

Sebenarnya objektif kita adakan rang undang-undang ini adalah untuk adakan satu *strike a balance* di antara *operators* dan juga pelabur ataupun *investors*. Jadi apa yang saya hendak lakukan adalah supaya rang undang-undang ini nanti dapat memberikan satu perasaan bertanggungjawab semua pihak sama ada yang menganjurkan skim ini dan juga yang menjadi *investors*nya.

Keduanya, untuk tentukan segala kawal seliaan yang kita hendak buat itu akan lebih komprehensif dan telus dan ia akan memberikan perlindungan yang mencukupi kepada pelabur.

Saya tadi pun dah terangkan, dalam apa banyak-banyak pun, saya hendak supaya kita sedar dalam fasal 89 dan 90 memperuntukkan kuasa Menteri untuk meminda jadual-jadual kepada akta yang dicadangkan serta kuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi

perjalanan yang lebih baik tujuan dan maksud akta yang dicadangkan. Juga, fasal 91 memperuntukkan kuasa Menteri untuk membuat pengisytiharan dan peraturan-peraturan berhubung kepentingan atau kelas kepentingan tertentu yang lebih wajar dikawal selia di bawah undang-undang sekuriti atas permintaan Menteri yang dipertanggungjawabkan seperti Menteri Kewangan.

Hal ini menunjukkan bahawa kita bersedia. Kita faham bahawa skim kepentingan ini dia sesuatu yang organik, dia bukan hanya setakat apa yang kita tahu sekarang. Sebab itu skim yang kita ada itu ada skim premium, skim kecil dan skim asing. Ini menunjukkan bahawa skim ini akan berubah dari semasa ke semasa. Maka, peruntukan yang ada ini kita lihat bahawa ia boleh kita buat kawal selia dengan sebaik mungkin seperti apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat yang menyokong akta ini dan saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih.

Seperti dalam rang undang-undang ini, Bahagian II dan Bahagian III, ia memperuntukkan pendaftaran skim seperti yang saya sebutkan tadi iaitu skim premium, skim kecil dan skim asing. Jadi, dah ada. Segalanya terbukti dah ada dan kita akan kemas kini dan tentukan.

Yang ketiganya, surat ikatan amanah (*trust deed*) dan pemegang amanah dan prospektus. Ini juga kita buat supaya kita memastikan yang ada dalam ini memahaminya sebelum kita tertipu sekiranya kita hendak jadi orang kaya dengan secepat mungkin. Sebelum itu, kita kena lihat dahulu. Sebab, sesuatu skim itu mesti mendapat pendaftarannya. Apabila ada pendaftaran, maka sebab itu dia ada prospektusnya. Maka, sesiapa sahaja yang ingin melabur, pertama, *check* dengan SSM sama ada syarikat itu sudah mendaftar atau belum. Kalau sudah mendaftar, *check* Prospektus kerana semua itu ada termaktub dalam rang undang-undang ini, semua skim itu ada syarat-syarat yang tertentu. Segala mereka yang telah didaftarkan telah pun mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Kepada Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin, dia hendak cakap sedikit, kata terima kasih sebab- dia takut saya orang sibuk, mungkin tidak dapat hendak menjawab semuanya sebab sampai rambut pun putih. Dia tidak sedar rambut dia pun putih sama. Saya ada juga rambut lagi, dia langsung botak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat macam menyindir pula tu [*Ketawa*]

**Dato' Seri Hamzah bin Zainuddin:** Tak, tadi dia sindir saya rambut putih tetapi saya hendak beritahu, dia lebih tua daripada saya.

Betul, seperti apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin tadi tentang *vacation club*, kelab golf, semua ini telah pun saya jawab bahawa bila kita ada peruntukkan dalam Bahagian VI sebagai satu contoh, memohon injunksi kepada Pendaftar, kita berikan kepada Pendaftar untuk memohon injunksi Ini adalah kerana apabila kita melihat sesuatu skim itu telah jauh larinya daripada asal skim dalam prospektus, maka kita mempunyai fasal-fasal dalam ini yang memperuntukkan supaya pendaftar boleh memohon injunksi supaya boleh mengambil tindakan yang sewajarnya. Maka, tidak timbul lagi- kalau ada pun masalah yang akan dibuat selain daripada itu, kita ada undang-undang yang ada dalam negara kita untuk menentukan mereka boleh diambil tindakan.



## ■1300

Tuan Yang di-Pertua, ini dah pukul 1. Saya hanya mahu minta 10 minit sahaja lagi. Kalau dibenarkan, saya terus habiskan sekarang juga. Boleh kita habiskan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bolehlah. Ringkas sahaja.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainuddin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Datuk Hajah Mariany bertanya *demarcation line*, antara mengelak penipuan antara Akta Kewangan atas suruhanjaya yang ada. Saya hendak jelaskan di sini bahawa betul, dalam prospektus itu kita letakkan pelan analisa daripada segi kualitatif dan kuantitatifnya. Apa yang penting saya hendak jelaskan, selepas ini kita akan adakan satu lagi dan kita akan umumkan segala *regulation* yang akan menentukan secara terperinci. Ini hanya rang undang-undang. Selepas ini kita akan buat, *insya-Allah*, cadangan Yang Berhormat yang mana baik itu kita akan ambil. Terima kasih.

Yang Berhormat Datuk Boon, saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Boon yang menyokong rang undang-undang ini.

Kepada Yang Berhormat Dato' Rahman yang selalu ucap tahniah kepada saya, saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasihlah. Ini, *masya-Allah*, saya nak terangkan pun, bukan mudah menjadi seorang Menteri yang tak ada timbalan ini. Walau bagaimanapun, atas kepercayaan Yang Berhormat yang menyebabkan saya yakin saya boleh bentangkan ini semua. Terima kasih banyak.

Tentang fasal 4, ciri *nature scheme* yang ada itu, betul kita dah ada *nature scheme*. Jadi, tak timbul lagi masalah. Seperti yang saya jawab tadi, dia ada prospektus, dia ada ciri skimnya, kita pilih. Cuma, bila dia nak mempertingkatkan daripada skim kecil nak jadi skim premium, dia terpaksa mengikut syarat tentang skim premium yang ada. Sebab, skim kecil ini ada *thresholdnya*. Dia setakat satu *threshold* yang akan kita umumkan satu hari nanti setakat mana yang dia boleh buat dan melebihi daripada itu, dia mungkin terpaksa keluar mengikut skim premium. Nak masuk skim premium, dia mesti jadi syarikat awam berhad. Manakala yang skim kecil tadi, semua syarikat biasa boleh melakukannya.

Mengenai kuasa perintah Menteri, saya dah beritahu bahawa- betul, saya bersetuju, kalau pun ada orang-orang yang ternama seperti Yang Berhormat Datuk Seri Nalla nak menganjurkan skim seperti ini, kalau dia mengikut syarat, kita terima. Akan tetapi walaupun nama dia Datuk Seri Nalla tapi kalau dia tak mengikut syarat, saya tak terima. Jadi, *insya-Allah*, jangan risau tentang itu.

Jadi, apa yang saya nak sampaikan tadi adalah kerana apa pun yang kita buat ini ialah semata-mata untuk kepentingan- asal tadi pun saya dah kata- untuk kepentingan yang menganjurkan skim dan juga untuk kepentingan pelabur. Jadi, *insya-Allah*, kita buat ini untuk menambahbaikkan supaya tidak timbul lagi orang nak cepat kaya lepas ini. Kita tengok jika dia nak anjurkan sesuatu skim, kalau ia merupakan sesuatu yang telah berdaftar dengan kita, kita benarkan. Akan tetapi kalau belum daftar, jangan sekali-kali rakyat yang ada dalam negara kita ingin masuk melabur dalam skim-skim yang sebegitu rupa.

Seperti apa yang Yang Berhormat Shanim mengatakan tadi, pelaburan-pelaburan pawah yang ada sarang burung walet dan seumpamanya, telah pun saya jelaskan tadi bahawa ia memberikan

kepentingan kepada semua dan kita nak beri peluang kepada syarikat-syarikat IKS yang berdaya saing ini untuk mencari peluang-peluang modal untuk mereka mempertingkatkan perniagaan. Akan tetapi walau bagaimanapun, ia mesti juga mengikut undang-undang yang ada. Jadi, jangan risau.

*Insya-Allah*, SSM di bawah tanggungjawab Kementerian KPDNKK akan sentiasa melihat cadangan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat, *insya-Allah*, yang baik kita akan terima dan yang tak sesuai itu mungkin kita melihat mengikut akta-akta lain yang sedia ada. Itu yang ingin saya jelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya nak tolak permintaan Yang Berhormat tak sampai hati, sebab dia bincang perjuangan, kan? Dan dia bijak bekerja. Jadi, kita bagi dialah, bagi penghormatan kepada dia.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 92** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Mesyuarat ditempohkan sehingga jam 2.30 petang.

*[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.09 petang.]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA  
(LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN KHAS) (PINDAAN) 2015****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****2.32 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas)(Pindaan) 2015 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, pada 28 April 2015 yang lepas, satu resolusi di bawah subseksyen 1(4), Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, [Akta 316] untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa akta telah dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Ia merupakan satu akta untuk mengadakan peruntukan mengenai tahanan pencegahan terhadap orang-orang yang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan atau yang melibatkan pendedaran dadah berbahaya.

Kali ini saya mohon mencadangkan beberapa pindaan kepada akta tersebut bagi memperkasakan lagi pelaksanaannya agar selari dengan senario kegiatan pendedaran dadah di Malaysia dan juga di peringkat global. Seperti Yang Berhormat semua sedia maklum, sejak tahun 1983 sehingga kini, masalah dadah masih lagi menjadi musuh nombor satu negara. Bagi membuktikan bahawa kerajaan sentiasa komited dalam membasmi jenayah dadah ini, terdapat empat akta yang telah digubal dalam usaha menghapuskan penularan najis dadah di kalangan masyarakat. Antara akta yang berkuat kuasa bagi tujuan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Akta Dadah Berbahaya 1952;
- (ii) Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988;
- (iii) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983; dan
- (iv) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985.

Walaupun akta-akta ini telah berkuat kuasa sejak sekian lama dan tindakan-tindakan telah pun diambil mengikut peruntukan-peruntukan di dalamnya, namun bilangan kes yang diterima tetap membimbangkan. Kegiatan pendedaran dadah masih wujud dan dipercayai akan berterusan selagi terdapatnya permintaan daripada kalangan penagih serta bekalan daripada pengedar dadah.

Bagi mencapai maksud negara bebas dadah, jumlah bekalan ataupun *supply* oleh pengedar-pengedar dadah dan permintaan iaitu *demand* oleh penagih hendaklah dihapuskan. Dalam konteks ini, strategi penguatkuasaan undang-undang adalah antara mekanisme yang digunakan oleh kerajaan bagi memastikan tiada sumber bekalan dadah dapat ditawarkan kepada penagih dadah.

Penguatkuasaan undang-undang yang tegas adalah perlu untuk tujuan menyekat kemasukan dadah berbahaya dari luar negara, menghapuskan pengedar, pembekal dan pengusaha makmal dadah haram, menangkap penagih dadah dan membuat pendakwaan ke atas pesalah-pesalah dadah.

Negara yang bebas daripada ancaman bahaya dadah adalah penting demi menjamin kesejahteraan masyarakat dan mengekalkan kestabilan dan ketahanan nasional. Tuan Yang di-Pertua, pindaan terhadap Akta 316 ini merupakan satu lagi usaha murni kerajaan untuk memerangi aktiviti pengedaran najis dadah. Setelah 30 tahun akta ini mula berkuat kuasa melalui enam kali perlanjutan di Dewan yang mulia ini, maka adalah sangat perlu supaya akta ini diperkasakan dengan beberapa penambahbaikan agar ia terus relevan dalam menangani jenayah dadah di Malaysia.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kajian terhadap akta ini telah pun dijalankan sejak tahun 2014 lagi. Beberapa siri perbincangan yang melibatkan Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Penjara Malaysia, Lembaga Penasihat dan juga Polis Diraja Malaysia telah diadakan bagi memastikan pindaan yang bakal dibuat ini mampu memberikan nilai tambah dalam usaha membasmi gejala dadah di Malaysia.

Selain perbincangan di peringkat dalaman, satu sesi *engagement* bersama dengan badan bukan kerajaan, pengamal undang-undang, ahli akademik, ahli agama, serta ahli-ahli politik juga telah diadakan bagi mendapatkan pandangan dan penglibatan semua pihak berkaitan akta ini. Secara umumnya, semua pihak telah memberi maklum balas yang sangat positif dan menyokong supaya akta ini terus dilanjutkan. Malah ada juga memberikan cadangan supaya akta ini terus dijadikan *permanent law*. Antara elemen-elemen utama dalam rang undang-undang ini memperuntukkan seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 1, Akta 316 dengan memotong subseksyen 3, 4 dan 5 bagi Akta 316 ini terus berkuat kuasa tanpa perlu melalui satu resolusi yang diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen. Ini bermakna akta ini akan terus dijadikan sebagai undang-undang kekal, tanpa perlu melalui prosedur lanjutan lagi pada masa-masa yang akan datang.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda subseksyen 4(1), Akta 316 untuk membenarkan pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada sarjan untuk mengambil keterangan orang yang ditangkap dan ditahan semasa penyiasatan dibuat. Ini memberikan kuasa kepada lebih ramai lagi anggota polis untuk membantu merakam keterangan subjek-subjek dan saksi-saksi, yakni tidak terhad kepada pegawai penyiasat sahaja. Dengan cara ini proses siasatan akan menjadi lebih mudah dan kurang tempoh masa yang diperlukan bagi menyiapkan sesebuah kes.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta 316 untuk memasukkan subseksyen baru (3A) untuk membenarkan pendakwa raya hadir semasa siasatan dan subseksyen baru (3B) untuk membolehkan Menteri menetapkan melalui peraturan-peraturan elauan untuk dibayar kepada saksi ataupun mana-mana orang yang dikehendaki hadir bagi maksud subseksyen 5(3) Akta 316.

**■1440**

Ini secara tidak langsung boleh menggalakkan kehadiran saksi untuk membantu siasatan agar satu keputusan yang adil dan telus dapat dibuat terhadap orang-orang yang ditahan.

Fasal 5 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 5A dalam Akta 316 untuk menjadikan suatu kesalahan jika mana-mana orang atau saksi yang dikehendaki hadir untuk siasatan gagal hadir, enggan menjawab soalan atau tidak mengemukakan dokumen yang dikehendaki. Hukuman bagi kesalahan tersebut pemenjaraan tidak melebihi enam bulan atau denda tidak melebihi RM2,000 atau kedua-duanya. Ini merupakan satu pendekatan yang positif kerana kehadiran saksi adalah sangat penting bagi mengesahkan penglibatan subjek dalam sesuatu kegiatan pengedaran sebelum sesuatu perintah dikenakan terhadapnya.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 6, Akta 316 untuk memasukkan perenggan baru (ha), (hb) dan (hc) dan memasukkan seksyen baru (3A). Perenggan baru (ha) hanya membenarkan orang sekatan menggunakan peralatan dan kemudahan komunikasi yang diluluskan oleh Ketua Polis Negeri atau Wilayah Persekutuan yang berkenaan. Perenggan baru (hb) tidak membenarkan orang sekatan mengakses internet melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam perintah sekatan itu.

Di bawah perenggan baru (hc), sebuah peranti pengawasan elektronik atau *electronic monitoring device* (EMD) dengan izin, boleh dipasang kepada orang sekatan.

Seksyen baru (3A) mengkehendaki polis mengiringi orang-orang sekatan ini sehingga ke tempat sekatan. Limitasi penggunaan alatan komunikasi dan internet bertujuan untuk mengelakkan kebarangkalian orang sekatan mewujudkan jaringan komunikasi untuk tujuan yang salah atau terlibat semula dengan kegiatan pengedaran. Maka, penggunaan EMD dan kewajipan pihak polis mengiringi orang sekatan adalah bagi mengurangkan statistik kes-kes orang sekatan yang tidak melaporkan diri atau melanggar syarat-syarat sekatan.

Fasal 7 bertujuan untuk menjelaskan bahawa resolusi yang telah diluluskan pelanjutannya mulai 15 Jun 2015 untuk tempoh masa lima tahun tidak terjejas dengan meniadakan kehendak untuk melanjutkan kuat kuasa Akta 316 melalui satu resolusi apabila habis tempoh resolusi itu pada 15 Jun 2020, Akta 316 hendaklah terus berkuat kuasa tanpa perlu diluluskan apa-apa resolusi seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya pindaan yang dilaksanakan ini adalah bersifat menyeluruh dan melibatkan kesemua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan akta ini iaitu KDN, PDRM, pihak subjek mahupun saksi-saksi. Walaupun akta ini merupakan satu bentuk undang-undang pencegahan, tetapi KDN sentiasa komited dalam memastikan bahawa hak dan tanggungjawab semua pihak diberikan perhatian yang sewajarnya.

Oleh yang demikian, saya menyeru agar semua pihak mengetepikan fahaman politik dan kepentingan diri masing-masing bagi membuat penilaian rasional demi kepentingan keselamatan dan kesejahteraan rakyat secara keseluruhannya. Kita boleh berbeza pendapat tetapi dalam soal keamanan dan keselamatan negara, jangan ada pertelingkahan sesama kita demi memastikan keamanan yang dikecap selama ini akan terus terpelihara. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ada yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Minta Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah.

**2.45 ptg.**

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah... [Berucap dalam bahasa Arab]*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk menjadi pembahas pertama dalam rang undang-undang ini. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, Datuk Nur Jazlan, selaku Menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal dadah ini. Saya yakin bahawa Yang Berhormat Menteri akan mendapat memberi sukses yang begitu besar khusus kepada penagih dadah dan juga *supplier* dengan izin, dadah ini kerana kita melihat sendiri bahawa Yang Berhormat Menteri seorang yang cukup teliti. Semasa menjadi *Chairman PAC* dulu pun dia teliti, selepas itu pun dia cukup teliti dengan angka-angka ini. Jadi, saya bersyukur kerana kerajaan telah memilih orang yang begitu hebat untuk menjaga hal ehwal dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan rang undang-undang ini, malah apa sahaja rang undang-undang yang hendak membanteras dadah, yang hendak mengawal dadah, kami bersetuju. Ini kerana mungkin Yang Berhormat Menteri tidak pernah melihat bagaimana anak-anak ini yang kenal dadah ini begitu berbahaya sekali, khususnya dadah-dadah yang terdapat di kampung-kampung seperti ketum, ganja dan sebagainya. Minta maaf.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan. Di kampung, mungkin di kampung Yang Berhormat banyak ketum, apa yang disebutkan tadi. Di sebelah utara negara, ketum banyak. Saya difahamkan ketum ini sebahagian untuk menjaga kesihatan kalau tidak digunakan secara berlebihan. Akan tetapi dalam perbahasan Yang Berhormat sebentar tadi, ganja dan termasuk ketum. Saya pun belum pasti sama ada Kementerian Kesihatan telah menjustifikasikan ketum ini adalah dadah atau- minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Abbas. Ini masalahnya. Kita belum habis lagi, sudah tanya. Saya akan teruskan dahulu dan sekejap lagi saya akan ceritakan apa dia ketum dan kanabis, ganja ini. Cuma selaku saringan, ganja ini dia ada satu nikotin yang cukup tinggi. Kalau Yang Berhormat hisap rokok, nikotin dia lebih daripada 140 dalam ganja ini. Dia ada satu nikotin yang bernama TFC. TFC ini macam...

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Minta laluan sekali lagi. Saya tempoh hari– terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Ini diri saya, saya cakap. Tempoh hari saya dimasukkan ke wad hospital, diabetes saya 26 masa itu. Hampir pengsan. Apabila keluar, jumpa rakan-rakan di luar, dia nasihatkan minum air ketum tetapi jangan dalam kuantiti yang banyak. Minum sedikit sahaja dalam dua teguk ataupun tiga teguk. *Alhamdulillah* hari ini diabetes saya 5.6. Saya *check* pagi tadi 5.5. Apakah itu dadah ataupun saya telah melakukan kesalahan? Minta pandangan Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Bacaan 5.5 sudah kuat...

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Saya...

■1450

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sekejap. Yang Berhormat tidak tagih pun apa-apakan? *[Ketawa]* Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Saya melihat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas *lately* ini, dengan izin, memang aktif satu macam rupanya ini ubat dia *[Ketawa]* Ketum ini Yang Berhormat memang digunakan oleh orang tua-tua dahulu. Sekarang ini pun kalau kita pergi belah Kedah kalau kita pergi kenduri kita pergi '*gedeghuk*' di dapur itu dipanggil '*gedeghuk*' di Kedah ini. Kita pergi ke dapur dan kita akan melihat satu jag berwarna hijau di situ.

Kami selaku Ketua Bahagian wakil rakyat bila masuk sahaja wajib minum seteguk supaya kita hendak ambil hati pengundi-pengundi kita yang duduk di dapur ini. Jadi kalaulah kenduri pada hari itu dalam sehari itu ada tujuh makna kita tujuh gelas kita kena minum. Jadi saya nasihat kepada Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas *carry on [Ketawa]* Kalau tidak campur tetapi kalau kita campur dengan racun tikus, kita campur dengan ubat nyamuk maka dia akan menjadi perkara yang lain.

Berbalik kepada ganja tadi juga yang saya kata ada *tetrahydrocannabinol* (THC) kalau tidak salah sayalah. Dalam dia itu ada *extra nicotine* dan bila dia masuk ke otak kita selepas dua tahun kajian dibuat. Selepas dua tahun maka otak kita ini berfungsi tetapi dia macam berangan-angan, macam *Walking on the Moon by the* apa nama penyanyi *The Police*. Jadi dia berangan dia jadi *over creative* sampai kadang-kadang tidak kreatif langsung.

Jadi kalau anak-anak muda kita ambil selepas dua tahun kanabis ini maka inilah akibat dia. Selepas itu selepas dibuat kajian lagi selepas dua tahun kemungkinan, ini kepada setengah-setengah pihak yang saya rasa mungkin tidak terlibat dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat kita. Yakni selepas tiga tahun dibuat kajian ada lelaki yang hilang kejantannya, *in other words* mati pucuk. Kalau pokok nyiur dok mati elok tebanglah, elok tebang Tuan Yang di-Pertua. Bagi yang perempuan pula dia akan *attack* dia punya ovari. Kemungkinan, ini kajian saya buat sedikit pembacaan dia *attack* bahagian peranakan wanita dan kemungkinan besar wanita-wanita ini tidak dapat mengandung.

Ini saya hendak tanya Menterilah betulkah tidak kajian ini, yang kata mati pucuk ini dengan peranakan tadi ini. Kemungkinan betul kemungkinan tidak betul tetapi inilah apa yang dilaporkan berhubung dengan THC *contained* di dalam ganja tadi. Saya ingin mengucapkan juga tahniah kepada

Yang Berhormat Menteri kerana baru-baru ini saya pun bercakap dengan beliau berhubung dengan dadah ini beliau menyatakan bahawa kita kena minta sokongan daripada orang ramai. Bagi saya Tuan Yang di-Pertua penyakit dadah ini penyakit anak-anak muda. Di pembentangan Dewan Rakyat Menteri ada menyatakan bahawa dadah ini penjenayah. Jadi saya hendak bertanya kepada Menteri dadah ini penjenayah atau penyakit?

Saya hendak baca sedikit laporan *the latest* laporan daripada *International Drug Policy Consortium*. Semasa saya ke *United Nations* baru-baru ini di Vienna dan ini yang dibekalkan kepada kita untuk menjadi bacaan. Saya hendak *quote* dahulu apa yang dikatakan oleh *United Nations Secretary General Honorable Ban Ki-moon* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

*“The United Nations Secretary General Ban Ki-moon has repeatedly supported the removal of criminal sanctions for people who use drugs. At the occasion of the 2015 International Day Against Drug Abuse and illegal trafficking. He called on the United Nation member states to consider alternatives to criminalization and incarceration of people who use drugs and focus criminal justice efforts to those involved in supply. We should increase the focus on public health prevention treatment and care, as well as on economic, social and cultural strategies”.*

Kalau inilah kenyataan daripada *Secretary General United Nations*, maka kenyataan Yang Berhormat di Dewan Rakyat mengatakan bahawa dadah ini penagih penjenayah dan AADK pula menyatakan bahawa penagih ini penyakit sebenarnya. Bacaan daripada *argument* daripada Ban Ki-moon ini menyatakan bahawa kalau kita menyatakan bahawa penagih-penagih dadah itu *criminal* atau penjenayah maka anak-anak muda ini akan lari daripada kita. Dia tidak akan pergi ke hospital, dia tidak akan pergi kepada pusat-pusat pemulihan kerana dia takut kerana dikatakan jenayah.

Kalau kita tengok di *Europe* sekalipun sekarang ini dipanggil penyakit yang kena dadah ini. Kadang-kadang kita juga berasa sedih dengan mereka ini. Bukan dia orang hendak hisap dadah ini tetapi kadang-kadang paksaan. Di Kampung Terih ada satu nama Kampung Terih ibu tunggal anak tujuh, anak dia Darjah 6 sudah dibagi *motorbike* untuk edar dadah. Anak ini pulang ke rumah dengan motornya memaklumkan kepada mak, saya ada motor dan dia pula boleh bagi duit kepada emak dia ini. Ini kerana di kampung-kampung sekarang anak-anak sekolah digunakan untuk mengedar dadah.

Kita ibu tunggal, saya dapat bayangkan ibu tunggal ini anak tujuh ini berat, berat tanggungannya, berat. Jadi bila anak Darjah 6 boleh balik ke rumah bagi, *“Emak, ini duit emak untuk belanja hari ini, emak untuk adik-adik lain, emak untuk beli gula.”* Emak mana yang orang kata hendak suruh anak dia berhenti dan anak ini akhirnya ditangkap. Jadi kalaulah anak ini yang sanggup berbuat demikian kita lihat ada lagi saya pernah cerita dalam Dewan ini akibat daripada dadah di Ipoh. Saya sendiri melawatnya umur 17 tahun.

Makcik kata kepada saya, *“Anak kalau hendak jumpa saya Yang Berhormat bolehlah jumpa saya jangan cerita kepada polis atau AADK. Kata Yang Berhormat mari jumpa saya.”* Saya berjanji dan saya tidak akan bagi tahu nama beliau. Yang Berhormat umur 17 tahun balik rumah pegang emak, emak pakai



rantai hendak ambil rantai emak tidak bagi. Ambil pisau potong buah dada emak. Potong buah dada emak cuba bayangkan.

Emaknya pula bagi tahu saya, “*Datuk jangan bagi tahu kepada AADK atau polis. Makcik ada seorang ini sahaja anak.*” Hasil daripada bapa dengan emak bercerai. Ini salah satu penyebab anak-anak kita mengambil dadah. Kalau mereka ini dikatakan penjenayah maka dia akan lari jauh daripada kita. Kemungkinan beliau mengambil dadah dahulu pun tidak tahu asal daripada mana. Kemungkinan *frust* dengan bapa meninggalkan emak, emak meninggalkan bapa.

Hari-hari *dok* dengar emak dengan bapa bergaduh, pening kepala. Datang jumpa kawan, kawan kata ambillah dadah ini lupakanlah sekejap. Selepas itu terus menagih. Kalau kita panggil mereka ini dengan penjenayah ke mana mereka ini hendak pergi? Ke manakah mereka ini hendak pergi? Tengok polis lari. Kita lebih suka kalau dia tengok polis dia pergi jumpa polis, “*Abang tolong saya abang saya menagih dadah abang, tolong bawa saya pergi ke pusat pemulihan.*” Ini kerana dia tahu dia sakit.

#### ■1500

Di Johor Tuan Yang di-Pertua, seorang bapa sakit badan, lenguh badan. Panggil anak, tolong pergi beli *panadol*. Bapanya tak pernah pergi tengok AADK buat pameran, tak pernah pergi tengok dan AADK pun kena perluas sedikit pameran ini, buat sahaja. Tak payah tunggu ada program UMNO. Buat sahaja. Adakan *permanent* pameran supaya mereka ini kenal dengan dadah ini. Saya hendak tunjuk sementara teringat. Ini dibeli di kedai di *airport, body, body...* [*Menunjukkan sebatang gincu*]

**Seorang Ahli:** *Body Shop.*

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** *Body Shop.* Terima kasih Yang Berhormat. *Body Shop, lipstick* yang ada ganja. Dijual di *airport* kita. Pergi, pergi *check*. Juga ada bersama di situ bukan sahaja *lipstick*, ada saya tulis tadi ini. Yang itu saya tak beli, dia mahal sedikit hendak buat contoh pun. Dia ada *lip balm*, dia ada *lotion*, dia ada minyak kanabis. Pergi di *Body Shop. Singapore* tak ada jual. Katanya kalau bawa masuk di *Singapore*, ditangkap. Kita yang tak tahu ini kadang-kadang kita tak pernah baca. Bila tengok merekah bibir mulut sahaja, kita pergi beli sahajalah. Dalam keadaan *desperate* kadang-kadang kita ambil sahaja *lip balm* ini. Ini Yang Berhormat, *lip balm* kanabis.

Jadi anak ini tadi bapa suruh pergi beli barang, anak ini memang penagih dadah. Dia pun tunjuk, pi di bilik ayaq sepuluh minit, balik kepada bapa dia, bapa suruh beli *panadol*, tunjuk kat bapa dia. Bapa, ini ubatnya. Perbezaan pil kuda dengan *panadol* ini tak banyak beza. Bapa pun makan dua biji, dan-dan cari mak. Hebat, badan rasa segaq balik. Manakah mak hang? Semayang dak hari ini? Cari mak dia. Jadi kekuatan dia naik semula dengan pil kuda ini dan dia makan pil ini dan selepas itu dia minta anak dia bagus anak aih, *panadol* hang pi cari tang mana ini? Sekarang ini kita dimaklumkan bahawa bapa dengan anak dia ini, kedua-dua penagih dadah dan lebih teruk daripada itu, anak cucuk kemaluan bapa, bapa cucuk kemaluan anak. *Beyond repair*, Tuan Yang di-Pertua.

Ini kerana bapa tak kenal. Dalam Dewan ini juga saya percaya Yang Berhormat Senator semua tak kenal. Saya cadangkan supaya AADK, mari buat pameran di sini. Buat pameran di Dewan Rakyat, tunjuk. Kerana kita yang bercakap ini pun kadang-kadang kita tak kenal.

Baru-baru ini di sekolah Damansara. Saya tak ingat sekolah mana, saya dapat laporannya. Ada orang jual *sweet*, coklat. Di Kedah dipanggil "coklat", dipanggil sini "*sweet*"- manisan. Gula-gula yang dibuat daripada dadah dibagi percuma. Eh, kalau kita orang bagi gula-gula, coklat percuma ini, sampai sekarang pun kita ambil. Bukan hendak tunggu budak-budak, sampai sekarang kita ambil. Akan tetapi sedar tak sedar bahawa coklat-coklat ini dadah yang berbahaya yang mungkin diberi sebagai permulaan. Kemudian dia akan ketagihan dan selepas itu ke mana kita.

Saya semasa di Vienna baru-baru ini ditunjuk bagaimana *bath salts* ini, *the latest drug, the latest designer drug*. *Bath salts* ini kita makan dia, *urge* kita punya *feeling* kita, kita punya *urge* makan daging manusia. Sudah ada kes di Amerika, bayi telah digigit hidungnya dan telinganya di dalam sebuah *supermarket*. Apakah kita hendak tunggu *bath salts* ini datang ke Malaysia baru kita hendak lawan? Hendak tunggu sampai ke tahap itu? Rang undang-undang bagus, Yang Berhormat. Penguatkuasaan kita kurang, Yang Berhormat.

Saya ada beberapa soalan yang saya hendak saya tanya. Baru-baru ini saya ke Besut, Terengganu. Merasmikan program, tiga buah universiti yang buat kajian berhubung dengan dadah. Universiti Malaysia Kelantan, Pahang dan juga Terengganu. Mereka berhimpun anak-anak muda ini kerana adik-adik mereka terlibat dengan dadah. Mereka bertanya kepada saya. Dato', angka mana yang kami hendak ikut sekarang. AADK ada satu angka, polis ada satu angka.

Saya hendak baca, bila saya sebut ada perbezaan. Tahun 2010, laporan AADK ada 23,642 orang penagih. Polis kata laporan polis 157,756. Beza dia 134,114. Mana mungkin begini punya besar perbezaannya. Pada tahun 2011, AADK kata 19,531. Polis punya laporan angka 127,252. Tahun 2012, AADK 15,101 dan angka polis ialah 131,019. Perbezaan 115,918. Persetankan angka-angka ini. Angka tetap naik sehingga dilaporkan di dalam buku ini di *United Nations... [Menunjukkan sebuah buku]* Katanya di sini, "*Malaysia's Deputy Prime Minister conceded that the ASEAN had failed to meet the 2015 target for total drugs and eradication, which he describe as 'an illusion'*". Dalam laporan ini yang dibentangkan di *United Nations*.

Kita mengaku *drug free 2015 failed*. Apakah kita hendak buat Yang Berhormat semua? Apakah kita hendak buat? Sempadan kita dibolosi. Kita ini *peninsula surrounded by the sea*. Dia masuk belah kiri kena, masuk belah kanan kena dan *we have been mention in the United Nations* bahawa *Malaysia is a transit for all drug in Pakistan, Iraq, Iran* dan sebagainya masuk ke sini diproses dan dibawa keluar. Lebihan dari situ, anak-anak kitalah yang menjadi mangsa.

Yang Berhormat Menteri, soalan saya yang pertama. Oleh sebab angka ini, jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, pada 1983 hingga 2015 atau 2014, berapakah bilangan penagih dadah berdaftar sebenarnya? Adakah AADK ambil sama? Saya baru-baru ini pergi melawat. *On the way back to Besut* saya berhenti di sebuah kampung yang cukup sunyi. Ada program, ada tempat pemulihan di situ bawah *Inabah*. Saya tengok di situ, *Inabah* dengan kerjasama AADK. Saya tanya mereka. Ada AADK datang sini tak? Tak pernah, Dato'.

Saya tanya, dah lama dah ke pusat ini. Dah lama, pusat ini awal daripada di Kedah. *Masya-Allah* Yang Berhormat Datuk. Yang Berhormat Datuk pergi tengok itu, sedih. Budak-budak muda *handsome* dengan badan semua cantik. Saya pergi waktu itu depa tengah mandi. Allah, anak-anak kita *masya-Allah*. Mereka yang kena dadah ini rupa-rupanya tak tahu, Allah Taala bagi mereka ini *handsome-handsome*. Duduk melepak, sambil mandi itu melepak. Bila saya bersembang dengan dia orang datang dari mana, ada dari Kedah, yang setengah itu bapa kerja apa, bapa kerja arkitek. Seorang itu bapa kerja arkitek. Agaknya arkitek pun tak boleh dah hendak buat apa dengan anak dia ini.

■1510

Kadang-kadang orang kaya jangan ingat dia kaya, bukan- dadah ini tidak kenal. Dia tidak kenal orang miskin, dia tidak kenal orang kaya, dia tidak kenal PKR, dia tidak kenal PAS, dia tidak kenal UMNO, dia tidak kenal Perdana Menteri, Timbalan Menteri pun dia tidak kenal. Anak penghulu, anak pengawal, anak tok imam pun terlibat dengan dadah ini. Tidak usah sombonglah kita. Kita semua pemimpin... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] "*Tidak akan Aku jadikan kamu manusia semata-mata menjadi khalifah di muka bumi ini*". Adakah kita hendak tengok anak-anak kita ini terlibat dengan dadah ini?

Soalan yang kedua, berapakah...

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Saya mohon mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya pendapat Yang Berhormat Dato' Suhaimi. Adakah Dato' Suhaimi bersetuju sekiranya AADK diberi tambahan peruntukan. Oleh sebab saya sendiri pernah melihat pameran-pameran ini yang membuatkan saya menjadi ngeri, takut dan merasakan pameran itu adalah penting, terutama kepada pelajar-pelajar di sekolah rendah lagi. Kalau diberi pendedahan daripada sekolah rendah tentang bahayanya dadah dan AADK pergi ke seluruh sekolah di sekolah kebangsaan dan sekolah menengah, menjadi satu peringatan awal kepada pelajar-pelajar ini. Jadi, pendapat saya sekali lagi kepada Dato' Suhaimi, saya hendak tanyalah, apa pendapat Yang Berhormat, perlukah AADK ini diberi bajet khas tambahan yang lebih supaya AADK bergerak ke semua sekolah rendah dan semua sekolah menengah dengan sebanyak mungkin, dengan sekerap mungkin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Yang Berhormat. Semasa saya di Besut juga Yang Berhormat, *in relation to your question*, dengan izin, saya berjumpa dengan Haji Hussin kalau tidak salah saya, di Besut. Semasa dialog-dialog saya dengan orang-orang tua itu, kalau saya melawat, berjumpa program, malam itu saya akan jumpa dengan Ahli Jawatankuasa PEMADAM mendapat pandangan daripada mereka. Pakcik ini cerita kepada saya. Dia kata, "*Dato' pernah pergi tak Pulau Perhentian?*". Saya kata, "*Saya tidak pernah sampai*". Dia kata, laporan Pulau Perhentian ini ada lapan orang penagih dadah tetapi Dato' katanya, lapan orang itu yang bawa bot, yang lain itu semua penagih dadah. Alasan depa, mereka duduk di pulau itu tidak payah beli motor, tak payah beli kereta, duit banyak. Orang Putih ini rupanya bagi tips tinggi. Dia cerita kepada saya, dia kata, Dato', bila Orang Putih ini

masuk saja dalam bot, anak-anak muda yang dok jaga bawa pergi ke pulau ini dia dah beritahu dah. Katalah seorang bernama “Salim”, seorang lagi bernama “Ali”, contoh saya bagi. Ali akan beritahu Salim, “*Salim, kau tengok tak perempuan itu baju biru, itu I punya.*” Sebelum dia naik ini, pakcik itu cerita pada saya. Ali pula kata yang had baju merah itu saya punya.

Rupa-rupanya bila mereka ini datang ke pulau, mereka berehat sebentar, kemudian mereka ini keluar pergi *snorkeling*, pergi *diving*. Kata pakcik itu, semasa mereka turun ke bawah, mereka ambil jarum, cucuknya sejenis pil kuda juga, dadah juga, dicucuknya dalam botol itu, tak nampak kerana jarum itu terlampau kecil, dilepaskan pil kuda itu. Sekejap lagi perempuan itu naik, panas, buka botol, minum dan pakcik ini kata tak sampai setengah jam, dia punya stim itu naik satu macam. Maka, had yang *booking* tadi pun bawa berjalan ke bilik masing-masing...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin:** Nak pergilah.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Ha, Datuk Megat nak pergi segera tetapi kena pi cari kuda yang mereka cocok itu. Ini yang berlaku, ini yang berlaku.

Jadi, orang tua ini kata, Dato', ini anak-anak muda kita, orang Islam Dato', kata dia. Laporan lapan orang tetapi inilah yang berlaku di pulau-pulau ini, kata dia. Jadi, soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat Shahanim tadi, bukan sahaja kita nak supaya kerajaan memberi, malah PEMADAM dalam mesyuarat agung lepas meminta supaya 3% daripada GST diberikan kepada mereka ini untuk penagih-penagih dadah ini supaya dapat memulihkan mereka dan meningkatkan STING PDRM, dan sebagainya supaya mereka mempunyai *enough equipment*, dengan izin, supaya mereka ini dapat membanteras dadah. Kita juga minta 10% daripada barang-barang yang *diconfiscated last quarter*, dimaklumkan bahawa 328 juta yang telah ditangkap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya telah memberikan masa yang agak panjang kepada Yang Berhormat. Oleh sebab pengalaman Yang Berhormat...

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih, saya baca teruslah kalau begitu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Ketiga, berapa orangkah daripada penagih itu yang telah meninggal dunia? Kita hendak tahu juga berapa orang yang telah mati bab dadah ini. Sekarang ini kita tidak dibentangkan dengan kes-kes tersebut. Daripada 1983 hingga 2015, berapa orangkah penagih dadah pertama kali dan berapa orangkah penagih dadah yang berulang, *relaps*? Kita hendak tahu supaya angka-angka ini kita dapat bentangkan, supaya rakyat tahu berapa banyak yang *relaps* dan juga berapa banyak yang *first time* mengambil dadah. Beberapa bilangan OKP yang menerima rawatan *methadone* yang berdaftar dengan AADK dan Kementerian Kesihatan. *Methadone* ini pun satu hal, memang kajian dibuat.

Di Vienna dimaklumkan bahawa banyak negara yang berjaya dengan *methadone* ini. Akan tetapi di Malaysia kita hendak tahu berapa banyak yang berjaya kerana kita dengar mereka selang-selikan dengan barang-barang lain, termasuk *methadone*. Dia ketagih sangat, dia pi cari *methadone* tetapi bekalan yang lain pun ada juga. Jadi, macam mana mereka ini nak dan kita memberi *methadone* kepada

mereka ini dengan begitu senang sekali. Dengan izin, *in long run methadone* ini juga menyebabkan mati pucuk Tuan Yang di-Pertua. Saya selalu sebut mati pucuk ini kerana apa, kerana generasi kita ini. Generasi kita ini akan terbantut, khususnya orang Melayu kita.

Adakah AADK mengambil kira semua jumlah penagih yang mengikuti rawatan pemulihan di pusat pemulihan swasta? Adakah angka-angka ini masuk yang PENGASIH, yang Inabah dan juga tempat-tempat lain yang mengadakan pusat pemulihan? Adakah angka-angka ini dimasukkan? Kita tidak tahu kebenaran sebenarnya, berapa angka yang terdapat di Malaysia ini? Adakah AADK mengadakan lawatan atau pemeriksaan berkala di pusat pemulihan swasta ini? Kadang-kadang bila soalan macam ini, orang kata saya ini hendak hentam AADK. Tidak Tuan Yang di-Pertua, tidak sama sekali, tidak ada niat langsung ke arah itu.

Cuma kita hendak tahu kerana agensi inilah yang diberi tanggungjawab untuk melawan dadah ini. Memerlukan penjelasan lanjut, adakah sistem pengumpulan maklumat (MyAADK) yang digunakan merangkumi semua dadah, data penagih dadah di penjara, pusat pemulihan swasta, ujian saringan urin positif oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik serta penemuan oleh petugas sukarela di bawah NGO ataupun pemimpin peringkat kampung? Berdasarkan kepada angka yang dinyatakan oleh pihak berkuasa, amat jelas bahawa ancaman dadah ini memerlukan satu penyelidikan yang komprehensif supaya data yang *genuine* dapat dikenal pasti oleh pihak berkuasa. Ini bertujuan memastikan gerak kerja yang sesuai dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Kenapakah hasil rampasan pengedar dadah tidak dijadikan sumber kepada program penyelidikan pencegahan dadah dalam negara? Sudah tiba masanya harta yang disita dijadikan tabung untuk membiayai program pendidikan pencegahan dadah untuk rakyat Malaysia. Begitu juga dengan GST yang saya katakan tadi. Adakah pasukan STING PDRM dan pasukan penguat kuasa AADK ini dibekalkan dengan peralatan yang cukup untuk menangani masalah penyalahgunaan dadah dalam negara. Saya ada pernah bersembang dengan pegawai daripada STING. Dia menyatakan kami ini kalau mati, mati katak, kerana *equipment* tidak cukup.

#### ■1520

Bahaya Yang Berhormat semua, bahaya. Ini kerja bahaya. Kita hendak berperang dengan *pusher* ini, mereka lebih hebat. Kalau kita pakai *Instagram*, kita pakai *WhatsApp*, kita pakai *Facebook*, mereka pakai lebih canggih daripada itu. Kita masih lagi dengan keris kontot. Yang Berhormat Datuk Megat, dengan keris kontot. Mereka sudah pakai M16. Macam mana kita hendak lawan dengan mereka ini? Mereka lebih hebat, jauh lebih hebat daripada kita.

Kempen menjadikan marijuana sebagai bahan perubatan menjadi kempen utama. Marijuana juga dijual sebagai produk kecantikan. Seperti yang saya maklumkan tadi, ada syarikat terkenal, saya sudah sebut nama ini tadi, mereka ini sudah mula menjual. Malah, di Amerika, *three state* dengan izin, di Amerika telah pun menjual marijuana, kanabis ini dalam kotak rokok sama macam *Marlboro* tetapi ditulis "*Marijuana*". Saya ada gambar. *Sat* lagi siapa hendak tengok, saya bawa pergi dekat kafe. Saya tunjukkan bagaimana marijuana ini dijual di sana.

Tidak apalah di Amerika, Tuan Yang di-Pertua, di Amerika *it's okay*, mereka ini orang kaya, *educated*. Baru-baru ini ditunjukkan kepada kami bagaimana di Lyon, Perancis, mereka ambil air daripada *oxidation pond*. Setitik air itu mereka boleh tahu di Lyon itu berapa banyak orang minum *wine*, berapa banyak orang minum bir, berapa banyak orang hisap ganja, berapa banyak orang ambil *methamphetamine*, dia boleh tahu semua.

Saya pun baru tanya berapa harga hendak buat *test* itu? USD35,000 *one test*. *We cannot afford*. Kita tidak dapat, dengan izin. Kalau ini yang mereka buat di *Europe*, mereka hendak jual Marijuana kah, jual apa, lantak ke '*depa*' lah. Kerana, kita tidak sanggup, kita masih lagi miskin, anak-anak kita miskin. Masih belum begitu tinggi pengajian mereka.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali. Yang saya sebut tadi ini lipstik, *lip balm* tadi ini ada juga dijual *online* sekarang ini, dijual dalam *internet*. Sudah ada satu *multilevel scam* yang telah pun dibentangkan semasa di *United Nations* bahawa sudah ada macam *multilevel, they called it, "One Coin" or crypto or something like that*, yang menjual dadah ini melalui *internet* dan dibuat seperti barangan biasa. Saya hendak tanya apakah persiapan kerajaan dalam menghadapi *internet online* dadah ini dan *multilevel marketing* yang dibuat ini? Apakah persiapan kita untuk menghadapi perkara-perkara ini?

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi masa yang begitu lama kepada saya dan ini soal negara, soal anak bangsa kita. Seperti mana saya katakan tadi, dadah dia tidak kenal parti, tidak kenal agama, tidak kenal India, tidak kenal Cina, tidak kenal Melayu. Saya mohon menyokong. *Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada lagi 10 orang yang hendak berucap tetapi saya telah memberi masa yang panjang kepada Timbalan Yang di-Pertua PEMADAM kerana pengalaman beliau dalam aspek dadah. Sekarang saya memanggil Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin untuk berucap.

**3.24 ptg.**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera, salam sehati sejiwa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2015 ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah membawa atau pun membentangkan rang undang-undang ini yang sangat baik demi kesejahteraan dan keselamatan negara kita ini. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan juga kepada KDN.

Dadah musuh utama negara. Ia banyak merosakkan daripada membina negara bangsa. Banyak negara yang telah jatuh apabila rakyatnya terjebak dengan dadah. Sejarah telah membuktikan

bagaimana China melalui jatuhnya Canton ke tangan penjajah British. Sekali jatuh, ia memakan masa beratus-ratus tahun untuk bangkit semula.

Di Malaysia, negara kita ini, ancaman dadah sangat menggerunkan. Kalau dahulu-dahulu ia melibatkan segelintir anak muda yang menghisap ganja secara suka-suka, namun kini ia semakin merebak dengan penggunaan morfin, penggunaan jarum seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Suhaimi tadi sebagai seorang yang banyak pengalaman selaku Timbalan Pengerusi PEMADAM Kebangsaan. Akan tetapi, sekarang ini dadah telah merebak dengan berleluasa dengan penggunaan pil-pil kuda, ais, syabu dan sebagainya, dan juga dadah-dadah sintetik.

Penggunaan di kalangan anak-anak muda ini sangat ketara sehinggalah kepada pelajar-pelajar sekolah. Bukan sahaja di sekolah menengah, pelajar-pelajar IPTA, malah di sekolah-sekolah rendah sehingga kanak-kanak yang berumur tujuh tahun seperti mana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini dalam Dewan yang mulia ini.

Apakah nasib mereka ini? Apakah nasib negara kita pada masa hadapan sekiranya kita membiarkan gejala ini terus merebak? Sayidina Ali ra. pernah berkata, *“Kalau kita mahu melihat masa depan negara kita ini, maka kita lihatlah belia pada hari ini.”*

Di samping itu, kita melihat gejala dadah ini amatlah berbahaya kerana ia menyumbang kepada perkara-perkara yang tidak baik seperti mencuri, merompak, merogol, pecah rumah, pecah amanah dan seribu satu macam gejala buruk dalam masyarakat dan negara. Perkara seperti keruntuhan sosial, keruntuhan rumah tangga, anak bunuh emak, bunuh bapa, adik-beradik berbunuhan, kongsi gelap dan sebagainya sedang berlaku di kalangan masyarakat kita sekarang ini disebabkan oleh gejala dadah ini dan juga melibatkan modus operandi luar negara.

Juga berlaku kepada pelajar dan gadis-gadis kita rakyat Malaysia yang dijadikan keldai dadah sama ada dalam mahupun luar negara. Ini amat mendukacitakan kita. Betapa mudah dan rapuhnya anak-anak muda kita dipergunakan oleh mereka pedagang dadah ini.

Seperkara lagi ialah kita melihat mutakhir ini banyak dadah yang ditangkap di pintu-pintu masuk dan sempadan negara kita yang kebanyakan dibawa oleh pendatang-pendatang dari negara-negara seperti Iran, Nigeria, India, Pakistan dan lain-lain. Jumlahnya sangat banyak dan mencecah jutaan ringgit. Kita hairan bagaimana mereka ini begitu berani dan nekad menggunakan sempadan dan pintu masuk negara kita membawa dadah, padahal mereka tahu Malaysia menggunakan hukuman mati mandatori ke atas pesalah pengedar dadah, sama ada sebagai transit atau pun pasaran tempatan. Namun, pihak berkuasa kita amatlah cekap menangkap mereka ini dan kita khuatir mungkin banyak lagi dan mungkin juga yang berjaya lolos di pintu-pintu masuk dan sempadan negara.

Pada bulan April 2015 sahaja, sejumlah 54.54 kilogram dadah dirampas oleh pihak Kastam dan Polis Diraja Malaysia di KLIA yang nilai syabunya sahaja berjumlah RM9.3 juta.

Pelbagai cara pihak kerajaan jalankan untuk tujuan pemantauan ini termasuklah menggunakan anjing pengesan dadah, pemasangan CCTV, kamera litar tertutup di tempat-tempat strategik di KLIA,

melakukan kempen dalam penerbangan komersial dengan pemberitahuan bahawa sesiapa yang ditangkap kerana dadah, hukuman mandatori mati akan dikenakan.

Selain itu, kerajaan juga telah melakukan strategi untuk membanteras bekalan dan permintaan dadah dalam negara dengan mempertingkatkan kerjasama dengan agensi antidadah di peringkat antarabangsa, memantapkan pemantauan dan penguatkuasaan di pintu-pintu masuk negara sama ada melalui laut, darat dan udara.

#### ■1530

Berdasarkan kepada data laporan di Jabatan Siasatan Jenayah Negeri, IPK Negeri Sembilan misalnya, kejayaan dengan penahanan 44 orang pengedar dadah jika dibandingkan dengan tahun 2014, 32 orang pengedar dalam tempoh 1 Januari hingga 31 Ogos yang lalu, tangkapan yang dibuat di bawah peruntukan seksyen 3(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Bagi tempoh yang sama juga, tangkapan dibuat melibatkan aktiviti perbekalan, permintaan dan penyalahgunaan dadah telah mencatatkan peningkatan sebanyak 5,547 berbanding 4,462 tangkapan yang mana ini menunjukkan peningkatan sebanyak 20%.

STING iaitu Pasukan Khas Taktikal Perisikan Narkotik merupakan badan khusus di bawah PDRM yang ditubuhkan khusus menangani isu berkaitan dengan narkotik ini. STING memantau pengedaran, pemprosesan, penyeludupan, mengesan percubaan dan pergerakan dadah, merampas, menahan dan membuat tangkapan terhadap pengedar dan pengguna dadah. STING juga merupakan pasukan elit, mempunyai kepakaran dalam mengesan dan memantau sindiket dadah dalam negara dan juga di peringkat antarabangsa.

Pindaan ini melibatkan berkaitan dengan saksi dan peranti elektronik. Selain daripada bukti material berkaitan dengan dadah ini sendiri, saksi juga merupakan isu yang dikira penting yang mana walaupun bukti material diperolehi, saksi juga secara teknikal boleh menyebabkan sesuatu kes itu terpaksa dibuang dari mahkamah. Isu saksi boleh menjadi isu teknikal yang menyebabkan kes yang *reasonable doubt*, dengan izin, yang mana ketidakpuasan ataupun terdapat unsur keraguan dalam sesuatu kes. Oleh itu secara Perlembagaan dan menghargai hak asasi seseorang, maka orang yang dimaksudkan ditahan di bawah tahanan dadah hendaklah dibebaskan daripada sebarang penjenayah. Saksi secara teknikal juga melibatkan kredibiliti seseorang yang dipanggil sebagai saksi dan jika saksi tidak layak, ia memungkinkan sesuatu kes itu tidak dapat disabitkan kesalahan seseorang yang ditangkap.

Satu senario yang agak janggal ialah yang mana terdapat seseorang dan dia merupakan hanya saksi yang ada. Seorang sahaja saksi yang ada. Perkara yang dibimbangkan ialah jika saksi ini diarah berbuat sesuatu iaitu *coach*, dengan izin, oleh pihak peguam bela, maka ini memungkinkan terjadi isu teknikal yang jika tidak berhati-hati, saksi berbentuk *coach* ini terlibat dengan isu *perjury*. Membohong mahkamah dan merupakan satu kesalahan yang boleh dijatuhkan hukuman penjara untuk satu tempoh yang ditetapkan oleh Kanun Keseksaan. Jika terbukti pula, pihak pendakwa terlibat dalam usaha melepaskan seseorang kerana orang tersebut berprofil tinggi misalnya dalam kerajaan atau seseorang



yang sangat berpengaruh dalam negara. Maka pihak terbabit telah mengajukan pelanggaran terhadap undang-undang lain yang ada dan memungkinkan juga pihak pendakwa di saman kemudian kerana menidakkan isu-isu keadilan mahkamah.

Kriteria seseorang saksi itu hendaklah diambil kira sebelum beliau boleh berdiri sebagai saksi. Saksi yang ada pertalian saudara merupakan suatu perkara yang tidak wajar walaupun undang-undang mengatakan sesiapa sahaja boleh menjadi saksi misalnya saksi yang berkaitan sebagai suami atau isteri. Saksi yang tidak hadir apabila dipanggil sudah tentu menjadikan seseorang itu telah melakukan *contempt of court*, dengan izin, dan alasan yang diberikan jika tidak waras atau munasabah boleh meletakkan seseorang itu dalam suatu masalah lain.

Saksi kerajaan pula mungkin berdepan isu "*Ditelan mati emak, diluah mati bapa*". Maka perkara-perkara begini juga hendaklah diambil kira sebelum seseorang itu dilayakkan untuk dipanggil sebagai saksi supaya kes-kes yang berkaitan dengan dadah tidak terlepas kerana isu-isu teknikal. Walau dalam apa keadaan sekalipun, kedaulatan undang-undang hendaklah dianggap sebagai tunjang dan dipertahankan.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat ratusan ribu orang anak muda bangsa kita terjebak dengan dadah ini dan amat sukar dipulihkan walaupun kerajaan berbelanja ratusan juta ringgit setahun bagi memulihkan mereka penagih-penagih ini, namun hasilnya, amatlah sedikit. Demikianlah bahayanya penyakit dadah ini. Biasanya bila terjebak, harapan untuk pulih adalah tipis. Oleh yang demikian, dadah penyakit masyarakat, penyakit bangsa, penyakit generasi dan penyakit negara. Sebaik-baik langkah untuk melawan penyakit ialah dengan mencegah seperti mana ungkapan "*Mencegah adalah lebih baik daripada mengubatinya*". Maka akta ini adalah sebaik-baik langkah bagi mencegah penularan dadah di negara kita ini. Sekian, terima kasih dan saya mohon menyokong. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sekarang tambah lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak berbahas. So saya ingat kena singkatkan masa kerana Menteri pun kena menjawab dan masa pilihan raya di Sarawak ini, semua orang kena pergi sana. Sekarang saya memanggil Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed untuk berucap. Yang Berhormat, kalau boleh rumuskan ya.

#### **4.36 ptg.**

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuba ringkaskan perbincangan saya. Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan atas usaha membanteras najis dadah ini. Apa yang kita tahu, kerajaan telah mengisytiharkan tahun 1983 lagi bahawasanya dadah musuh nombor satu, negara dan dadah juga digelar sebagai najis. Di samping itu, terdapat pelbagai usaha pendidikan, pencegahan serta perundangan khusus bagi membasmi najis dadah.

Seterusnya, saya ingin menekankan di sini bahawasanya kesalahan dan hukuman bukanlah penyelesaian kepada masalah dadah. Ini kerana jika kita lihat semenjak tahun 1983 terdapat empat akta khusus bagi menangani gejala dadah ini di samping beberapa akta lain berkaitan yang secara tidak langsung mempunyai kaitan dengan najis dadah. Dari sudut hukuman, kita perhatikan Malaysia antara negara yang tetap hukumannya berkaitan dadah iaitu hukuman mati mandatori. Jika kita andaikan hukuman boleh menurunkan gejala dadah ini, sesungguhnya kita silap kerana kita ialah negara yang telah menggubal undang-undang antara yang paling ketat berkaitan dadah.

Akan tetapi jika kita lihat kepada statistik dan tadi pun Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi sebut terdapat statistik yang berbeza antara AADK dan juga pihak polis. Saya di sini ingin membentangkan ataupun memaklumkan dan merujuk berkait dengan statistik yang telah dibuat oleh AADK yang mana statistik ini menunjukkan kadar gejala dadah ini sebenarnya tidak menurun, malah kekal dan kadang-kadang naik dan kadang-kadang sahaja turun. Jadi, jika diambil kepada statistik AADK ini, berdasarkan tahun 2010 berjumlah 23,000 lebih, tahun 2011 berjumlah 19,000 lebih, tahun 2012 berjumlah 15,000 lebih, tahun 2013 berjumlah 20,000 dan akhir ini iaitu tahun 2014 meningkat kepada 21,000.

Jadi, kita prihatin, kita mengucapkan terima kasih kepada kerajaan dengan usaha membanteras dadah tetapi kenapa masalah ini tidak semakin menurun malah semakin meningkat. Saya suka di sini, saya menyebut bahawasanya apa yang kita buat dari sudut penggubalan undang-undang berkait kesalahan dan hukuman sesuatu yang *complimentary* dan pelengkap kepada sepatutnya pendidikan dan pencegahan penyalahgunaan najis dadah yang kita hendaklah jadikan sebagai asas ataupun faktor utama bagi tujuan mengurangkan gejala dadah ini. Saya kira pindaan-pindaan yang dibuat dalam akta kita pada hari ini pelengkap dan memperkemaskan lagi peruntukan sedia ada dan ia tidak boleh dianggap sebagai usaha yang akan melonjakkan usaha membasmi penyalahgunaan dadah.

#### ■1540

Jadi, kita rakyat Malaysia sebenarnya tertunggu-tunggu apakah usaha yang boleh dibuat oleh kerajaan bagi melonjakkan mengurangkan gejala dadah ini di Malaysia, bukannya kekal di takuk lama daripada semenjak tahun 1983 lagi, semenjak ia diisytiharkan. Ia tidak menjadi satu *illusion* sebagaimana yang telah disebut oleh Dato' Mohd. Suhaimi tadi.

Di sini suka saya berkongsi sedikit berkait dengan apa yang disebut dalam undang-undang Islam, yang mana kesalahan berkait dengan dadah ini sebenarnya dalam undang-undang Islam dianggap sebagai jenayah *ta'zir*. Ia tidak termasuk di dalam hudud mahupun qisas yang mana melalui hudud dan qisas, ia kesalahan dan hukuman yang telah dinyatakan secara jelas dalam nas-nas al-Quran mahupun hadis. Kesalahan dan hukuman penyalahgunaan dadah sepenuhnya ditentukan oleh pemerintah berdasarkan kemaslahatan kepada pesalah dan juga masyarakat secara umum.

Berkait dengan hubungan sebat, ia turut terdapat dalam undang-undang Islam. Namun, pelaksanaannya adalah jauh berbeza di mana sebat dalam undang-undang Islam adalah tidak bertujuan menyakiti dan menyeksa pesalah, tetapi memberi pengajaran kepada pesalah dan masyarakat. Justeru,

hukuman sebat dalam Islam mesti disaksikan oleh sekumpulan masyarakat dan bukan dibuat di lokasi tertutup. Kaedah sebatan dalam Islam juga tidak menyeksa, tidak mencederakan dan tidak mencacatkan pesalah. Elemen wajib penyaksian oleh sekumpulan masyarakat memastikan hukuman sebat lebih memberi pengajaran kepada masyarakat.

Sehubungan dengan itu, di sini saya mencadangkan dan memohon agar pihak-pihak berkenaan mengkaji dan membandingkan keberkesanan hukuman sebat sedia ada dan hukuman sebat dalam Islam agar hukuman yang dilaksanakan boleh memberi kesan yang lebih besar kepada pesalah dan juga masyarakat secara umum.

Seterusnya berkait dengan pendidikan dan pencegahan. Ia adalah lebih utama. Usaha utama kerajaan untuk membanteras penyalahgunaan dadah adalah dalam bentuk pendidikan dan pencegahan dan bukan menghukum. Hukuman tanpa pendidikan dan pencegahan usaha yang sia-sia. Namun malang sekali, saya melihat statistik, saya rasa sangat terpuakul dan sangat sedih kerana majoriti penagih Melayu Islam. Tahun 2009 terdapat- saya kira bila majoriti penagih ini adalah orang Islam dan walaupun bukan Islam, mereka juga mempunyai agama perlu kepada usaha pengukuhan iman dan akidah di peringkat awal usia iaitu di peringkat sekolah rendah dan menengah. Saya yakin ia mampu membina jati diri anak-anak kita generasi akan datang daripada terlibat dengan gejala dadah dan juga terlibat dengan gejala-gejala sosial yang lain.

Pada tahun 2013, 55.87% orang penagih mengatakan bahawa pengaruh kawan punca mereka mengambil dadah. Manakala usia 20 tahun hingga 34 tahun adalah usia golongan yang paling berisiko ketagihan dadah di samping remaja berusia 18 tahun dan 19 tahun. Jika kita lihat juga statistik penagih adalah daripada kalangan mereka yang berkelulusan LCE, SRP, PMR dan juga MCE, SPM iaitu sebanyak lebih 70%.

Sehubungan itu, sebagaimana yang saya sentiasa sebut dalam sidang Dewan ini, saya menyeru kerajaan agar menjadikan subjek agama sebagai subjek teras dan wajib lulus peperiksaan agar ibu bapa dan masyarakat keseluruhannya lebih menekankan aspek agama dalam kehidupan, lantas meningkatkan jati diri remaja serta mewujudkan persekitaran rakan-rakan pergaulan yang sihat.

Seterusnya peranan institusi agama terutamanya institusi masjid mukim dan para imam mesti dilibatkan dalam pemulihan dan membanteras gejala dadah di kalangan anak mukim. Pihak penguat kuasa mesti membina dan menjalin hubungan baik dengan institusi ini dengan berkongsi rangkaian maklumat gejala dadah di mukim-mukim berkenaan. Perkongsian maklumat ini dapat membantu meningkatkan rasa tanggungjawab masyarakat untuk sama-sama menangani masalah dadah di peringkat akar umbi.

Seterusnya berkait dengan penagih berulang. Jika kita lihat kepada statistik yang dibuat oleh AADK juga, peratus penagihan penagih berulang adalah sangat tinggi. Tahun 2009 – 54.7%, tahun 2010 – 27.1%, seterusnya terbaru tahun 2014, penagih berulang 37.53%...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat kalau boleh, 10 orang lagi.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Sikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong...

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Berkait dengan penagih berulang ini, ada yang kembali ke pangkal jalan. Namun, terdapat penagih-penagih tegar yang diakui tidak boleh dipulihkan hingga mereka sering menimbulkan masalah di kampung-kampung. Bila mereka dilepaskan keluar, di kampung-kampung terjadi kecurian barang-barang kecil seperti buah-buahan, barang ternakan, pakaian dan sebagainya. Jadi, apakah kerajaan ada penyelesaian terhadap pesalah-pesalah ataupun penagih tegar ini yang disahkan tidak boleh dipulihkan? Adakah terdapat sebarang usaha untuk mungkin mengasingkan mereka daripada masyarakat dan mungkin ditempatkan mereka ini di suatu tempat khusus, contohnya di pulau-pulau?

Akhir sekali, sedikit sahaja. Saya menyorot statistik kes-kes di negeri-negeri dan saya melihat beberapa buah negeri yang agak ke depan berkaitan dengan statistik penagihan ini terutamanya Pulau Pinang, Kedah, Terengganu, Selangor dan Perak. Jadi saya ingin tahu, apa puncanya beberapa negeri ini terutamanya Pulau Pinang yang berada di ranking pertama diikuti beberapa negeri lain. Jadi saya mohon kemungkinan pihak kerajaan ada mengkaji punca-punca kepada merebaknya dadah di negeri ini. Dengan itu, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ini ada banyak lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bahas. So, tolonglah ringkaskan kepada soalan kerana saya pasti hujah-hujah yang dibuat oleh Yang Berhormat ini bukan semuanya akan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Ini khusus kepada akta bil. So sekarang saya memanggil Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat.

**3.48 ptg.**

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi keizinan kepada saya untuk turut sama-sama membahaskan suatu akta untuk meminda Akta Dadah Merbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ini.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Menteri yang telah memberi penjelasan dan juga pembentangan kepada akta ini yang memperlihatkan kepada kita peri pentingnya akta ini dipinda untuk mempertingkatkan langkah-langkah pencegahan yang lebih efektif kepada masyarakat kita, khususnya kepada pihak keselamatan untuk melaksanakan tugas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat dadah ini semua orang tahu. Satu, gejala sosial yang telah melanda negara kita. Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan, namun ia tetap meningkat dan mengancam keselamatan dari semasa ke semasa sehingga akta yang ada iaitu Akta 316 yang telah ada perlu dipinda sehingga ia dapat memberi keupayaan yang lebih kepada pihak polis khususnya, untuk melaksanakan tugas.

■1550

Kita dengar tadi, dengan perubahan ini maka lebih ramai pihak polis akan dapat melaksanakan tugas-tugas ini dan *insya-Allah* akan menjadi pergerakan yang lancar. Kita melihat juga sebagaimana

yang telah disebutkan oleh ramai pembahas tadi bahawa dadah ini merupakan satu elemen yang boleh merosakkan pemikiran manusia di samping juga fizikal. Di sinilah saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, jangka hayat orang yang mengambil dadah ini kalau sudah menjadi penagih. Dia akan hidup berapa lama dan kita pun dengar dan kita juga tahu bahawa yang terlibat itu golongan muda. Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebut baru-baru ini dalam jawapannya ialah yang dikesan setakat ini orang paling muda ialah umurnya tujuh tahun.

Kita melihat kalangan paling ramai ialah kalangan remaja dan juga pemuda. Andai kata kita ada 500,000 orang pemuda yang terlibat, yang telah berdaftar secara rasmi dengan AADK atau rekod polis dan kalau sekiranya mereka ini jangka hayatnya setelah terlibat sampai 10 tahun maka berapa ramai yang kita akan kehilangan tenaga? Kita bukan kehilangan tenaga itu sebab mati tetapi kita kehilangan satu tenaga muda yang sangat diperlukan oleh masyarakat sehingga kita terpaksa membawa pekerja tenaga asing untuk bekerja di tempat kita. Ini kerana mereka sudah tidak mahu lagi bekerja. Kita melihat penagih-penagih ini mereka sudah tidak lagi memikirkan diri sendiri apatah lagi memikirkan tentang orang lain.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi. Nampaknya usaha untuk memperkenalkan keburukan dadah dan jenisnya perlu supaya kita kenal. Saya sendiri pun tidak kenal dadah tetapi sentiasa sebut dadah ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya ada terbacalah orang-orang dahulu membuat syair. Izinkan saya menyebut syair tetapi dalam bahasa Arablah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Dia kata... *[Berucap dalam bahasa Arab]* "Saya mengetahui keburukan itu bukan kerana keburukan itu bagus tetapi supaya saya tidak terjebak dalam keburukan itu". Itu kerana kalau kita lihat orang Islam diarah untuk solat, dalam solat itu ada satu doa dan doa itu kita sebut selalu, baca selalu iaitu... *[Membaca doa dalam bahasa Arab]* "Wahai Allah, tunjuk kepada saya jalan yang betul, jalan yang lurus" iaitu jalan yang dipimpin, yang diikuti oleh para nabi dan sebagainya. "Tunjuk kepada saya jalan yang tidak baik supaya saya dapat mengelak diri dari jalan tersebut".

Jadi dalam masyarakat kita, kita perlu menjelaskan, memberitahu kepada masyarakat tentang yang baik. Pada waktu yang sama juga, kita perlu tahu yang buruk supaya kita dapat kawal diri kita daripada terjebak kepada yang buruk. Kes yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi tadi cukup menarik. Oleh sebab bapanya tidak tahu itu dadah, dia akan makan, ambil. Akhirnya dia juga termasuk golongan yang disifatkan sebagai penagih sebab tidak tahu. Kerana itulah kita sebagai masyarakat Malaysia yang sangat mementingkan ilmu tetapi pada waktu yang sama, kita hanya memberikan tumpuan kepada perkara-perkara yang kebaikan. Namun hal-hal yang buruk kita tidak dedahkan dengan secukupnya supaya setiap orang dapat mengelakkan diri daripadanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini sempat mencatatkan sedikit perkara yang boleh membawa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tolong rumuskan. Kita ada 10 orang lagi.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Okey, terima kasih. Saya melihat di sini, akhbar ini Tuan Yang di-Pertua, tangkapan yang telah dibuat oleh Polis Diraja Malaysia. Saya mengucapkan tahniah kepada

pihak polis. Di sini disenaraikan pada tahun lepas iaitu tahun 2015 dan tahun ini. Ada beberapa kes tangkapan yang saya catat, yang saya kira-kira sebagaimana akhbar *Berita Harian* memberitahu di sini, kalau kita kira, tangkapan ini jumlah nilai wang, kalau dinilai dengan nilai wang RM324,000 juta, RM324.3 juta. Kalau dinisbahkan kepada tangkapan itu, diberi nilai wang tetapi sudah tentulah tidak nilai wang.

Tangkapan ini berlaku sejak April tahun lepas iaitu 2015 yang nilainya RM29 juta dan sebagainya. Jadi ini saya melihat lagi *Berita Harian* ini Tuan Yang di-Pertua, Malaysia dijadikan sebagai negara untuk transit dan juga keluar. Nampaknya kita melihat negara kita menjadi sasaran. Kita tidak tahu mengapa ini menjadi sasaran tetapi itulah realitinya. Mungkin kerana kita melihat negara kita merupakan sebuah tempat pertembungan, tempat persinggahan yang cukup selesa untuk mereka. Namun di situ saya hendak sebut ada yang saya baca dalam artikel ini, ada beberapa elemen yang perlu diberikan perhatian oleh pihak kementerian kita supaya kita dapat mengekang hal-hal seperti ini.

Pertama, daripada segi permintaan yang tinggi dalam negara kita dan permintaan itu tentulah rakyat kita.

Kedua, daripada segi kepantasan dan kelicikan pengedar sama ada dalam atau luar negara, antarabangsa untuk menjual produk mereka. Ketiga, kebolosan yang berlaku di tempat-tempat sempadan sama ada laut, udara dan juga darat. Keempat ialah integriti pegawai-pegawai yang berkaitan dan ini semua merupakan adunan kenapa ia menjadi sasaran kepada pengedaran dadah di tempat kita.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Tuan Yang di-Pertua hendak suruh saya berhenti. Saya faham. Terima kasih atas peluang yang diberi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mohon maaf Yang Berhormat. Kita ada lagi 10 orang. Ahli-ahli Yang Berhormat tolong ringkaskan supaya seperti mana yang saya telah beritahu bahawa bukan semua yang akan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. So, hujah-hujah itu tolong pendekkan. Saya akan singkatkan masa pada empat minit. Minta maaf. Sekarang Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus.

### 3.58 ptg

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk turut sama bangun dan berbahas Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 2015.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh fasal 5 iaitu yang dibaca sebagai, "*Untuk memasukkan seksyen baharu 5A ke dalam Akta 316 untuk menjadikan satu kesalahan bagi mana-mana orang atau saksi yang dikehendaki untuk menghadiri satu penyiasatan tetapi gagal untuk hadir, enggan menjawab apa-apa soalan atau tidak mengemukakan apa-apa dokumen seperti yang dikehendaki. Hukuman bagi kesalahan tersebut ialah pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi daripada enam bulan atau denda tidak melebihi RM 2000 atau kedua-duanya sekali*".

Tuan Yang di-Pertua, hari ini ramai yang sanggup jadi saksi demi menegakkan keadilan tetapi ramai juga yang takut kerana bimbang keselamatan mereka. Apa jaminan yang ada jika identiti pengenalan diri mereka didedahkan dan sudah tentu terdedah kepada ancaman penjenayah yang masih

bebas di luar sana. Saya ambil contoh seperti di Mexico. Misalnya memang rakyat mereka seboleholehnya mengelak daripada menjadi saksi.

■1600

Kalau berani jadi saksi masuk balai polis atau mahkamah, keluar sudah menjadi *target*. Ada yang diancam malah lebih ganas lagi ditembak di hadapan balai polis. Namun, saya akui kita tidaklah boleh samakan seperti jenayah di negara kita dengan di Mexico. Namun hakikatnya ancaman tetap ada, malah anggota keluarga kita juga turut diancam. Ini yang menyebabkan saksi itu kadang-kadang berfikir dua kali atau akhirnya memilih untuk berdiam diri.

Di sini saya mencadangkan agar pihak kementerian dapat memikirkan suatu mekanisme bagaimana meyakinkan orang ramai agar tampil menjadi saksi termasuk memberi keyakinan bahawa keselamatan saksi dan anggota keluarga mereka terjamin serta sentiasa diberi perhatian oleh pihak berkuasa. Izinkan saya menyentuh fasal seterusnya tetapi masih berkisar kepada isu menjadi saksi ini iaitu pindaan akta ini yang antara lain bagi membolehkan pemberian elaun kepada saksi akan membantu mereka berani tampil ke mahkamah untuk memberikan keterangan.

Saya berpandangan bahawa pindaan ini mampu membantu saksi mengurangkan bebanan kos untuk hadir memberi keterangan selain menjadi saksi rasa dihargai dan menaikkan semangat saksi untuk hadir memberi keterangan termasuk menyelesaikan masalah kalangan saksi yang hadir ke mahkamah. Cuma isunya, berapakah kos untuk dibayar? Adakah bergantung pada lokasi dan kes tersebut. Lebih *high profile case*, lebih tinggi bayarannya. Juga bagi yang bekerja bolehkah diberikan surat pelepasan untuk datang ke mahkamah tanpa perlu mengambil cuti dan gaji tetap dibayar seperti biasa.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya faktor sebenar berkaitan jumlah tangkapan oleh pihak PDRM. Soalan, berapa jumlah tangkapan *kingpin* ataupun raja dadah di tahan bagi tempoh tiga tahun sejak 2013 di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952? Berapakah nilai rampasan dadah dalam tempoh yang sama? Ini memberi laluan kepada rakan lain untuk turut membahas.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan kita terus sambungkan minta kerjasama Ahli Yang Berhormat Senator saya bagi empat minit sebab kita hendak selesaikan petang ini. Lain giliran. Sekarang dijemput Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin.

**4.04 ptg.**

**Datuk Ng Chiang Chin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana beri peluang saya untuk membahas bersama Rang Undang-undang Dadah Berbahaya. Selepas meneliti cadangan untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1985 saya mendapati bahawa pindaan rang undang-undang ini

adalah wajar dan tepat masa. Langkah penyesuaian melalui pindaan undang-undang adalah selaras dengan keazaman dan matlamat kita untuk memperkasakan penguatkuasaan dan juga mempertingkatkan lagi usaha membanteras penyeludupan dadah berbahaya bersesuaian dengan situasi semasa dalam lapangan domestik mahupun global. Saya percaya bahawa pindaan seksyen 1, Akta 316 dengan memotong subseksyen (3), (4) dan (5) bagi Akta 316 ini terus berkuat kuasa tanpa perlu melalui suatu resolusi yang diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen adalah wajar.

Pindaan ini adalah penting bagi memastikan bahawa undang-undang dapat diteruskan bagi memenuhi tujuan penggubalan dalam hal mengenai tahanan- pencegahan orang yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti yang berhubungan atau terlibat dengan pengedaran dadah berbahaya dan tidak hanya berkuat kuasa selama lima tahun sebagaimana yang diperuntukkan dalam akta ibu. Setelah 30 tahun akta ini berkuat kuasa dengan pelanjutan sebanyak enam kali di Dewan. Saya percaya bahawa akta ini wajar diperkasakan dengan pindaan baru bagi memastikan bahawa ia terus relevan dalam usaha banteras jenayah dadah berbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut mengalu-alukan pindaan yang lebih menunjukkan penghargaan dan penghormatan kepada hak asasi manusia semasa mengambil keterangan dan siasatan serta mempertingkatkan lagi mutu siasatan. Pindaan kepada seksyen 4(1), Akta 316 untuk membenarkan pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada Sarjan untuk membantu semasa penyiasatan membolehkan keterangan yang diambil lebih profesional, mahir dan berkredibiliti.

Saya turut menyambut baik cadangan pindaan subseksyen baru (3B) untuk membolehkan Yang Berhormat Menteri menetapkan elaun-elaun untuk dibayar kepada saksi dan mana-mana orang yang dikehendaki hadir di bawah subseksyen 5(3), Akta 316. Pindaan tersebut akan membolehkan saksi berani tanpa mahkamah untuk memberi keterangan dan juga mengurangkan bebanan kos mereka untuk menghadiri sidang mahkamah atau membantu dalam menjalankan siasatan. Saya sedar akan betapa pentingnya kesudian saksi untuk tampil memberi keterangan dalam kes jenayah dadah. Maka, saya setuju dengan pindaan tersebut supaya dapat membantu dalam siasatan dan mempertingkatkan lagi kadar sabitan jenayah dadah.

Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa cadangan untuk memasukkan seksyen baru 5A ke dalam Akta 316 adalah drastik dan bersifat paksaan di mana ia satu kesalahan bagi mana-mana orang atau saksi yang dikehendaki untuk menghadiri suatu penyiasatan tetapi gagal untuk hadir, enggan menjawab apa-apa soalan atau tidak mengemukakan apa-apa dokumen seperti yang dikehendaki. Saya berpendapat bahawa hukuman bagi kesalahan tersebut adalah tidak wajar.

Saksi yang secara semula jadinya kerjasama dan kesukarelaan mereka untuk memberi keterangan dalam siasatan, mereka tidak seharusnya dipaksa atau diwajibkan melalui undang-undang malahan keengganan mereka dianggap sebagai satu kesalahan biarpun mereka mungkin mempunyai sebab persendirian. Hak dan kebebasan mereka untuk tampil sebagai saksi untuk membantu dalam siasatan tidaklah seharusnya dipaksa tetapi harus digalakkan melalui insentif sebagaimana yang



dicadangkan dalam pindaan subseksyen baru (3B). Saya berharap cadangan saya boleh dipertimbangkan semula oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin kerana menghormati masa. Terima kasih banyak dan seterusnya iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan.

#### 4.09 ptg.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** *Bismillahir Rahmanir Rahim* dan selamat petang. Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk turut sama bangun dan berbahas Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) ini. Ringkas sahaja daripada saya kali ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat pindaan rang undang-undang ini adalah bagi tujuan memperkasakan lagi pelaksanaannya agar selari dengan senario semasa kegiatan pengedaran dadah di negara ini mahupun di peringkat global. *Last* sekali pindaan terhadap akta berkenaan satu usaha murni kerajaan untuk perangi najis dadah.

#### ■1610

Setelah tiga puluh tahun akta ini berkuat kuasa melalui enam kali pelanjutan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara, maka adalah perlu akta ini di perkasa dan beberapa penambahbaikan agar terus relevan dan menandingi jenayah dadah.

Tuan Yang di-Pertua, antara perkara utama dalam rang undang-undang ini yang mendapat sokongan saya ialah memperuntukkan langkah membenarkan pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada sarjan mengambil keterangan bagi membantu siasatan. Membenarkan pendakwa raya hadir semasa siasatan serta membolehkan Menteri menetapkan elaun dibayar kepada saksi dan mana-mana orang di kehendaki hadir. Ini bakal menjadikan siasatan lebih telus kerana dijalankan oleh jawatan sarjan ke atas, pihak yang diambil keterangan juga di beri hak mereka dan dalam masa yang sama pihak pendakwa raya turut di beri peluang yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini turut mencadangkan peruntukan menjadikan kesalahan bagi mana-mana orang atau saksi yang gagal hadir, enggan jawab soalan atau tidak mengemukakan dokumen yang dikehendaki, dikenakan hukuman penjara enam bulan atau denda dua ribu atau kedua-duanya. Ini juga turut mendapat sokongan saya kerana jika tiada keterangan daripada saksi utama, amat susah untuk pihak berkuasa mensabitkan kesalahan orang kena tuduh tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, namun yang menjadi satu isu lagi, sejauh manakah tahap keselamatan saksi ini? Adakah dia terdedah dengan balas dendam? Bagaimana dengan *witness protection program*, dengan izin, yang diwujudkan, yang boleh memberi perlindungan pada saksi yang mahukan identiti mereka ini dirahsiakan, termasuk ketika memberi keterangan di mahkamah. Bolehkah keterangan di rekodkan dan muka mereka dikaburkan?

Tuan Yang di-Pertua, hari ini bekalan dadah ini sebenarnya amat mudah diperolehi, baik apa jenis sekali pun. Malah, khabarnya dadah turut dijual di laman-laman sosial menggunakan kod rahsia dan hanya dibukakan kepada ahli-ahli kalangan mereka sahaja. Seperti yang didedahkan oleh Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi tadi. Malah, saya tertarik dengan salah seorang rakan saya dari Dewan Rakyat yang berhujah baru-baru ini yang mengumpamakan bekalan dadah dengan juadah goreng pisang panas. Beliau turut melahirkan kebimbangan berhubung penyalahgunaan dadah kerana dakwanya bahan terlarang itu lebih mudah diperolehi dengan harga yang murah sama seperti pisang goreng panas yang dijual di tepi-tepi jalan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau di kawasan saya di Utara tanah air, bekalan memang mudah dan murah. Hanya sekitar RM10 sudah dapat beli, macam-macam jenis. Malah ketagihan daun ketum juga terus berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpandangan dalam usaha mencegah aktiviti pengedaran dan penyalahgunaan dadah, saya kira pihak Kementerian Dalam Negeri dan agensi penguatkuasaan yang perlu mengambil langkah pencegahan dari pelbagai aspek termasuk tindakan penguat kuasa. Jika PDRM ada pasukan elit dan jika JPJ juga ada pasukan elit yang memantau tonto, jika Kastam pun ada pasukan DID, di sini saya cadangkan kepada pihak berkuasa berkaitan dadah juga diwujudkan satu pasukan elit khas, satu pasukan *intelligence* khas yang *specialise* dalam isu dadah, kemahiran tinggi serta disokong dengan *gadget* terkini, juga dilatih anjing-anjing yang mampu mengesan dadah walau di lubang mana sekali pun disembunyi. Mampu membuat kerja risikan, sekali gus mengenal pasti dan menahan dalang utama atau tauke besar malah mampu mengesan sesiapa sebenarnya pengedar nombor satu, dadah dalam negara ini. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan, terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas. Silakan

#### **4.14 ptg.**

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia dan salam sehati sejiwa.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 2015. Akan tetapi dalam masa yang empat minit yang Tuan Yang di-Pertua khas kan kepada semua Ahli Dewan untuk berhujah hari ini, saya rasa kesempatannya amat sempit sekali lah. Akan tetapi walau bagaimanapun saya cuba sedaya upaya untuk mengutarakan beberapa isu yang melibatkan dadah pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan langkah kerajaan menggubal rang undang-undang ini memandangkan ancaman dadah ini telah lama berlaku dan sehingga sekarang, masalah ini masih berterusan seolah-olah tiada titik noktahnya. Bezanya masalah dadah yang kita hadapi pada hari ini lebih bersifat kompleks dengan kewujudan pelbagai jenis dadah sintetik berbentuk baru. Berbeza

daripada dadah tradisional yang lazimnya kita temui, malah kita lihat modus operandi untuk penyeludupan dan pengedaran dadah ini pun telah dilakukan dengan pelbagai cara yang sukar di kesan.

Justeru, adalah wajar kerajaan bersama dengan seluruh rakyat Malaysia meneruskan iltizam untuk membendung gejala ini yang jelas telah merosakkan anak bangsa kita, yang boleh meranapkan negara kita yang dicintai. Tujuan rang undang-undang ini adalah untuk membuat pindaan terhadap akta ibu iaitu Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, Akta 316, yang matlamat utamanya adalah untuk memerangi ancaman dadah itu iaitu musuh nombor satu, negara. Statistik 2014 yang dikeluarkan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) menunjukkan bahawa jumlah penagih dadah di Malaysia ialah seramai 21,777 orang penagih dengan penagih berulang seramai 8,172 orang penagih. Nilai pelbagai jenis dadah yang telah dirampas pada tahun 2014 sahaja bernilai 291.7 juta dengan melibatkan tangkapan penyalahgunaan dadah seramai 81,435 orang.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bincangkan, saya hendak ajukan persoalan ini kepada Yang Berhormat Menteri, khususnya. Yang pertama daripada segi undang-undang, saya nampak longgar. Undang-undang di negara kita, terutamanya melibatkan penyeludupan dadah, saya kira ia amat longgar sekali. Kalau kita lihat Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang dikatakan oleh Senator Dato' Suhaimi sebentar tadi, negara kita sememangnya di kelilingi oleh laut dan negara kita bersempadan dengan negara-negara jiran.

Saya hendak sentuh soal penyeludupan dadah, terutamanya di negeri Kelantan, pintu masuk melalui negeri Kelantan. Abe Loh ada? Kalau kita lihat hari ini, Tuan Yang di-Pertua, daripada sempadan Thailand, Tak Bai sampai ke Rantau Panjang ataupun sampai ke Tanah Merah, lebih kurang 128km. Saya masih ingat lagi pada perbahasan saya yang lalu, saya mengesyorkan kepada kerajaan, kepada pihak kementerian khususnya, supaya membina pagar-pagar keselamatan di seluruh sempadan dalam negara, terutamanya di Pantai Timur. Kalau kita tengok hari ini, tengok TV semalam Tuan Yang di-Pertua, Sungai Golok sudah kering air.

#### ■1620

Bermaknanya, ini memudahkan lagi kepada penyeludup-penyeludup tegar yang bawa segala dadah dari luar negara, dari Thailand masuk ke Kelantan, masuk ke negara kita.

Daripada segi penguatkuasaan yang dibuat oleh kerajaan hari ini, kita tengok pos-pos PGA ada di merata tempat, lebih kurang daripada 100 meter ataupun 200 meter antara satu sama lain, tetapi hanya anggota PGA yang menjaga. Kita tidak hendak tuduh pelbagai berlaku- integriti dan sebagainya-tetapi kenapa ia boleh berlaku? Pil kuda berleluasa masuk di Kelantan hari ini. Macam Yang Berhormat Dato' Suhaimi kata tadi, Tuan Yang di-Pertua, makan pil kuda jadi kuat, jadi semangat tetapi ia dadah. Kenapakah boleh berlaku?

Saya sarankan kepada kementerian ataupun kerajaan, satu pos jangan letak sahaja anggota PGA, letak pelbagai agensi kerajaan di situ. Contohnya SPRM, contohnya polis, contohnya PGA, contohnya berbagai-bagai lagi yang boleh membendung. Barulah perkara-perkara yang rasanya daripada segi integriti tidak berlaku. Kita bukan menuduh tapi itulah yang berlaku sebenarnya.

Kenapakah boleh masuk sewenang-wenangnya? 'Abe Loh' duduk di sempadan, 'Abe Loh' Ketua Bahagian Rantau Panjang, memang sempadan, dia pun tahu, dia pun maklum pil kuda, dadah-dadah pelbagai berleluasa masuk melalui antara sempadan Thailand dengan Kelantan. Ini harus dilihat oleh kementerian dan pihak yang berwajib.

Tukar. Saya ingat dulu satu ketika ada tentera yang jaga sempadan, ia boleh membendung, tetapi harapkan satu sahaja agensi kerajaan yang menjaga pintu masuk, ia menjadi masalah kepada kita. Hari ini kita lihat anak-anak Kelantan, anak-anak muda Kelantan, remaja Kelantan, orang kampung saya, Tuan Yang di-Pertua, umur 10 tahun, umur 11 tahun, umur 12 tahun sudah 'lalok' kena pil kuda. Ini yang jadi masalah yang jadi ancaman kepada kita.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan kepada kementerian dan pihak-pihak yang berwajib ataupun kerajaan, banyak kes yang melibatkan dadah hari ini terbiar dan kadang-kadang lambat untuk dibicarakan di peringkat mahkamah. Kita tidak boleh salahkan mahkamah sebab banyak isu-isu lain yang harus diselesaikan, banyak isu yang tertunggak yang harus diselesaikan oleh pihak mahkamah dan Peguam Negara. Saya cadangkan kepada kementerian, seperti negara-negara maju yang ada hari ini, wujudkan khusus mahkamah dadah di Malaysia ini supaya dapat dibicarakan secara cepat dan diambil tindakan secara cepat. Kalau tidak, ia tidak terkesan kepada pengedar-pengedar dadah yang di luar sana masuk ke negara kita.

Banyak hari ini Yang Berhormat kita didedahkan, polis telah berjaya merampas beberapa tempat-tempat memproses dadah dan sebagainya. Berbagai-bagai cara penyeludup-penyeludup dadah ini bawa masuk ke negara. Dalam *air condition* pun ada. Macam-macam cara. Dia orang ini lebih pintar daripada kita. Akan tetapi kita kena ada satu jalan di semua pintu masuk untuk kita mencegah. Penagih dadah, saya rasa tidak berapa itu sangat. Masalah penyeludupan, masalah taikun-taikun.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya, rumah PPR sebagaimana yang saya bahas pada usul yang terdahulu, banyak kecurian berlaku tetapi yang ditangkap penagih dadah. *Pusher*, pembekal dadah, pengedar dadah itu yang harus diambil tindakan. Takkanlah pihak berkuasa tidak boleh tahu siapa yang membekal dadah di situ yang merosakkan anak bangsa kita di situ. Ini yang penting yang harus dilihat oleh penguat kuasa.

Saya harap apa yang kita perkatikan di dalam Dewan hari ini, Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan kita bercakap, Yang Berhormat Dato' Suhaimi bercakap sampai keluar urat-urat leher ini bercakap, satu jam lebih dia bercakap- kita dibagi empat minit sahaja- sebab dia orang kuat PEMADAM, tetapi apa gunanya kalau kita bercakap bertegang leher sekalipun, setiap kali sesi Dewan kita bercakap, akhirnya tindakan tidak diambil? Ini yang penting, penguatkuasaan. Berapa kali sudah kita bercakap pasal dadah ini? Yang Berhormat Dato' Suhaimi, beberapa kali sudah kita bercakap fasal dadah, pasal langkah-langkah keselamatan, pasal keselamatan negara? Tetapi setakat ini, tidak nampak kesan pun apa yang kita cakap. Takkan kita sebagai Ahli Dewan kita bercakap hari ini, habis, selepas itu tunggu hari Dewan esok kita bawa, kita cakap lagi? Kita bawa aspirasi rakyat, hendak jaga rakyat tetapi tindakannya tidak ada.

Jadi, terima kasihlah atas kesempatan yang ada. Saya tidak hendak ambil masa panjang sebab Tuan Yang di-Pertua kata hanya empat minit. Ini pun sudah lebih empat minit. Akan tetapi kalau saya hendak bercakap panjang lagi mungkin Tuan Yang di-Pertua bagi saya sebab memang saya '*hardcore*' Tuan Yang di-Pertua. Saya ini memanglah kempen *manager* Tuan Yang di-Pertua dulu, kempen *manager* utama nombor satu tapi kalah hendak buat macam mana? Kalah lapan undi. Bukan dia tidak pandai, dia pandai. Dah dia pandai, dia bijak tapi orang sana itu lebih bijak.

Jadi, itulah serba sedikit Tuan Yang di-Pertua dan saya sudah dengan *wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani yang memberi pandangan yang bernas dan baik. Pemimpin akar umbi punya ucapan. Sekarang kita jemput pula Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah. Dipersilakan.

#### 4.27 ptg.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap pada petang ini.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kerajaan khususnya KDN dan agensi yang berkaitan seperti AADK dan PDRM yang telah berusaha bersungguh-sungguh dalam membanteras dan mengurangkan masalah dadah iaitu musuh nombor satu, negara kita.

Saya telah pun mendengar hujah-hujah yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi dan saya memahami aspirasi kita, harapan kita supaya masalah ini dapat dibanteras seawal mungkin sebelum ia merebak lebih teruk pada masa-masa hadapan.

Bagaimanapun, saya merasakan suka ataupun tidak suka, kita patut memberikan tahniah kepada pihak kerajaan terutamanya KDN kerana kebelakangan ini kita dapat melihat daripada segi peningkatan usaha terutamanya daripada segi penangkapan yang telah dilakukan dalam kes ini telah bertambah dari tahun ke tahun. Ya, walaupun masalah ini naik tetapi saya perhatikan daripada segi kegigihan kerajaan dan keikhlasan kerajaan untuk membanteras yang dapat kita melihat daripada segi penambahan tangkapan yang telah dilakukan, ini merupakan suatu usaha yang patut kita berikan tahniah kepada pihak kerajaan khususnya KDN.

Saya setuju dengan rakan-rakan saya tadi bahawa daripada segi aspek pelaksanaan, *implementation*, ia merupakan suatu masalah yang agak besar. Ini saya merasakan jika sekiranya pihak KDN dapat memperkukuhkan lagi, memantapkan lagi usaha mengimplementasikan tugas-tugas kita ini dengan betul, dengan baik, *insya-Allah*, *outcomenya*, keputusannya akan menjadi lebih baik di masa-masa hadapan.

Yang Berhormat semua, tidak dapat kita nafikan bahawa corak peningkatan masalah ini amat kita khawatiri. Jumlah penagih yang dikesan mengikut statistik kes bakal meningkat dan bertambah saban tahun. Kita lihat baru-baru ini, menurut Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Narkotik, bahawa dalam

tempoh empat bulan pertama tahun 2016, sebanyak 68,636 orang telah ditahan atas pelbagai kesalahan melibatkan dadah termasuk membekal, memiliki dan positif dadah.

■1630

Walau bagaimanapun, isu ini bukan satu isu yang mudah hendak diselesaikan. Apatah lagi seperti yang kita ketahui, isu dadah ataupun perniagaan dadah ini bukan sahaja satu perniagaan yang di peringkat negara, ia merupakan satu perniagaan yang cukup terancang mengaitkan ataupun mempunyai kaitan perniagaan di peringkat global. Itu satu perkara yang kita kena faham, bukan satu perkara yang mudah hendak diselesaikan.

Keduanya, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, bahkan negeri-negeri tertentu seperti Kelantan yang berdekatan dengan Thailand juga terdedah dengan masalah ini. Hinggakan pada hari ini kita ketahui, Kelantan merupakan salah sebuah negeri yang mempunyai masalah dadah yang cukup tinggi bahkan masalah sosial yang cukup tinggi, walaupun inisiatif pihak kerajaan negeri seperti yang kita faham cukup kukuh untuk membanteras masalah ini. Ini merupakan satu perkara yang begitu *complicated*, begitu kompleks.

Yang Berhormat, kita sedar bahawa penyalahgunaan dadah ini perlu kita ambil berat dan kita titik beratkan. Saya mencadangkan agar pendidikan tentang bahayanya dadah ini perlu ditambah baik. Rakyat Malaysia tanpa mengira umur perlu tahu tentang kesan buruk jika penyalahgunaan dadah berlaku. Bukan sahaja daripada segi aspek kesihatan, malah mereka juga perlu sedar bahawa seseorang di bawah pengaruh dadah mampu melakukan jenayah walaupun kepada anggota keluarga sendiri. Antara usaha baik yang sedang dilaksanakan melalui iklan di televisyen menunjukkan tindakan seorang yang di bawah pengaruh dadah ini sanggup memukul dan mencederakan rakan serumahnya mahupun isteri ataupun ibunya sendiri.

Pada masa yang sama, penerimaan daripada masyarakat dan keluarga bekas penagih ini juga amat perlu agar mereka terus bersemangat untuk menjalani kehidupan seperti orang lain. Kita tidak boleh menghukum dan meminggirkan mereka dek kerana kesilapan yang telah mereka lakukan. Tindakan yang lebih baik ialah kita menerima mereka dalam masyarakat seterusnya membimbing mereka agar tidak lagi terjebak dalam gejala dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi telah mendengar beberapa Yang Berhormat mencadangkan tentang rang undang-undang. Saya juga ingin menyokong penuh berkenaan fasal 5 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 5A dalam Akta 316. Walau bagaimanapun, daripada segi keselamatan, saya bersetuju agar mereka ini dijaga keselamatan mereka, mencadangkan agar pihak kementerian dan pihak-pihak yang terlibat dapat memikirkan satu langkah yang efektif dalam mengambil keterangan saksi kejadian tanpa diketahui umum.

Contohnya ialah pengambilan keterangan secara sulit antara saksi dan pihak terlibat. Begitu juga fasal 3 yang bertujuan untuk meminda subseksyen 4(1), Akta 316 membenarkan pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Sarjan untuk mengambil keterangan. Ini satu cadangan yang amat baik kerana lebih ramai anggota yang diberi kuasa terlibat dalam proses siasatan yang dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan itu saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri dan dijemput pula Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. Sila.

#### 4.34 ptg.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, selamat petang, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya untuk berbahas mengenai Rang Undang-undang Dadah Berbahaya. Saya juga dulu masa dekat MINDEF bersama dengan Datuk Seri Tuan Yang di-Pertua, memang dia seorang yang baik- *look like father*.

Berhubung dengan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya ini Tuan Yang di-Pertua, saya tinggal di sempadan dan bila bercakap soal dadah, ramai rakan akan menyebut bahawa Rantau Panjang yang bersempadan dengan Golok menjadi pintu masuk kepada penyeludupan pil-pil atau dadah-dadah yang berbahaya daripada negara jiran. Dalam perbahasan ini juga, saya melihat rakan-rakan Yang Berhormat lain pun bercakap masalah yang sama.

Dadah ini bukan perkara baru, ia sudah perkara lama. Daripada dahulu lagi, daripada Perang Candu Pertama, Kedua dan Ketiga, dan ini adalah senjata yang digunakan oleh musuh-musuh yang ingin menghancurkan negara kita. Rantau Panjang menjadi pintu masuk utama kalau di sebelah Pantai Timur. Saya melihat gejala ini walaupun undang-undang hukum bunuh, hukum gantung dilaksanakan di negara ini tetapi masalah ini bukan sahaja bertahan, malah makin menjadi-jadi. Kita pun amat hairan aktalah, dadah merbahayalah macam-macam dibentuk, macam-macam diwujudkan, macam-macam dipinda tetapi masalah ini masih berterusan bahkan makin menjadi-jadi. Saya pun amat hairan macam tadi Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani ada menyebut dan saya amat bersetuju. Di Rantau Panjang itu, di sempadan dan saya kerap ke tebing-tebing sungai. Kalau hendak kira pihak penguat kuasa, pihak berkuasa macam PGA berada lebih kurang tiga depa satu pos, maknanya ada dua orang jaga. Tiga depa, satu pos orang jaga.

Jadi, saya hairan macam mana benda ini boleh lepas. Saya tidak hendak katakan soal integriti tetapi saya amat hairan. Kalau hendak kira dengan yang ada tiga depa satu pos itu, hai, tak boleh masuk, payah hendak masuk. Yang ada itu saya tengok, satu pangkat koperal, satu orang prebet, dua orang PGA. Saya mintalah, saya hendak mintalah kepada KDN tetapi saya tahu sebelum ini pun KDN sudah memang macam-macam cara, macam-macam langkah diambil. Mungkin untuk penambahbaikan.

Saya minta KDN hendak letak pengawal untuk menjaga di sempadan itu, jangan letak PGA sahaja. Letak PGA, letak SPRM atau lima oranglah pihak berkuasa yang boleh mengawasi sempadan untuk mengelakkan kemasukan penyeludupan pil-pil kuda. Kebanyakan pil kudalah sejak akhir-akhir ini sebab pil kuda ini di khabarnya untung banyak berniaga. Satu biji itu dia orang kata RM50, RM60, jadi ini menguntungkan.

Saya juga hendak cadangkanlah kepada kementerian selain daripada penguat kuasa yang berada di sempadan itu, ditambah daripada dua ke-lima orang, jangan jabatan yang samalah. Jangan lima-lima itu PGA belaka ataupun sarjan, koperal, lans koperal, prebet, jangan. Letak agensi yang berbeza. SPRM, RELA, kalau di Rantau Panjang itu orang lebih takut RELA dengan polis. Orang peniaga-peniaga cakap dia lebih takut kepada RELA dengan polis sahaja. Tak tahulah sebab apa. Kita minta juga supaya buat *double checking*. *Checking* atas *checking*, penguat kuasa atas penguat kuasa. Kalau penguat kuasa ada di situ, lantik orang lagi untuk kuat kuasa atas kuat kuasa itu. *Double checking*. Kalau tidak, tak ada orang *double checking* atau *recheck*, kita takut berlaku lagi penyeludupan dan soal penguat kuasa lagi akan timbul.

Kalau ada orang lain lagi yang *check* atas penguat kuasa itu, saya rasa benda ini boleh kita bukan hendak curiga atas integriti itu tetapi kalau-kalau takut sebab saya amat hairan, bila sempadan itu kalau hendak pangkalan-pangkalan itu sempit sangat, dekat sangat tetapi benda itu boleh telus masuk ke Rantau Panjang melalui Rantau Panjang. Kita juga ucap terima kasihlah kepada kerajaan mencadangkan supaya buat pagar sempadan.

#### ■1640

Akan tetapi saya minta soal pagar sempadan ini minta KIV dulu sebab yang meniaga ini turun temurun. Saya takut kalau dibuat pagar sempadan, nanti dia orang tidak ada kerja, maka akan wujud masalah sosial lain seperti merompak, menyamun, mencuri, macam-macam lagi sebab sudah tidak ada kerja lain. Saya, kalau soal dia hendak seludup beras itu tidak apalah fasal beras itu makanan asasi kita, boleh masuk pun tidak apa. Benda itu haram tetapi boleh dihalalkan sebab meniaga beras. Kita takut-takut meniaga lain daripada beras, itu saja. Jadi kalau kita buat pagar sempadan, saya takut wujud benda lain. Sekarang ini yang wujud, dia seludup beras sahaja. Saya pun minta supaya peniaga-peniaga di situ jangan meniaga benda-benda yang lain, benda-benda yang diharamkan seperti pil kuda, dadah dan sebagainya.

Jadi kepada KDN, saya sebagai Ketua Bahagian di sempadan itu, saya minta itu sahaja. Penguat kuasa diperkasakan dan meletakkan orang yang berbeza. Jangan PGA belaka lima orang. PGA, SPRM, RELA dan pihak lainlah. *At least* sekurang-kurangnya satu pos ada 5 orang. Saya rasa kalau hendak masuk itu saya rasa susah sikit. Ini bukan saja fasal pil kuda, dadah, tengok beras sajalah. Walaupun jaga banyak, tetapi tetap berlori boleh sampai KL. Itu tidak apalah peniaga beras, orang makan. Akan tetapi yang meniaga dadah dan pil kuda ini. Jadi, saya mintalah supaya KDN teruskan penguatkuasaan dan meletakkan agensi yang berbeza untuk menjaga pos-pos di sempadan itu supaya benda ini tidak berlaku secara berterusan. Boleh buat, polis boleh buat, penguat kuasa boleh buat. Atas dia hendak tidak hendak saja. Saya juga hendak tahu...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagi?

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Sikit lagi. Saya dengan Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua ini memang baik, rapat, *close* masa dekat MINDEF lagi. Ya Tuan Yang di-Pertua ya. Kita dua baik.



**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Jadi saya hendak KDN, angka-angka berapa orang sudah tauke dadah ini di Kelantan terutama yang di Rantau Panjang ini sudah ditangkap? Ini kerana tahun lepas berlaku kes bunuh pun senyap, tidak ada. Tahun lepas pun banyak orang mati kena tembak di Rantau Panjang tetapi senyap, tidak tahu. Tidak ada tangkap apa pun. Jadi saya hendak tahu, berapa orang sudah tauke dadah di Kelantan, di Rantau Panjang ini sudah ditangkap?

Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan, di Rantau Panjang ini saya tengok banyak yang berniaga *top up* telefon pun pakai *Camry*. *Camry* ini mahal. Kalau jual *top up* itu saya rasa tidak boleh pakai *Camry*. Proton Saga pun saya rasa boleh tahanlah. Ini *Camry*. Jual restoran biasa pun pakai BMW *sport*.

Saya pun, itu sebab saya minta *double checking*lah kalau hendak banteras betul-betullah. Benda ini boleh buat, atas hendak tidak hendak sahaja, atas berani tidak berani sahaja. Kalau hendak letak di sempadan Rantau Panjang itu, penguat kuasa itu jangan terlalu lama. Kalau setahun atau enam bulan itu lama. Letak dua bulan, tiga bulan supaya biar dia tidak kenal. Kalau lama, tiga atau empat bulan, enam bulan, bila dia kenal habis, bungkus. Jadi saya minta jangan lama sangat dia bekerja di situ, tiga bulan atau empat bulan okeylah. Jadi untuk makluman Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan, pergi Rantau Panjang itu cuba *check* sebab kita takut benda itu menjadi pintu masuk yang berleluasa, menular masuk habis Malaysia ini dan Rantau Panjang menjadi pintu masuk utama. Ini kerana saya hairan tengok jual *top up* pun pakai *Camry*. Kedai makan biasa pun...

**Dato' Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif:** Beri laluan. Sikitlah. Jadi, adakah pihak, adakah Datuk Haji Abdullah bersetuju bahawa apa pun undang-undang yang kita lakukan pindaan hari ini tidak akan berjaya kalau penguatkuasaan, pertahanan kita di sempadan ini dibolosi dengan mudah. Jadi apa pun yang kita buat, apa pun undang-undang, mereka ini tidak takut kerana di sempadan itu mudah dibolosi. Adakah Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bersetuju bahawa apa tindakan pun yang bakal dilakukan, perundangan ketat bagaimanapun tidak akan berjaya kerana sikap penguatkuasaan di sempadan ini mudah dibolosi. Adakah Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah setuju dengan pandangan ini?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tolong secara ringkas ya.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat Dato' Mohd. Salim. Apa pun kita buat, hukum pancungkah, hukum bunuhkah, hukum letak atas heli, tendang dekat laut pun tidak jadi kalau penguat kuasa kita tidak betul-betul menjadi penguat kuasa. Setakat undang-undang saja tidak jadi. Pelaksanaan, penguatkuasaan itu mustahak. Jadi, saya setuju dengan Yang Berhormat Dato' Mohd. Salim tadi.

Jadi untuk makluman dan tindakan Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan, yang saya sebut tadi minta perhalusi dan penguat kuasa itu betul-betul dikuatkuasakan. Jangan undang-undang sahaja kuat kuasa, tetapi pelaksanaannya ala kadar saja. Jadi, saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Abdullah bin Mat Yasim. Terima kasih banyak dan saya jemput iaitu Yang Berhormat Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam. Sila.

**4.46 ptg.**

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Pendek saja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana bagi saya juga peluang untuk menyokong Rang Undang-undang...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Empat minit sahaja Yang Berhormat.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Ya, 4 minit.

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Ini semenjak belum kahwin lagi. Saya hendak sentuh pertama Fasal 3, subseksyen 41, Pegawai Sarjan sekurang-kurang boleh menjadi saksi. Ini satu penambahan yang baik. Saya hendak tanya, berapa ramai Sarjan akan terlibat, dengan melibatkan mereka? Dulu saya ingat Inspektor ke atas. Dulu berapa orang dan yang tambahan Sarjan berapa orang pula?

Kedua, saya hendak tanya juga, kes tertangguh oleh sebab kekurangan tenaga kerja yang masih lagi belum disiasat.?

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh Fasal 4 subseksyen 3B, Yang Berhormat Menteri boleh tetapkan elaun. Dulu saksi *free* ya, jadi kali ini kita bagi dia elaun. Ini satu perkara yang amat baiklah. Berapa ratus ringgit dapat sekali pergi jadi saksi itu dan peruntukan yang telah kerajaan sediakan agar saksi-saksi berani mengambil risiko?

Saya sentuh berkaitan dengan hukuman. Saya setuju tadi banyak kata hukuman tidak keras. Jadi, berapa pengedar dadah yang telah dihukum mati setakat ini? Sudah pergi mahkamah dan didapati bersalah, berapa sudah dihukum dan berapa pula sudah jalani hukuman ataupun masih lagi dalam penjara. Satu, rakyat Malaysia. Kedua, rakyat luar negara.

Keempat, saya lihat di peringkat antarabangsa banyak membenarkan penggunaan *drug* tertentu macam *methadone*. Malaysia sudah benarkan, berapa ramai yang telah gunakan? Berapa duit sudah terlibat? Berapa pula yang berjaya ataupun tidak berjaya, masih lagi *on methadone*?

Kelima Tuan Yang di-Pertua, saya sokong Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah cakap tadi supaya SPRM patut dimasukkan dalam Jawatankuasa Penguatkuasaan.

Akhirnya, saya lihat kita kena kuatkan kerjasama antarabangsa dalam kempen-kempen ataupun konvensyen anti *drug*. Kita patut panggil juga pertubuhan-pertubuhan *United Nations* seperti UNODC, WHO, OHCHR, *UN Women*, UNICEF, UNESCO, UNAIDS agar mereka dapat sama-sama berkongsi dan perbincangan ini patut selalu diadakan oleh PEMADAM, mungkin tiga bulan sekali dan merentasi semua peringkatlah, dari nasional sampai kepada pihak akar umbi. Satu, berkaitan dengan kerjasama antarabangsa ini, kita patut kuatkan peringkat rantau, *bilateral* dan juga rantau ASEAN. Misalnya, Singapura berjaya. Kita dapat adakan kerjasama dengan Singapura, enam bulan sekali kita *meeting*. Macam mana Singapura berjaya dan kita tidak berjaya.

## ■1650

Kedua, kita adakan kerjasama bilateral dengan Indonesia, Thailand dan juga dengan Filipina. Dengan Indonesia dengan Indonesia sahaja tak usah campur dengan Thailand. Dengan Thailand dengan Thailand selalu bolos dekat sempadan. Begitu juga dengan Filipina habis bilateral kita juga patut adakan peringkat multilateral di rantau ASEAN. Jauh daripada itu kita juga boleh adakan di peringkat *region* ataupun rantau-rantau yang lain seperti dengan pihak Eropah- *European Community* atau pun dengan Afrika, kerajaan ada juga dengan Afrika yang berjaya lebih baik daripada kita.

Dengan itu saya berharap jika tindakan ini dibuat secara konsisten saya yakin nama Malaysia esok akan bertukar daripada keadaan yang tak menarik sekarang kepada yang lebih menarik dengan pencegahan dadah yang lebih berkesan kerana itu saya lagi sekali Tuan Yang di-Pertua menyokong pindaan Rang Undang-undang Akta Dadah Berbahaya yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam dan akhirnya oleh sebab Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid tarik diri saya bagi kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun.

**4.51 ptg.**

**Puan Hajah Azizah binti Haji Harun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terlebih dahulu terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya berbahas dalam Rang Undang-undang Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Kami di Dewan Negara menghargai segala usaha yang telah dimainkan oleh kerajaan terutamanya pihak kementerian dalam membawa undang-undang ini ke Parlimen. Usaha ini harus berterusan dalam memastikan gejala dadah ini tidak berleluasa di Malaysia.

Penyalahgunaan dadah saya lihat semakin serius di negara kita walaupun kita melihat sudah ada pelbagai pindaan yang dilakukan oleh kerajaan untuk memerangi gejala ini namun ia tetap menjadi masalah negara malah menjadi masalah yang serius setiap hari. Aktiviti jenayah pengedaran dadah ini sudah semakin licik. Sekiranya dahulu mereka sering bertemu mata dengan mata atau berjumpa di lorong-lorong gelap dan sekarang ini menjadi semakin canggih dengan penggunaan teknologi moden, saya ingin tahu apakah langkah kementerian dalam memerangi penyebaran dadah dan menjadikan alat siber sebagai alat perhubungan mereka. Media sosial kini menjadi pentas mereka untuk menjalani kegiatan mereka mengedar dadah. Soalan saya apakah langkah-langkah kementerian dalam menangani masalah ini sekiranya ada peruntukan dalam undang-undang bagi mengawal dan mengambil tindakan ke atas mereka?

Tuan Yang di-Pertua, langkah pemulihan merupakan satu kaedah yang paling berkesan dalam membantu mereka dalam masalah penagihan dadah. Kita bersyukur kerana ada penyertaan daripada

badan swasta dan sukarela dalam menyediakan pusat-pusat pemulihan untuk merawat dan membantu penagih tetapi malangnya seperti mana badan sukarela lain peruntukan kewangan sentiasa berkurangan.

Soalan saya, adakah kementerian dalam semangat untuk membantu penagih-penagih yang ingin kembali kepada masyarakat supaya disediakan peruntukan khas dan menyalurkan bantuan kepada pusat-pusat pemulihan yang bukan milik kerajaan ini? Adakah kementerian juga boleh menyalurkan bantuan daripada segi kepakaran dan kemudahan bagi meningkatkan prasarana di pusat-pusat pemulihan tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menumpukan kepada pindaan yang terdapat pada rang undang-undang ini iaitu pindaan pada fasal 6 di mana untuk penggunaan dan meletakkan peranti pengawasan elektronik pada masa yang terbabit dalam kes ini. Saya menyokong pindaan dalam undang-undang ini untuk mengadakan sistem pengawasan ini perlu bagi kita mengawal selia pergerakan mereka yang ditahan atau suspek dalam masalah dadah supaya cuma ingin memastikan mengenai ciri-ciri keselamatan yang terdapat pada peranti ini sama ada sistem elektronik yang terdapat pada peranti ini tidak mudah untuk dibolosi dan dari syarikat mana dan negara mana alat ini diperolehi? Pohon jawapan kepada perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan dadah musuh bangsa dan negara. Bersama-samalah kita untuk mencapai sebuah negara yang bebas daripada penyalahgunaan dadah dan juga perdagangan dadah. Saya dengan ini menyokong sepenuhnya pindaan Rang Undang-undang Akta Dadah Berbahaya 1985. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun. Terima kasih banyak. Ramai yang dapat bercakap petang ini tentang topik ini dan sekarang saya dengan segala hormatnya minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Silakan.

#### **4.56 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan Mohamed]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pada petang ini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985.

Walau bagaimanapun banyak perbahasan tadi menyentuh kepada akta-akta lain sebenarnya. Banyak menyentuh Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Dadah Berbahaya (Perlucutan Harta) 1988 dan juga Akta Racun 1952. Walau bagaimanapun saya akan cuba menjawab seberapa banyak pertanyaan yang dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat walaupun ia tidak berkenaan dengan apa yang kita bentang pada hari ini iaitu Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas).

Sebelum saya hendak menjurus kepada perkara spesifik saya hendak memberikan penjelasan di sini bahawa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) ini memang digunakan sebagai mengatasi masalah yang ada pada akta-akta yang lain terutamanya Akta Dadah Berbahaya 1952. Sebabnya adalah kerana kalau pesalah sama ada dia merupakan penagih ataupun dia merupakan

pengedar dan sebagainya dibawa ke pengadilan di mahkamah maka ini akan memberikan satu tekanan yang berat kepada pihak pendakwa kerana terpaksa membuktikan kesalahan pesalah tersebut di mahkamah. *Burden of proof* iaitu bukti yang diperlukan untuk mendakwa pesalah-pesalah ini adalah tinggi iaitu ia berkenaan dengan *possession* maknanya kalau untuk didakwa pesalah tersebut beliau mesti ada dadah itu dalam pegangan dia, atas badan dia.

Jadi selalunya kes-kes dadah ini tidak berjaya untuk dijatuhkan hukuman melainkan ia terbukti bahawa pesalah tersebut membawa dadah tersebut. Jadi yang selalunya yang ditangkap merupakan penagih ataupun pengedar dadah yang kecil-kecilan ini. Pengedar dadah yang meniaga dadah ini untuk membiayai penagihan mereka dan susah untuk ditangkap mana-mana *kingpin* ataupun pengedar dadah yang besar ini kerana mereka tidak dapat ditangkap kerana mereka tidak mempunyai dadah tersebut di atas badan mereka.

Saya faham tadi ada banyak juga rintihan yang diberikan oleh Yang Berhormat bahawa walaupun ada hukuman mati mandatori di bawah seksyen 39(b) di bawah Akta Dadah Berbahaya tapi masalah dadah di negara kita ini tetap tidak dapat diselesaikan sebabnya senang sahaja. Kalau permintaan untuk dadah itu sentiasa meningkat maka kalau kita tangkap orang pun kalau kita hendak cuba kekang kegiatan ini statistik kita tetap akan meningkat juga sebab dia punya permintaan meningkat...

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yassim:** Yang Berhormat Menteri, boleh tanya sedikit kah?

**Datuk Nur Jazlan Mohamed:** Tak, bagi saya habis dulu, hendak bagi *background* sedikit lah mengenai masalah yang dihadapi oleh kementerian ya.

#### ■1700

Jadi yang penting di sini adalah bila permintaan ini tinggi dan juga bekalan pun tinggi disebabkan oleh keuntungan yang lumayan. Sekarang ini sahaja aktiviti pengedaran dadah ini membawa keuntungan bukan sahaja *million* Ringgit, berpuluh *million* Ringgit, ratusan *million* Ringgit juga. Kami pun belum ada statistik yang benar-benar mengenai keuntungan yang diraih oleh pengedar-pengedar dadah ini.

Akan tetapi daripada maklumat yang saya ada, rampasan oleh pihak polis melalui aktiviti unit STING, rampasan yang dibuat ini yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah seramai 68,000 orang ditahan. Jumlah rampasannya ratusan juta Ringgit. Jadi, ini merupakan satu insentif yang susah untuk dihentikan oleh pihak berkuasa kerana mereka yang terlibat dalam aktiviti pengedaran dadah ini dia rasa bahawa ganjarannya lumayan, risikonya boleh dipertimbangkan.

Oleh sebab itu apabila disebut mengenai penguatkuasaan, saya maklum. Kami di pihak KDN maklum bahawa penguatkuasaan pun mempunyai masalah kerana upahnya itu besar. Ia juga boleh menjadi insentif kepada mereka yang terlibat dalam penguatkuasaan juga untuk memberikan mungkin kerjasama ataupun pelbagai cara lagilah yang tidak mengekang kepada aktiviti pengedaran dadah ini. Walau bagaimanapun, saya hendak sebut di sini pihak polis ataupun pihak-pihak berkuasa yang terlibat

telah meningkatkan usaha mereka dan telah mempertingkatkan tangkapan dan dakwaan yang dibuat terhadap pengedar dadah ini.

Sekarang ini saya hendak sebut mengenai LPK ini sebab Akta Dadah Berbahaya LPK ini ia sebenarnya merupakan satu mekanisme yang digunakan oleh kerajaan untuk menahan mereka yang terlibat dalam aktiviti dadah ini. Maknanya kalau melalui siasatan polis, ada hasil siasatannya, polis mengumpul bukti dan kalau bukti itu cukup polis juga mendapatkan keterangan daripada saksi dan kerja yang dibuat oleh penyiasat polis itu direview oleh penyiasat kita dari Lembaga LPK. Selepas itu baru dikeluarkan arahan yang ditandatangani oleh Menteri sendiri supaya orang-orang tertentu ditahan untuk tempoh dua tahun.

Jadi ada prosedur-prosedurnya yang digunakan untuk menahan mereka yang terlibat dalam aktiviti dadah ini terutamanya bertujuan untuk mengeluarkan mereka yang terlibat dalam aktiviti dadah ini ke tempat lain. Oleh sebab itu kita boleh gunakan kaedah sekatan kepada mereka yang terlibat dalam aktiviti dadah ini sama ada dia merupakan penagih atau pengedar dan sebagainya. Kita keluarkan mereka daripada masyarakat ada yang ada di tempat tersebut dan kita letakkan mereka dalam pusat-pusat pemulihan supaya mereka akan dapat dipulihkan jauh daripada masyarakat setempat. Apabila sudah yakin, baru kita lepaskan mereka balik semula ke tempat asal mereka.

Tadi ada Yang Berhormat mengatakan bahawa aktiviti dadah ini sebenarnya memberikan kesan yang berat ataupun kesan yang negatif kepada keluarga kerana ia melibatkan faktor-faktor dalam keluarga itu sendiri yang mungkin menyebabkan penagih-penagih yang telah ditahan, dia kembali semula untuk menagih dadah. Faktor kawan-kawan juga akan menjadi faktor untuk menarik mereka untuk kembali semula kepada aktiviti menagih dadah ini.

Jadi saya hendak maklumkan di sini dan juga bahawa selain daripada usaha oleh kerajaan untuk mencegah penagihan dan pengedaran dadah di negara kita ini, ada satu lagi masalah yang besar yang timbul iaitu masalah macam mana kita hendak mengatasi jenayah rentas sempadan. Oleh sebab maklumlah Malaysia ini merupakan negara yang begitu terbuka kepada faktor globalisasi. Kita hendak buat *airport* kita yang paling besar, kita hendak buat *port* kita yang paling besar, kita hendak jadi hab kepada pergerakan manusia dan juga pergerakan barang di rantau ASEAN ini. Maka itu juga membuka negara kepada aktiviti-aktiviti jenayah rentas sempadan yang berlaku.

Jadi tertarik kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah yang begitu panjang lebar tadi bercerita pasal AKSEM. Ini saya hendak beritahu AKSEM merupakan Agensi Keselamatan Sempadan yang baru dibentuk. Dahulu AKSEM ini adalah dahulu di bawah Kementerian Dalam Negeri di bawah Unit Penyeludupan. Sekarang ia telah dinaiktarafkan dan kita satukan banyak agensi di bawah AKSEM ini Agensi Keselamatan Sempadan ini di bawah seorang komander. Antara agensi-agensi yang di bawah AKSEM ini ada PGA, ada kastam, ada imigresen, ada kenaf dan juga pelbagai agensi lain yang dianggap perlu untuk memastikan keutuhan sempadan kita.

Jadi ada usaha oleh kerajaan untuk membuat operasi bersepadu untuk menjaga keutuhan sempadan kita. Akan tetapi itulah dia tadi Yang Berhormat Rantau Panjang menyebutkan *rotation*

pegawai-pegawai di sana. Kita memang ada rancangan tetapi rancangan tersebut melibatkan kos. Kita boleh letakkan pegawai selama tempoh tiga bulan atau empat bulan tetapi bayangkan kosnya sekiranya pegawai itu terpaksa dipindahkan dari negeri lain.

Jadi ini juga merupakan kekangan kepada kerajaan tetapi kita telah membuat strategi untuk memutarakan anggota-anggota yang menjaga di sempadan ini sekurang-kurangnya dalam negeri supaya mereka tidak terlalu lama di sesuatu tempat dan menjadi *familiar*, dengan izin, dengan orang tempatan yang mungkin hendak menarik mereka untuk terlibat dalam aktiviti ini.

Tadi pun saya tertarik dengan saranan daripada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bahawa kerjasama di antara United Nation, di antara negara ASEAN kita dipertingkatkan. Sebenarnya kerjasama ini telah wujud di kalangan negara-negara di ASEAN, di kalangan Kementerian Dalam Negeri, polis di negara ASEAN ini supaya kerjasama daripada segi bertukar maklumat *intelligence*, kadang-kadang bertukar keupayaan. Kita hantar staf kita ke sana, mereka hantar staf mereka ke sini. Kita sama-sama mempertingkatkan keupayaan kita untuk memastikan bahawa segala aktiviti rentas sempadan di dalam ASEAN dapat dikesan dengan lebih cepat dan juga tindakan boleh diambil rentas sempadan.

Maknanya kita beri maklumat lebih awal kepada negara jiran kita sekiranya mereka mempunyai aktiviti berkenaan dengan jenayah rentas sempadan macam dadah ini berlaku dalam negara kita tetapi melibatkan orang kita. Sama juga seperti apa yang berlaku orang dia masuk negara kita, mereka beritahu kita, kita akan dengan lebih cepat. Jadi usaha sama seperti ini dipertingkatkan termasuk juga menggunakan internet atau menggunakan peranti internet dan sebagainya untuk mengesan aktiviti komunikasi antara sindiket-sindiket dadah ini.

Di peringkat *United Nations* sendiri sekarang ini kita ada masalah yang besar. Saya hendak maklumkan kepada Dewan ini bahawa di peringkat *United Nations*- saya baru sahaja pulang daripada menghadiri *United Nations General Assembly Special Session on Drugs*, dengan izin, di mana perundingan ini dimulakan pada tahun 2009 dan dijangka ditamatkan pada tahun 2019 yang mana semua keputusan mengenai dasar dadah mahu diputuskan secara sepakat di peringkat *United Nations*.

#### ■1710

Cuma baru-baru ini ada gerakan daripada negara-negara seperti di Eropah dan juga di Amerika Selatan yang mahu dipanggil *decriminalize drugs*, dengan izin. Maknanya, dia hendak menghalalkan penggunaan dadah. Selalunya dadah yang *soft drugs*. Dadah yang mempunyai kesan yang dianggap kecil seperti ganja dan sebagainya. Kedua, mereka hendak menumpukan kepada perubatan secara *harm reduction*, di mana *substitute* kepada dadah, dapat diberikan kepada pesakit-pesakit. Itu penggunaan *methadone* dan sebagainya dan dadah-dadah alternatif ini, mereka hendak gunakan perkara tersebut untuk menyembuhkan penyakit.

Ketiga, mereka hendak memaksa negara-negara yang masih lagi ada undang-undang mati mandatori ini supaya memansuhkan undang-undang tersebut. Jadi, ada gerakan daripada negara-negara di Amerika Selatan dan juga daripada Eropah yang mahu buat begini. Mungkin kerana mereka sudah

gagal dalam usaha mereka untuk mengurangkan aktiviti dadah daripada segi penagihan dan juga daripada segi pengedaran di negara mereka sendiri. Tadi ada seorang Yang Berhormat yang menyebut tentang Mexico. Sudah tidak boleh kawal lagi.

Jadi sekarang dia hendak halalkan sesetengah dadah pula. Adakah kita di Malaysia hendak mengambil pendekatan begitu? Saya telah memberikan pandangan Malaysia bahawa kita masih lagi mengamalkan dasar *zero tolerance* kepada dadah. Kita tidak boleh terima cara orang barat hendak selesaikan masalah dadah ini kerana masalah dadah ini berkenaan dengan orang muda. Kita orang yang sudah berumur ini, apa yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Suhaimi tadi, HTC ya. Pengaruh apa tadi, H- HCT? Hidro apa- *tetrahydrocannabinol*. Tadi saya sudah *Googlean*. Pengaruh itu kepada orang yang lebih berumur tidak kuat tetapi kepada orang muda, ia memang siapa yang terjebak dengan dadah ini, pada peringkat umur muda, tambah lagi yang berumur belasan tahun ataupun orang yang berumur awal 20-an, ia kuat. Mereka sudah cuba dadah ini. Susah untuk mereka hendak dipulihkan semula kerana itu merupakan satu sifat fizikal dadah ini. THC ini kepada penagihan dadah ini.

Jadi, kalau kita ambil pendekatan untuk meringankan atau *decriminalize* penggunaan dadah yang dianggap lembut ini, *soft drugs* macam ganja dan marijuana ini, ia akan menjadi pintu masuk. Dadah yang pertama yang akan digunakan oleh anak-anak muda kita ini untuk menjadi penagih dadah. Seperti biasa, penagihan dadah ini nikmatnya itu sentiasa dicari oleh penagih dadah ini. Maknanya, kalau dia sudah biasa dengan dadah yang lembut, selepas itu nanti dia akan hendak dadah yang mempunyai *effect* yang lebih kuat lagi untuk memberikan mereka kekhayalan tersebut. Ini akan seterusnya memberikan masalah kepada kita kerana mereka akan menagih dadah-dadah yang lebih kuat seperti heroin, kokain dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, sekarang ini dadah yang paling popular dadah yang berbentuk sintetik. Dadah *chemical*. Dadah *chemical* ini bukan sahaja merosakkan badan kita dan minda kita, ia boleh membunuh sekiranya dadah tersebut merupakan dadah yang disalah campur dan sebagainya. Dadah seperti ini susah untuk dibanteras kerana ia merupakan dadah yang boleh dibancuh. Ia bukan dadah *natural* yang diladangkan, yang tumbuh. Ia merupakan dadah yang dicampur dari bahan-bahan kimia yang lain. Begitu mudah untuk bahan-bahan kimia ini hendak diimport masuk ke dalam negara kita ini. Selepas masuk ke dalam negara kita ini, peralatan itu dipasang di sini dan dadah itu dicampur di sini. Ada fenomena baru sekarang, di mana pakar-pakar bancuh atau tukang masak dadah ini diimport dari negara-negara lain ke Malaysia untuk mengajar orang kita untuk bancuh dadah ini.

Ini juga menimbulkan masalah apabila kita juga menjadi hab kepada pengedaran dadah di rantau Asia Tenggara ini. Dadah kita dieksport ke Thailand dan dieksport ke Indonesia. Dulu kita menerima import. Sekarang ini ada aktiviti di mana dadah tersebut dibuat di sini dan dieksport ke negara lain. Sebab itulah kita juga perlu mengetatkan undang-undang kerana undang-undang seperti yang diperlukan untuk mengatasi gejala pembuatan dadah yang baru ini memang diperlukan secepat mungkin.

Akan tetapi yang pentingnya pada hari ini, kita hendak tumpukan kepada undang-undang kita pada hari ini iaitu langkah-langkah pencegahan khas ini dengan tujuan untuk menyembuhkan mereka



yang terlibat dalam aktiviti pengagihan dadah. Bukan kita hendak menghukum mereka. Jadi, saya pergi teruslah kepada soalan-soalan spesifik yang telah dibawa oleh Yang Berhormat tadi. Soalan pertama daripada Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah. Adakah dadah itu jenayah atau penyakit? Bezanya kesan daripada penyalahgunaan dadah akan menyebabkan ketagihan dan menyebabkan masalah kesihatan. Justeru, ia merupakan penyakit yang memerlukan rawatan atau pemulihan kepada seseorang itu.

Jadi, bagi kegiatan pengedaran dadah, itu satu kegiatan jenayah dan salah daripada segi undang-undang. Jadi, bezanya penagih kita uruskan mereka sebagai mereka yang berpenyakit. Pengedar, kita takrifkan mereka sebagai penjenayah. Kita kenakan tindakan undang-undang yang sekeras-kerasnya.

Air ketum. Air ketum ini Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi, ini yang susah mengenai usaha kerajaan untuk hendak mengawal penggunaan dan pengedaran dadah ini kerana ada juga dadah-dadah ini yang digunakan oleh masyarakat. Ia merupakan satu budaya. Cuma bezanya sekarang ini, ketum ini sebenarnya kita letakkan di bawah Akta Racun dan bukan di bawah Akta Dadah. Akan tetapi usaha untuk hendak meneliti semula kesan dan juga *effect* daripada ketum ini supaya kita dapat meletakkannya dalam kategori yang sesuai. Apakah perbezaan dadah dengan racun? Dadah diertikan sebagai ubat-ubatan tetapi selalunya disalahgunakan. Sebab itu dadah daripada segi perubatan berfungsi sebagai penahan sakit dan juga penenang. Racun adalah bahan yang boleh menyebabkan sakit atau mati. Itu bezanya. Perbezaan statistik.

Soalan seterusnya, perbezaan statistik di antara 2011 sehingga 2013 berkaitan dengan penagihan dadah antara PDRM dengan AADK. Tadi Yang Berhormat Dato' Suhaimi ada menyebut mengenai kenapa statistik AADK itu rendah tetapi statistik polis tinggi? Okey, jawapannya statistik AADK merangkumi semua orang yang ditakrif bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, termasuk orang yang diperintahkan untuk menjalani rawatan dan pemulihan. Statistik PDRM pula hanya merangkumi semua tangkapan dengan saringan air kencing yang positif yang dilakukan semasa operasi atau tangkapan. Jadi, ada *gap* antara tindakan selepas pihak polis menangkap dan juga dengan rawatan yang dibuat oleh AADK.

#### ■1720

Seterusnya, statistik penagih pertama dan penagih berulang sehingga sekarang. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan Agensi Antidadah Kebangsaan, jumlah terkumpul bilangan penagih dadah yang dikesan dari bulan Januari 2010 sehingga Februari 2016 di Malaysia adalah seramai 131,841 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 127,797 orang lelaki dan seramai 4,044 orang perempuan. Golongan muda berumur 19 tahun dan ke bawah merekodkan jumlah penyalahgunaan seramai 8,732 orang. Kategori umur 20 ke-39 tahun merekodkan jumlah penyalahgunaan seramai 93,044 orang dan kategori umur 40 tahun ke atas adalah seramai 29,355 orang.

Dalam tempoh tahun 2010 hingga Februari 2016, dadah jenis opiat seperti heroin merupakan dadah yang paling banyak disalahgunakan iaitu mencatatkan seramai 79,491 orang menyalah guna. Dadah *methamphetamine* merekodkan jumlah penyalahgunaan seramai 32,037 orang dan ganja seramai 11,919 orang. Pil-pil *amphetamine*, tadi pil kuda yang disebutkan oleh Yang Berhormat, yang merangkumi dadah *ecstasy* merekodkan seramai 9,417 orang.

Seterusnya, berapakah bilangan penagih yang menjalani rawatan program *methadon*? Sehingga Februari 2016, sebanyak 26 fasiliti AADK telah melaksanakan program *methadon* dengan jumlah keseluruhan *client*- penagih di AADK kita panggil *client*, *customer* pula- yang aktif seramai 2,532 orang.

Soalan seterusnya, adakah AADK mengambil kira pusat pemulihan dadah persendirian dan mengadakan lawatan dan pemeriksaan berkala kepada pusat-pusat tersebut? Memang pusat pemulihan persendirian memang banyak ya. AADK memang ada pemantauan berkala yang berkriteria bagi pewartaan sesebuah pusat yang memberikan perkhidmatan rawatan dan pemulihan tersebut.

Seterusnya untuk jawapan kepada Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed. Saya ada sebutkan di awal-awal tadi bahawa kita mengambil kira penagih sebagai pesakit yang berpenyakit dan kita tidak mengenakan tindakan kepada mereka dalam bentuk penghukuman.

Soalan Yang Berhormat tadi ada menyebut mengenai apakah usaha kerajaan untuk mendidik penagih dadah ini. Untuk makluman Yang Berhormat, orang yang ditahan yang dihantarkan kepada pusat pemulihan diwajibkan menjalani modul pemulihan sepenuhnya. Antara isi modulnya, modul keagamaan, kerohanian, jati diri, kenegaraan, psikologi dan juga nilai-nilai murni. Faktor agama pun diselitkan dalam program-program ini. Walau bagaimanapun, kita sentiasa mengadakan kajian kepada teknik-teknik yang digunakan untuk memulihkan penagih dadah ini.

Seterusnya isu berkaitan peruntukan seksyen baru 5A mengenai kesalahan kerana tidak hadir untuk memberikan keterangan dan sebagainya. Kedua, bagaimanakah kementerian dan pihak berkuasa boleh memberikan jaminan keselamatan saksi terjamin dan nyawa saksi tidak terancam? Ketiga, dalam kes yang melibatkan dadah, sama ada keterangan saksi diambil secara risikan dan tidak boleh didedahkan ke atas keselamatan saksi?

Di sini LPK, kehadiran saksi adalah penting kerana keterangan saksi itu merupakan bukti yang digunakan untuk mendakwa mereka yang terlibat. Juga, penting bagi saksi-saksi ini bercakap benar dan hadir apabila dipanggil semula. Saksi-saksi yang hadir memberi keterangan kepada pihak polis dan pegawai siasatan akan dilindungi identiti mereka.

Sebabnya begini. Kalau ada pendakwaan di mahkamah, maka saksi terpaksa hadir di mahkamah untuk memberikan keterangan secara fizikal. Akan tetapi di bawah prosedur LPK ini, pegawai penyiasat akan mengambil keterangan daripada saksi. Pegawai daripada LPK akan mengesahkan keterangan daripada saksi tersebut. Saksi tersebut tidak berjumpa dengan siapa-siapa melainkan pegawai-pegawai penyiasat sahaja. Secara itu, identiti saksi tersebut dilindungi. Tidak seperti dalam pendakwaan di mahkamah bawah seksyen 39B di mana mereka terpaksa hadir dalam mahkamah dan orang yang

mereka tuduh itu boleh mengenal pasti mereka ini siapa dan mungkin mengambil tindakan yang tidak baik kepada mereka. Identiti mereka tidak akan didedahkan kepada sesiapa.

Soal *kingpin* tadi ya. Soalan pertama, adakah *kingpin* ditangkap? Ya, ditangkap. Berapa ramaikah yang telah ditangkap dan juga berapakah nilai rampasan hasil daripada tangkapan *kingpin* tersebut? Jawapannya, PDRM telah berjaya menangkap *kingpin* dari tahun 2013 ke tahun 2015 seramai 79 orang setakat ini. Nilai rampasan berkaitan tangkapan *kingpin* tersebut dari tahun 2013 ke tahun 2015 adalah berjumlah RM173 juta.

Saya hendak bagi maklumat sedikit mengenai kerakyatan *kingpin* yang telah ditangkap. Rakyat Malaysia seramai 48 orang, rakyat Singapura seramai dua orang, rakyat Thailand satu orang, rakyat Nigeria seramai 18 orang, rakyat Iran seramai lapan orang dan rakyat Pakistan seramai dua orang. Jadi, jelas menunjukkan bahawa operasi pengedar dadah ini merupakan satu operasi yang rentas sempadan yang datang daripada negara-negara yang jauh dari Malaysia pun tetapi mereka boleh beroperasi di sini kerana keuntungan lumayan yang dijanjikan melalui aktiviti pengedaran dadah ini.

Itu sahajalah yang saya hendak memberikan jawapan pada hari ini. Kalau ada apa-apa soalan daripada Yang Berhormat yang mungkin belum jelas lagi, saya sedia menjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat telah menjawab dengan penuh baik. Sekarang saya hendak pergi kepada agenda lain. Menteri sudah menjawab.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 7** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 4 Mei 2016. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.32 petang.]*

